

Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS

**PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 39

Rabu

21 September 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 32)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005 (Halaman 33)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 21 September 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kesan pelaksanaan penglabelan mandatori dengan *hologram* keselamatan ke atas produk kesihatan dan perubatan terhadap harga bahan berkenaan di pasaran. Sejauh manakah pendekatan ini berkesan dalam menangani masalah penjualan ubat-ubatan palsu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Pelaksanaan penglabelan mandatori dengan hologram keselamatan ke atas produk kesihatan dan perubatan tidak memberi kesan ke atas harga ubat. Harga setiap label ialah 5.6 sen dan jika di campur dengan kos penglabelan dan perkhidmatan lain, kos pelaksanaan ini adalah kurang daripada 15 sen. Tambahan kos ini tidak signifikan berbanding dengan kos pengeluaran ubat keseluruhannya.

Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai usaha seperti pendaftaran produk, tindakan penguatkuasaan dan memberi pendidikan kepenggunaan untuk menangani masalah penjualan ubat-ubatan palsu. Penggunaan hologram keselamatan adalah salah satu pendekatan untuk menangani masalah penjualan ubat-ubatan palsu. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.* Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan daripada pihak kementerian. Apa sebenarnya yang berlaku di Hospital Sungai Petani ini, Tuan Yang di-Pertua? Minta maaf. Ini perkara, masalah perkhidmatan yang ada kaitan dengan kepentingan kebajikan rakyat yang

kalau beginilah keadaan hospital, keyakinan rakyat akan luntur dan kalau keyakinan rakyat akan luntur kepada satu jabatan yang begitu penting kepada rakyat, ini satu kesilapan yang paling besar. Saya ingin hendak dapatkan kepastian, jaminan daripada kementerian, daripada menteri sendiri.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah perkara-perkara ini boleh berlaku kepada hospital-hospital lain? Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau ada jawapan, jawab.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kementerian Kesihatan memang mengambil berat berkaitan dengan perkara yang telah terjadi di Hospital Sungai Petani dan Ketua Pengarah sendiri akan mengambil tindakan terhadap kes-kes yang dilaporkan di surat khabar. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya balik kepada Beluran, ya.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan yang mempunyai matlamat dan tujuan yang baik. Umpamanya Kempen Anti Merokok "Tak Nak" tetapi akhirnya kita melihat pihak ketiga, iaitu pihak syarikat-syarikat pengiklanan yang mendapat banyak manfaat daripada kempen yang dijalankan. Saya ingin tahu, apakah persediaan, sama ada kementerian telah mengkaji perkara ini, hologram ini dengan pengalaman yang telah didapati daripada Kempen Anti Merokok "Tak Nak", sama ada ianya akan memberi kesan dan manfaat yang sebaiknya kepada pengguna.

Saya juga ingin tahu sama ada kakitangan kementerian bersedia untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap penglabelan hologram ini, kerana difahamkan bahawa ianya, pegawai-pegawai penguat kuasa akan terpaksa menyemak nombor-nombor siri *company*, syarikat-syarikat yang mengeluarkan hologram ini, terlebih dahulu, secara *online* sebelum melakukan penguatkuasaan terhadap produk-produk yang mempunyai hologram di pasaran, sama ada kementerian telah bersedia telah bersedia untuk melatih dan menentukan pihak penguatkuasaan kementerian berkesan untuk menentukan bahawa hologram-hologram yang dikeluarkan terhadap produk-produk

yang berada di pasaran, merupakan hologram yang benar dan bukan merupakan hologram yang dipalsukan oleh pihak-pihak yang terlibat. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita ada tiga tujuan mengapa kita hendak melaksanakan hologram ini. Yang pertama itu, kita hendak mengurangkan, jikalau kita sudah dapat memberhentikan ubat-ubatan palsu di pasaran kita. Kedua, kita hendak menjaga kepentingan *consumer* kita, pengguna kita. Yang ketiga adalah supaya hologram ini dapat memberi satu cara yang lebih senang dan lebih efektif apabila kita hendak menjalankan penguatkuasaan kita kerana berasaskan ke atas alasan-alasan itu, kita telah menjalankan program atau projek hologram ini. Dan berkaitan dengan penguatkuasaan pula, pegawai-pegawai penguat kuasa, dia akan ambil mesin membaca, di mana hologram ini, dia mempunyai beberapa tahap keselamatan yang boleh dibaca oleh mesin ini. Apabila kita baca dengan mesin ini, kita tahu adakah hologram itu benar atau palsu. Apabila kita dapat itu, kita boleh ambil tindakan. Itu adalah tujuan kita. Sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa hologram ini mempunyai ciri-ciri keselamatan dan saya hendak tahu apakah ciri-ciri keselamatan yang telah dimasukkan dalam hologram. Kalau kita tahu bahawa *hologram* ini Malaysia adalah negara yang pertama di dunia yang menggunakan *hologram*. Kita tahu di Amerika pun tidak menggunakan *hologram* kerana mereka percaya *hologram* ini juga boleh ditipu kerana ciri-ciri *hologram* ini ialah menggunakan *serial* nombor dan juga gambar itu. Jadi, di Amerika dan juga banyak di negara Barat menggunakan radio frekuensi. Bilakah Malaysia akan bergerak ke arah yang sama iaitu menggunakan radio frekuensi, kerana kalau kita lihat sistem yang ada sekarang menggunakan nombor yang dipanggil MAL iaitu nombor pendaftaran, yang mana salah satu masalahnya ialah itu boleh ditipu dan berlaku *repetition* dan salah satu daripada *short coming* atau pun masalah yang boleh berlaku pada *hologram* ialah nombor siri dalam *hologram* itu boleh diulang-ulang. Ini satu masalah. Bilakah kita bergerak kepada sistem yang lebih baik iaitu *radio frequency*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. *Hologram* yang kita gunakan ini dicetak di Perancis dan dia mempunyai beberapa ciri keselamatan yang

overt dan *overt* bermakna ada yang boleh nampak ada yang tidak boleh nampak, tetapi hanya boleh dibaca dengan mesin yang kita ada ini. Berkaitan dengan *hologram* ini barangkali dipalsukan ini adalah satu aspek yang kita memang faham. Tetapi kita tidak boleh berhenti untuk menggunakan *hologram* ini hanya kerana dia barangkali dapat dipalsukan. Kita mesti mengambil tindakan supaya ubat-ubatan palsu ini dapat dikurangkan.

Dari segi statistik pula kalau kita bandingkan beberapa ini pada tahun 2003, kita dapati bahawa rampasan yang kita dapat itu RM7 juta lebih. Pada tahun 2004 kita telah berjaya merampas lebih kurang RM27 juta ubat-ubatan palsu. Tetapi untuk enam bulan pertama untuk tahun 2005, nilai rampasan ini telah berkurangan kepada tahap RM3.5 juta. Ini menunjukkan bahawa *meditech* yang kita gunakan ini, *hologram* yang kita gunakan ini barangkali jawapan kepada ubat-ubatan palsu di pasaran kita. Dari segi kaedah yang lain itu kita memang sentiasa untuk mengambil perhatianlah dan jikalau sesuai dan kosnya adalah memadai dengan keadaan kita, kita akan mempertimbangkan. Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Teng Boon Soon [Teberau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengapa penyelewengan dalam pengagihan AP boleh berlaku. Apakah tindakan diambil jika terbukti sebarang penyelewengan dalam pengurusan AP apakah tindakan untuk mengatasi kelemahan sistem pengagihan AP yang sedia ada.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan-soalan dikemukakan adalah berkaitan dengan dasar dan prosedur dari segi import AP, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Rasah bagi soalan pada 26 9.2005, Yang Berhormat Lanang 29.9.2005, Yang Berhormat Tuaran 4.10.2005, Yang Berhormat Bukit Gelugor 6.10.2005 dan 13.10.2005, Yang Berhormat Air Hitam 6.10.2005, Yang Berhormat Kalabakan 13.10.2005, Yang Berhormat Pengkalan Chepa 13.10.2005, Yang Berhormat Bukit Gantang 18.10.2005, Yang Berhormat Labuan 27.10.2005, Yang Berhormat Pari Sulung 15.11.2005, Yang Berhormat Kota Melaka 22.11.2005, Yang Berhormat Kubang Kerian 30.11.2005 dan Yang Berhormat Lanang 1.12.2005.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kastam 1967, semua pengimportan kenderaan ke negara ini termasuk ke kawasan-kawasan bebas cukai seperti Labuan memerlukan lesen import AP. Pertama bagi menggalakkan penyertaan bumiputera dan industri automotif. Kedua, memantau pengimportan kenderaan CKD dan CBU serta ketiga pengumpulan data.

Di bawah perjanjian WTO mengenai prosedur pelesenan import dengan izin, *import licensing agreement* berkenaan lesen import yang dibenarkan terbahagi kepada dua jenis iaitu lesen automatik dan lesen bukan automatik. Lesen import automatik diberikan secara terus kepada pemohon. Manakala di bawah lesen bukan automatik pemohon perlu melalui proses penilaian sebelum mendapat kebenaran membawa barangan berkenaan ke negara.

Dasar pemberian AP kepada pengimport kenderaan di Malaysia adalah di bawah kategori lesen bukan automatik di mana penilaian perlu dilakukan sebelum lesen diberikan bagi membawa masuk kenderaan import berkenaan. Lesen import boleh digunakan selagi ianya tidak menyekat, mengehend atau mendiskriminasikan kemasukan kenderaan import ke dalam pasaran tempatan.

Sejak dasar AP diperkenalkan dalam tahun 1970, sebanyak 117 syarikat bumiputera telah terlibat dalam bidang pengimportan dan pengedaran kereta dengan pelaburan RM754.58 juta. Seramai 506 pengedar bumiputera telah dapat diwujudkan dan memberi peluang pekerjaan kepada 3,811 orang di negara ini. Di samping itu pemegang AP juga telah dapat mempelbagaikan bidang perniagaan dalam sektor pemasangan kenderaan, pengeluaran komponen, pengeksportan dan menerokai bidang-bidang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004, bilangan AP yang telah digunakan untuk mengimport kenderaan CBU adalah sebanyak 45,580 unit. Ini adalah 9.6 peratus daripada jumlah pengeluaran tempatan kenderaan penumpang dan komersial.

Prosedur pertimbangan mengenai AP adalah berdasarkan kriteria dan syarat-syarat yang telus serta objektif yang dilaksana dan diputuskan oleh jawatankuasa kerja mentadbir lesen import dan eksport di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri. Ingin saya menegaskan bahawa tidak ada berlaku sebarang penyelewengan dalam Bahagian AP.

Sekiranya berlaku penyelewengan dalam pengimportan kenderaan, MITI akan mengambil tindakan membatalkan kedudukan AP kepada syarikat dan dikenakan tindakan undang-undang. Pada masa ini terdapat dua kategori AP yang dikeluarkan iaitu AP terbuka dan AP Francais. AP terbuka membolehkan pemegang-pemegang yang mengimport semua jenis kenderaan yang dibenarkan kenderaan baru dan kenderaan terpakai dari mana-mana punca. AP ini telah diberhentikan pada syarikat baru semenjak 1988. AP Francais pula dipertimbangkan pada syarikat yang mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- i) syarikat mempunyai perjanjian Francais yang sah sebagai pengimport tunggal dengan syarikat I di luar negara;
- ii) ekuiti syarikat dimiliki sekurang-kurangnya 70 peratus bumiputera;
- iii) modal kenderaan belum dipasang dalam negara;
- iv) pengimportan dibuat terus dari syarikat atau kilang, syarikat *principle* di luar negara; dan
- v) mempunyai kemampuan dari segi pengurusan dan kewangan untuk menyediakan ruang pameran dan perkhidmatan selepas jualan.

Selaras dengan objektif pemberian AP ini, kerajaan akan terus memperuntukkan AP kenderaan kepada perusahaan-perusahaan bumiputera untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor automotif. Syarikat-syarikat milik kerajaan GLC yang memenuhi kriteria-kriteria ditetapkan dipertimbangkan untuk peruntukan AP.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan AP yang dikeluarkan kepada syarikat bukan bumiputera, terdapat tiga syarikat bukan bumiputera di Sabah dan Sarawak yang masih diperuntukkan AP terbuka berjumlah sebanyak 394 pada tahun 2005, syarikat ini telah lama berkecimpung di dalam pengimportan kenderaan sebelum dasar AP dilaksanakan pada tahun 1970. Mengenai permohonan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kadazan-Dusun untuk mendapat AP terbuka pada tahun 2004, permohonan berkenaan tidak dapat diluluskan kerana pemberian AP terbuka telah diberhentikan sejak tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem AP kerana dasar semasa adalah untuk membangunkan dan menggalakkan industri automotif tempatan dalam strategi pembukaan pasaran secara progresif dengan izin, *progressive liberalization*. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Teberau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Diketahui umum bahawa pentadbiran pengagihan AP dan juga cara pengagihan AP memang sukar dierti dan diterima rakyat. Dipercayai bahawa sistem AP mempunyai fungsi untuk melindungi industri kereta nasional juga untuk meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera. Jika itu benar, minta Timbalan Menteri memberi penjelasan sama insiden atau penyelewengan dalam pengurusan AP kereta telah menjejaskan industri kereta nasional. Nombor dua, apakah implikasi terhadap dasar industri kereta nasional dan juga usaha kerajaan mencapai matlamat 30 peratus ekuiti bumiputera.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pertama tentang pembahagian AP dan cara pemberian AP, ini telah saya jelaskan sebentar tadi. Kemudian Sistem AP dari segi perlindungan kereta nasional. Ini mesti kita lihat daripada beberapa sudut. Yang pertama, pengeluaran AP dan kedua, masa depan kereta nasional.

Dari segi AP yang dikeluarkan, yang setanding ataupun yang masuk dalam kategori cc yang sama dengan kereta nasional lebih kurang RM17 ribu per AP sahaja dan kepada kita ini bukanlah merupakan satu *figure* yang boleh menjejaskan kereta Malaysia. Malah dari segi penjualan kereta Malaysia, dari segi unitnya mendapat pertambahan dari setahun ke setahun.

Mengenai perlindungan kepada kereta Malaysia, ini mesti dilihat dari sudut sejauh mana kereta Malaysia mampu untuk menembusi pasaran antarabangsa kerana kita tahu dalam standard pengeluaran kereta antarabangsa, bidang automatif ini adalah bidang global, pasarannya global dan persaingannya global. Satu-satu syarikat mesti mampu untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 250 ribu unit dan sebaik-baiknya 400 ribu unit baru dapat mengembalikan keuntungan.

Pihak kementerian telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Proton tidak lama dahulu untuk mendapat *feedback*, termasuk dari segi apakah AP ini sebenarnya menjejaskan pihak Proton, dan perkara ini sekarang sedang di dalam pertimbangan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Mengenai dengan 30% pencapaian bumiputera, kita tahu bahawa ini merupakan satu dasar dan dasar ini bukan mudah untuk dicapai. Kalau kita lihat dari segi *absolute figure*, dapat pertambahan baik dari segi per kapita mahupun dari segi ekuiti bumiputera dalam bidang ekonomi, tetapi kalau kita buat dari segi peratusan bagi keseluruhan ekuiti dalam negara ini, 18% dan untuk mencapai 30% ini dalam dunia yang berbentuk globalisasi ini, makin sukar, maka saya tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, macam mana hendak capai, tetapi inilah yang dibuat oleh kerana dasar yang dibuat.

Akhirnya sektor ekonomi ini adalah dipelopori oleh sektor swasta dan sektor swasta yang harus memainkan peranan untuk meningkatkan keupayaan ekonomi mereka.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan kementerian, kenapakah kita membenarkan import kereta terlalu banyak ataupun pengeluaran AP terlalu banyak daripada negara-negara yang tidak mahu ataupun tidak langsung mahu melihat atau mengimport kereta-kereta nasional kita? Sedangkan kalau kita tengok di Jepun dan di Korea sendiri, di Jepun saya difahamkan bahawa tidak ada kereta Korea di Jepun dan begitu juga di Korea. Maknanya mereka *protect* kereta nasional mereka, sedangkan kita di Malaysia ini seberapa banyak kereta kita benarkan dibawa masuk, sedangkan kereta yang tidak berkenaan pun, yang jenama-jenama yang tidak pernah didengar pun dibenarkan masuk. Jadi saya hendak tanya dengan kementerian, adakah kita akan mengkaji perkara ini semula? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu lihat realiti di dunia automatif ini. Adakah benar Jepun dan Korea tidak membenarkan pengimportan, oleh kerana kita nampak di Jepun semuanya kereta Jepun dan begitu juga di Korea. Ini saya ingin memberi maklumat, dari segi di Jepun, katalah dia bagi Proton masuk di sana, bolehkah Proton bersaing? Ini realitinya dan tidak

banyak kereta dari segi Jepun, baru-baru ini saya pergi lagi ke Jepun dan dapat maklumat daripada TC, tidak ada sekatan untuk masuk.

Tetapi bagi satu-satu kereta, kita ambil Toyota, umpamanya, dia ada 80 model dan bagaimana hendak bersaing dan kos untuk satu-satu kereta itu murah. Begitu juga di Korea. Saya ambil contoh ya, kereta Hyundai Accent di Korea harganya RM25 ribu sahaja dan Kia RM20 ribu lebih sahaja. *Can we compete or not?* Itu persoalannya. Bukannya pasaran itu tertutup bagi dia, tetapi kita tidak membuat perancangan untuk pergi ke Jepun dan Korea kerana bukan mudah untuk ini dilakukan. Jadi dari segi kerajaan, kita mengamalkan polisi *gradual*, secara progresif kita buka perlindungan kerana kita perlu *follow* untuk memenuhi tuntutan daripada AFTA dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh datang ke Dewan ini kata, bahawa tidak ada penyelewengan dalam isu AP apabila perkara ini sudah menjadi satu skandal, bukan 3 bulan atau 4 bulan dibincang dalam Parlimen, dibincang dalam Kabinet, dibincang dalam Perhimpunan Agung dan semua penjelasan ada dibuat, tetapi tidak diterima sampai sekarang. Bagaimana kita boleh kata bukan masalah, *non issue*? Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri pekak dan bisu, khasnya Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, khasnya, memberi penjelasan mengenai mengapa kalau tidak ada masalah, tidak ada penyelewengan, beliau ada kata dan *suggest* bahawa bekas Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak bersetuju dengan apa yang berlaku, semua kaki pengacau, *all trouble makers* sahaja, bahawa mereka *irresponsible*.

Dan bukankah mustahak selepas tiga, empat bulan isu ini bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri datang ke Dewan ini untuk memberi satu jawapan yang menyeluruh. Kenapa sampai hari ini tidak datang ke Dewan yang mulia ini dan bolehkah beliau memberikan sebab, kenapa tiga orang boleh menjadi raja AP yang mendapat pada tahun 2005 dapat 50%, lebih kurang 5% peruntukan seperti Tan Sri Nasimuddin Amin, Dato' Syed Azman Syed Ibrahim, Hanif Abdul Aziz, untuk tahun 2004 – 33,218 AP, untuk tahun 2005 – 283 AP, dan kalau nilai satu AP ialah RM30 ribu bererti mereka boleh dapat dalam dua tahun keuntungan RM1.8 bilion menjadi raja.

Apabila menara helikopter bukan melalui kenderaan yang biasa, adakah satu kajian dibuat sama ada dasar dan implementasi AP adalah *contribute* kepada persaingan negara atau sebaliknya untuk merosakkan persaingan negara, dan adakah Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menasihatkan Yang Berhormat Menteri datang ke Dewan ini menjadualkan satu sesi yang khas untuk membahaskan isu AP? Oleh kerana sungguhpun perkara ini sekarang dalam tangan Jawatankuasa Kabinet Khas, perkara yang sudah berlaku masa dahulu, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, sepatutnya tidak ada *immunity* ataupun pengecualian daripada *parliamentary scrutiny* dan *accountability*.

Akhirnya, semalam Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada kata mengenai senarai Ahli-ahli Parlimen, seramai 337 orang yang dapat AP diumumkan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata bahawa setiap rakyat Malaysia ada hak dalam kehidupannya atau nyawanya dapat satu AP. Adakah ini benar dan kalau itu benar, berapa orang rakyat Malaysia yang biasa yang ada mohon dan mendapat AP?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan skandal ini, kita mesti lihat dari tiga sudut. Pertama dari segi pemberian AP oleh kementerian. Kedua dari segi penggunaan AP oleh pemegang AP dan ketiga dari segi sudut persaingan Proton. Persaingan dalam Proton ini pula telah saya sentuh tadi.

Mengenai dengan pemberian AP oleh pihak kementerian, seperti mana saya nyatakan ini telus, kita boleh siasat, tidak ada *problem* di situ. Yang dibangkitkan skandal, pertama dari segi kemasukan AP tersebut, *issue under declaration*. Perkara ini telah diambil tindakan oleh Kementerian Kewangan, malah dari segi MITI sendiri kita telah ambil tindakan. 'Weld' telah diberhentikan kerana penyelewengan yang berlaku dan sekarang kita sedang menyiasat satu lagi syarikat.

Apa yang sedang kita lakukan ialah untuk memperkukuhkan sistem di mana penguatkuasaan ini diperkukuhkan lagi termasuk melibatkan kementerian yang ada kaitan seperti JPJ dan juga Kementerian Kewangan. Tadi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyatakan tentang penyelewengan ini, saya tidak nampak dalam konteks apa penyelewengan itu.

Kedua mengenai dengan isu raja AP dan sebagainya. Kita mesti lihat dari segi realiti sistem ekonomi. Kita telah berpindah dari sistem ekonomi merancang iaitu pelan ekonomi yang dilaksanakan oleh orang Soviet dan orang China dan mereka sekarang tidak menggunakan, berpindah kepada *market economy* sekarang kepada *global economy*.

Dalam konteks ini, sistem yang dipakai adalah tidak berteraskan kepada *demand and supply*, maknanya mana-mana syarikat yang mampu untuk menjual lebih dia akan diberi *reward* oleh mana-mana orang. Ini bukan dalam sektor AP semata-mata, dalam sektor hartanah pun begitu, hanya sedikit sahaja syarikat-syarikat yang besar. Dalam semua bidang begitu, bukan tertakluk kepada AP sahaja. Ini berlaku kepada semua, maknanya kalau kita kata AP ini mewujudkan individu tertentu, kita mesti melihatnya dalam konteks yang lain.

Dari segi ekonomi pasaran ia adalah berteraskan kepada orientasi daya saing. Mana yang mempunyai daya saing yang tinggi ini akan diberi kepada mereka, *reward*, supaya akhirnya kita dapat mewujudkan satu sistem ekonomi yang kompetitif dalam dunia globalisasi yang boleh bersaing dengan negara-negara lain.

Kemudian berkenaan dengan AP ini dijual. Yang Berhormat sebenarnya membuat andaian RM30 ribu dan sebagainya. Ini tidak terbukti. Kalau Yang Berhormat ada bukti kita pun boleh bawa. Ini menjadi satu inspirasi negara terutama di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mahu mewujudkan negara yang bebas daripada sebarang skandal. Ini boleh disiasat. Kalau ada orang jual makluman kepada kita dan kita akan mengambil tindakan. Tidak ada masalah daripada segi itu.

Dari segi individu yang dikatakan hak, ia tertakluk kepada beberapa syarat. Sekiranya individu memenuhi syarat ia boleh diberi AP. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh tambah sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tambah, tambah.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu, sebelum itu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Untuk mendapat penjelasan sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Berbangkit pada Peraturan Mesyuarat 23(4) yang sebenarnya memberi kuasa kepada seseorang Menteri kalau mendapat persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua enggan menjawab pertanyaan. Itu dalam Peraturan Mesyuarat 23(4).

Di sini saya mahu menyebut mengenai jawapan yang ada diberi mengenai masalah AP secara bertulis semalam oleh kerana tidak sempat untuk menjawab dalam masa satu jam, di mana tidak ada jawapan daripada soalan.

Soalan saya ialah untuk bertanya, memberikan senarai penuh AP sejak tahun 1978 termasuk AP individu. Apa yang ada ialah daripada tahun 2000 dan untuk AP individu sahaja tidak ada yang lain-lain. Saya harap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan jawapan ini dibetulkan supaya maklumat-maklumat yang ada diminta iaitu satu senarai individu-individu, syarikat-syarikat dan francais AP semenjak tahun 1978 diberikan mengikut soalan di sini.

Saya harap ini boleh dibuat oleh kerana ini mengenai transparensi. Kita mahu Menteri yang datang. Kita tidak mahu dia menangis di sini. Dia boleh menangis di UMNO tetapi tidak menangis di sini untuk sendiri, tetapi mahu menangis untuk 25 juta rakyat oleh kerana penyelewengan yang berlaku dalam perkara ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri seorang lagi Ahli iaitu Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Pertama, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat supaya rakyat tidak keliru tentang Ahli Parlimen dan Wakil Rakyat yang mendapat AP ini. Adakah AP ini untuk mengimport kereta atau membeli kereta? Sebab nanti ada kebimbangan mengatakan Ahli Parlimen pun mengimport kereta sedangkan apa yang diperolehi oleh Ahli Parlimen, Senator dan Wakil Rakyat untuk seorang satu itu adalah untuk membeli kereta, bukan untuk menjual kereta. Ada yang dapat pun belum menggunakan lagi.

Keduanya, saya ingin menyarankan kepada kementerian. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa pengimportan kereta AP yang digunakan ini tidak menjejaskan kereta nasional. Saya bimbang terlalu banyak AP yang dikeluarkan boleh menjejaskan kereta-kereta nasional yang menjadi kebanggaan kita. Oleh itu saya ingin menyarankan

apakah pihak kementerian bersetuju AP terbuka ini hanya diberikan kepada kereta-kereta yang 2000 cc ke atas, tidak lagi 2000 cc ke bawah. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan AP untuk Ahli Parlimen ini adalah bertujuan untuk mereka menggunakan kereta itu untuk sendiri, bukannya untuk *business*. Ini jelas, ya?

Tuan Yang di-Pertua: Belilah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: AP untuk kereta luar di bawa ke negara kita untuk kegunaan sendiri, bukan untuk urusan berniaga. Ramai Ahli Parlimen yang sebenarnya tidak menggunakan lagi AP tersebut.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Di surat khabar dia keluar lain.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Ketawa]* Nanti kita siasat surat khabar, ya? Mengenai dengan isu Proton ini, seperti mana yang saya nyatakan, pihak Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sedang mengkaji.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dalam hal ini, kementerian harus agaknya menjelaskan dengan sejelas-jelasnya supaya rakyat tidak keliru berkaitan dengan AP kepada Ahli Parlimen dan juga nama Menteri pun keluar seolah-olah - fasal dalam hal yang sedang diperkatakan seolah-olah ada penyelewengan ataupun macam tadi ada dikatakan skandal dalam pemberian AP. Jadi, rakyat akan keliru. Ia menjadi masalah.

Perkara pokoknya kenapa beberapa orang individu seolah-olah memonopoli tentang AP ini dan orang pun tahu. *[Disampuk]* Ini yang menjadikan isu. Itu sebab kalau dapat Menteri ini datang berdialog di sini, itulah yang sebaik-baiknya, ya? *[Disampuk]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:pencelahan ini supaya jelas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Belum habis jawapan lagi. Jawapan kedua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan, peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini nama dan martabat Ahli Parlimen telah terjejas. *[Disampuk]* Bacalah buku. Telah terjejas kerana gambaran yang dikeluarkan dalam surat khabar mengatakan tiap-tiap Ahli Parlimen ini menunjukkan Ahli Parlimen sudah dapat AP tetapi tidak ada menyebut berapa dapat AP. Saya banyak terima*[Disampuk]* SMS, berapa banyak AP dapat. *[Menunjukkan telefon bimbit]* Tiap-tiap Ahli Parlimen termasuk Menteri pun dapat AP untuk dijual. Ini persepsi yang kita terima berlandaskan perkhabaran yang dikeluarkan pada pagi semalam.

Jadi kita hendak Timbalan Menteri buat *press conference* selepas ini, beri penjelasan yang sepenuhnya-penuhnya bahawa Ahli Parlimen ditawarkan satu AP satu untuk kegunaan sendiri bukan perniagaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah sidang akhbar, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan boleh menjawab sekarang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Dia belum jawab lagi soalan tadi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sudah jawab tadi, yang ini untuk tujuan sendiri. Mengenai dengan kereta import ini - AP di bawah 2000 cc, seperti mana yang saya nyatakan Jawatankuasa Kabinet di bawah Perdana Menteri sedang menimbang. Tetapi saya di sini ingin memberi maklumat kepada Yang Berhormat, dari segi industri automotif ini keperluannya adalah untuk mempunyai satu pasaran domestik yang besar di mana kita tidak ada. Jadi kita juga perlu eksport ke negara lain. Apabila kita membuat satu dasar melindungi kereta masuk, orang lain juga akan membuat perkara yang sama. Jadi perkara-perkara inilah yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet dan ini akan diumumkan nanti di bawah dasar automotif negara nanti oleh Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order.* Mengenai keistimewaan tadi yang disebut, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengenai adakah seorang

Menteri masih ada AP diberi melalui syarikat yang beliau ada yang diumumkan oleh Menteri Pelancongan melalui Syarikat Mega Automobil tahun 2004 - 86 AP, tahun 2005 - 133 AP. Ada apa-apa penjelasan dalam perkara ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara spesifik. Saya akan menjawab kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Kita beredar ke soalan yang lain. Kalabakan.

3. **Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan di negeri Sabah terutama sekali Pantai Timur mengalami masalah gangguan elektrik pada setiap hari sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bolehkah kementerian menjelaskan masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan bersekali dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Ahli Yang Berhormat bagi Tawau dan Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan yang dijadualkan pada 23 dan 24 November 2005; dan 1 Disember 2005 memandangkan ia berkisar mengenai perkara yang sama. Izinkan saya juga untuk mengambil sedikit masa untuk menjawab soalan ini. Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan isu gangguan elektrik, bekalan elektrik di Pantai Timur negeri Sabah, Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) telah mengenal pasti antara punca-punca utama yang menyebabkan kekerapan berlakunya gangguan bekalan elektrik seperti berikut:

Pertama, kerosakan pada penjana kuasa di stesen jana kuasa SESB sendiri atau stesen penjana kuasa bebas (IPP) mengakibatkan kapasiti penjaanan tidak dapat menampung keperluan terutamanya pada waktu beban puncak (*peak load*) yang tinggi. Ini disebabkan *reserve margin* yang rendah. Keadaan ini menyebabkan catuan beban dilakukan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, kerosakan set penjana kuasa juga menyebabkan bekalan terputus apabila alat pelindung berfungsi untuk mengelakkan *system collapse* atau *total blackout* daripada berlaku. Keadaan telah

bertambah buruk baru-baru ini apabila talian kabel 33 KV di Tawau mengalami kerosakan, dan ini menyebabkan elektrik yang dijana di Tawau tidak dapat disalurkan kepada *grid*. Langkah-langkah pembaikan sedang dipercepatkan.

Kedua, rangkaian sistem pembahagian yang terdiri daripada talian atas tanpa bertebat (*bay conductor*), khususnya yang panjang dan berada berhampiran dengan tanaman seperti pokok kelapa sawit atau pokok-pokok mudah mengalami gangguan apabila berlaku cuaca buruk seperti angin kencang, ribut atau petir. Cuaca yang buruk dalam beberapa bulan kebelakangan ini telah menyumbang kepada gangguan yang dialami oleh para pengguna di seluruh Sabah termasuk di Pantai Timur. Selain daripada itu pihak SESB mengalami kesukaran untuk mendapat kerjasama bagi merentas laluan talian khususnya pokok kelapa sawit, lain-lain tanaman komersial dan sebagainya.

Ketiga, kejadian kerosakan kebakaran di pencawang pembahagian utama Tshun Ngen di Sandakan pada 12 Julai 2005 malam telah mengakibatkan *total blackout* ke seluruh Pantai Timur. Kebanyakan kawasan telah dipulihkan dalam tempoh 1 hingga 3 jam. Walau bagaimanapun, bekalan kepada pengguna-pengguna di sekitar Jalan Utara, Jalan Labok dan Jalan Lapangan Terbang hanya dapat dipulihkan bekalan dalam tempoh 1 hingga 3 hari kecuali kawasan perindustrian ringan SEDCO yang mengalami gangguan selama sembilan hari. Kejadian ini merupakan insiden yang luar biasa, yang mengakibatkan gangguan bekalan yang meluas dan berpanjangan.

Keadaan tersebut sepatutnya dapat diringankan sekiranya projek pembinaan pencawang pembahagian utama PPU Sim-Sim telah disiapkan menurut jadual kerana pihak SESB sememangnya merancang untuk meringankan beban PPU Tshun Ngen dengan pencawang baru tersebut. Semua kawasan sepatutnya dapat dibekalkan dalam tempoh 1 hingga 3 hari dengan adanya punca bekalan yang baru tersebut. Malangnya isu tanah atau tapak dan izin lalu untuk merentang talian telah tertangguh sehingga menyebabkan projek tersebut terlambat selama setahun.

Bagi mengatasi kelemahan sistem penghantaran dan pembahagian, Kerajaan Persekutuan dan SESB sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur bekalan elektrik jangka panjang yang bertujuan untuk memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di Sandakan seperti berikut:

- (i) pembinaan pencawang pembahagian utama 33/11KV Sim-Sim, Sandakan;
- (ii) pembinaan Sistem Grid Pantai Timur Sabah dari Tawau ke Sandakan. Grid ini telah mula bertugas pada 7 Mac 2004. Selain daripada itu Grid sambung tara Timur-Barat Sabah dari Kota Kinabalu ke Sandakan sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2006; dan
- (iii) pelaksanaan projek pengukuhan sistem pembahagian di Sandakan yang meliputi penggantian kabel-kabel, tiang-tiang dan meter-meter elektrik juga sedang dilakukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SESB amat prihatin mengenai kedudukan pembekalan elektrik yang tidak memuaskan bukan sahaja dialami oleh pengguna-pengguna di Sandakan malahan di seluruh negeri Sabah. Sehubungan dengan itu, SESB dan Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur bekalan elektrik untuk memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di seluruh negeri Sabah. Pelaksanaan projek ini memerlukan masa yang panjang untuk menyiapkannya.

Namun begitu dengan siap sepenuhnya projek-projek infrastruktur tersebut, pengguna-pengguna di Sabah akan menikmati bekalan elektrik yang berkualiti serta berterusan sebagaimana yang diharapkan. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya jawapan daripada Timbalan Menteri, kita dapati bahawa banyak masalah yang dihadapi. Masalah ini 10 tahun dahulu. Sepuluh tahun dahulu semenjak 1995 sehingga 2005, sewaktu itu saya belum ada dalam Dewan, jawapan mungkin yang sama juga. Sabah Electricity Sendirian Berhad ini adalah sebuah syarikat yang mungkin mementingkan keuntungan sahaja.

Kalau kita dengar jawapan tadi, kerap kali gangguan, setiap hari gangguan. Kalau dahulu di Semenanjung berlaku gangguan selama dua jam setengah, satu dunia dengar dan riuh. Ada juga cadangan untuk membayar ganti rugi kepada peniaga-peniaga. Tetapi di Sabah tidak ada. Tidak ada. Sewaktu kita mengadakan *Pre-Council* dua atau tiga bulan dahulu, saya sudah kemukakan kepada Pak Lah dan Pak Lah

mengatakan, "Keng Yaik selesaikan masalah". Bila masalah boleh selesai? Jadi kita minta supaya IPP, Sandakan, Lahad Datu, Tawau dipercepatkan kerana alasan-alasan sudah tidak boleh diterima oleh rakyat Sabah. Tidak boleh diterima.

Mungkin jawapan ini pun apabila disiarkan di dalam akhbar, memalukan kita, memalukan kerajaan. Saya cadangkan kalau SESB ini tidak mampu, kita tutup dan kita gantikan dengan Tenaga Nasional. Saya hairan di Sabah, Sabah Electricity Sendirian Berhad...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: ...di Semenanjung, Tenaga Nasional. Ertinya kami di Sabah ini bukan dalam nasional ...*[Dewan riuh sebentar]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:kita bukan dalam nasional. Malu kita *[Dewan bertambah riuh]* Timbalan Menteri mungkin sedar, tetapi mungkin tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Apabila kami sampai, semua wakil rakyat, semua Ahli Dewan Rakyat ini malu. Apabila dengar jawapan seperti ini, masalah-masalah, kenapa perancangan kita ini tidak ada yang jangka panjang? Sepatutnya jangka panjang, jadi kita minta mungkin saya rasa tak usah dijawab

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: apa yang saya hujahkan di sini bahkan saya mahu supaya Timbalan Menteri mengatakan, kita akan buat mungkin 1 hari bulan Januari 2006, kita mula IPP baru untuk kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Saya amat kagum kerana keprihatinan Yang Berhormat berhubung perkara ini. Tetapi bagikan saya sedikit masa untuk memberi sedikit penjelasan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kalabakan dan juga rakan-rakan daripada Sabah, bahawa suatu ketika dahulu SESB adalah di bawah kerajaan negeri. Tetapi hari ini majoriti sahamnya dipegang sendiri oleh Tenaga Nasional Berhad. Untuk

pengetahuan, SESB bukanlah sebuah syarikat yang memperolehi keuntungan setiap tahun. Malah setiap tahun Tenaga Nasional Berhad terpaksa membuat *injection*, tidak kurang daripada RM220 juta pada setiap tahun.

Pada masa yang sama ingin saya jelaskan bahawa untuk menguruskan bekalan elektrik negeri Sabah, bukanlah mengambil masa yang begitu singkat dan pada Rancangan Malaysia Kelapan sendiri SESB telah berbelanja sebanyak RM1.4 bilion untuk meningkatkan bekalan elektrik di negeri Sabah. Semua wang ini telah di *committed* untuk digunakan sebelum habis Rancangan Malaysia Kelapan ini. Di masa yang sama Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM800 juta untuk membantu negeri Sabah bagi meningkatkan bekalan elektrik di Sabah.

Berhubungan dengan bekalan elektrik, kualiti bekalan elektrik, perlu diingat pertama sekali jana kuasa (*electricity supply*) mesti cukup. Kedua dari segi penghantarannya, *distributionnya*, *transmissionnya* perlu ada. Ketiga perlu ada *distributionnya*, iaitu dari segi pencawangnya perlu lengkap barulah kita dapat *electricity* yang baik. Tetapi perlu diingat di Sabah sebelum ini kebanyakan IPP-IPP yang ada secara individu, mereka mempunyai kapasiti yang begitu kecil tidak sampai 2 megawatt dan tidak dapat dihubungkan melalui grid. Tetapi hari ini, melalui SESB yang dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad sebagai majoriti *shareholdernya*, mereka telah mula mengadakan sambungan grid dan sambungan grid yang akan siap, yang paling penting sekali ialah sambungan grid Timur-Barat yang akan menyambungkan daripada Timur dan Barat.

Apabila siapnya sambungan grid ini, percayalah, yakinlah Sabah akan menikmati mutu kualiti elektrik yang lebih baik.

Seorang Ahli: [Menyampuk] Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Di samping itu juga dengar dahulu. Di samping itu juga kerajaan telah bersetuju untuk menambah bekalan elektrik di negeri Sabah, akan menambah jana kuasa IPP di jana kuasa Sepanggar Bay dan juga *Power Tron* untuk meningkatkan bekalan elektrik di negeri Sabah kerana sekiranya marginnya, rizab marginnya yang kecil jika berlaku sebarang *outage*, bagaimanakah mereka hendak mendapat bekalan elektrik ini.

Sebab itu kerajaan yang amat prihatin ini sedar akan perkara ini dan dengan itu akan memberi kebenaran kepada SESB untuk meningkatkan lagi bekalan elektrik di Sabah, dengan meluluskan jana kuasa-jana kuasa IPP untuk meningkatkan lagi bekalan mereka untuk kepentingan rakyat Sabah.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tetapi perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah mengambil masa dua hari, tiga hari. Ini bukan kedai kopi,

Beberapa Ahli dari Sabah: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ini perkara yang perlu perancangan yang teliti, bukan setakat kita rancang dan kita analisis. Kita hari ini telah menjalankan, melaksanakannya untuk kebaikan masyarakat di Sabah. Sekian, terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, Beluran, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Maran, Maran, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee: *Of course, we know better the problem,* Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Selesailah Sabah punya.

Datuk Ronald Kiandee: Jawapannya kita tahu, *we know the problem!*

Tuan Yang di-Pertua: Maran, sila Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak mengucapkan selamat datang kepada mahasiswa kita, UIA dan juga pelajar-pelajar sekolah, kecil-kecil di belakang. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, keputusan bekalan elektrik bukan sahaja berlaku di Sabah, di Sarawak bahkan di Semenanjung. Saya lihat masalah keputusan bekalan elektrik ini telah mendatangkan kerugian bukan sahaja kepada rakyat, macam disebutkan di Sabah tadi bahkan juga kepada kerajaan dan juga swasta.

Saya ingin tahu daripada pihak Timbalan Menteri, apakah kerajaan ataupun kementerian mempunyai statistik perangkaan, berapakah jumlah kerugian yang dihadapi

khususnya sama ada oleh masyarakat dan juga kerajaan, akibat daripada keputusan bekalan-bekalan elektrik ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, sebenarnya kerajaan amat prihatin apabila berlakunya "outage" dalam bekalan elektrik kerana yang rugi bukan suruhanjaya orang ramai, tetapi kerajaan sebagai pelabur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa "outage" itu?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ia dari segi bila ada *outage*, ada *break down*, bila elektrik tidak ada, tidak dapat dibekalkan.

Seorang Ahli: Gangguan bekalan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Gangguan bekalan dan bila ada gangguan yang berkekalan sudah pasti keyakinan pelabur akan berkurangan. Kerajaan amat prihatin tentang perkara ini dan oleh sebab itu sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi, dia kata kita tahu akan masalah ini. Kita tahu dan kita juga ambil tindakan, Tuan Yang di-Pertua, cuma ia mengambil masa untuk dilaksanakan. Kita bukan lagi dalam proses untuk mengkaji, bukan lagi, bukan dalam proses mengkaji, kita sedang melaksanakan, cuma mengambil masa untuk disiapkan.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan, soalan tambahan tadi, suka saya maklumkan setakat ini kita tidak angka-angka terperinci, cuma yang ada di pihak kementerian, angka-angka yang diutarakan oleh pengilang-pengilang, berapakah nilai-nilai yang mereka rugi apabila berlaku sebarang gangguan elektrik dan jika Yang Berhormat mahukan angka-angka ini boleh saya bekalkan secara bertulis di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah ya! Yang Berhormat bagi Gombak.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

4. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah kementerian mempunyai statistik tentang ketagihan menghidu gam; dan
- (b) apakah tindakan yang sedang dilakukan terhadap peningkatan golongan remaja yang begitu ketara di dalam penagihan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan:

- (a) dalam tempoh tahun 2000 hingga 2005 seramai 75 orang telah dikesan menghidu gam di seluruh negara. Jumlah mengikut tahun ialah:

Tahun	Jumlah Penghidu
2000	23 orang
2001	4 orang
2002	17 orang
2003	6 orang
2004	18 orang
2005 (dari Januari sehingga Ogos)	7 orang

- (b) mengenai tindakan pencegahan yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mencegah perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan lain yang mengkhayalkan ialah memberikan pendidikan dan kesedaran khusus kepada golongan pelajar remaja dan belia di samping memberikan kesedaran kepada para ibu bapa mengenai bahaya menghidu gam dan bahan-bahan lain yang mengkhayalkan seperti petrol dan bahan-bahan pelarut industri.

Kempen-kempen pendidikan pencegahan dilaksanakan berskala dengan kempen-kempen antidadah yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan dalam komuniti oleh AADK, Kementerian Pelajaran dan lain-lain agensi kerajaan serta NGO dan juga Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sedang menggubal satu

undang-undang bagi menjadikan perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan lain yang mengkhayalkan sebagai satu kesalahan yang boleh disabitkan kesalahan di bawah undang-undang.

Penggubalan undang-undang sedemikian amat perlu dibuat secara berhati-hati dengan mengambil kira pelbagai faktor terutamanya keperluan gam dalam industri dan penggunaannya seharian termasuk sekolah bagi mengelakkan masalah pelaksanaan di kemudian kelak. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu menghidu gam ini adalah satu cara yang mudah dan murah untuk menjadi leka dan khayal ataupun terminologi yang kita gunakan sebagai "*high*". Kita tahu bahawa menghidu gam ini bukan sahaja boleh membawa kesan-kesan *local* tetapi juga boleh membawa kesan-kesan *systemic* dan juga boleh merosakkan sistem tubuh seperti sistem pernafasan, iaitu *system respiratory* dan juga boleh merosakkan sistem saraf pusat ataupun *central nervous system*.

Ini terbukti bahawa dalam tahun 2000 telah ada dua remaja yang terbunuh oleh kerana menghidu gam iaitu remaja berumur 18 tahun dan 20 tahun terbunuh dan didapati ada tiga tin gam di sisi mereka. Ini menunjukkan bahawa menghidu gam ini bukan sahaja boleh menimbulkan ketagihan tetapi juga sangat berbahaya kepada kesihatan. Dan, kalau kita tengok kenyataan-kenyataan yang keluar daripada akhbar, kenyataan yang dikeluarkan di *New Straits Times* pada bulan Jun tahun ini daripada Menteri Besar Perlis yang menyatakan bahawa ketagihan menghidu gam ini sudah menjadi satu perkara yang sungguh besar di negeri Perlis.

Begitu juga kenyataan yang dibuat oleh Naib Presiden PEMADAM iaitu Tan Sri Lee Lam Thye menyatakan bahawa ini sudah menjadi satu masalah yang semakin lama semakin besar terutama di kawasan luar bandar. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkara yang serius dan kita dapati tidak ada satu koordinasi yang baik daripada kementerian atau mana-mana agensi kerajaan untuk memantau benda ini supaya lebih membesar atau menjadi masalah yang sukar kita bendung di masa hadapan.

Jadi, kita mengalu-alukan ada penggubalan undang-undang untuk kita menangani masalah ini di masa hadapan dan kita dapati bahawa agensi antidadah ataupun mana-mana agensi penguatkuasaan kerajaan masih lagi lemah ataupun masih lagi tidak bergerak untuk membendung masalah ini. Dan, apakah tindakan kementerian di dalam memastikan koordinasi ini agar lebih cekap dan mantap untuk menghadapi masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri begitu prihatin berkaitan dengan akibatnya menghidu gam ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak tadi.

Justeru itu, oleh kerana kita tidak mempunyai undang-undang yang khusus berkaitan dengan menghidu gam ini, buat sementara bahawa agensi-agensi pelaksana seperti polis, AADK, melaksanakan secara *preventive* dengan mengadakan program-program penerangan berkaitan dengan akibat daripada menghidu gam semasa dalam menjalankan tugas masing-masing, umpamanya AADK dalam melaksanakan tugas-tugas penerangan berkaitan berbahayanya dadah dan begitu juga polis dalam tugas-tugas menjalankan, melaksanakan undang-undang yang lain, yang mana kita lihat ataupun didapati para remaja menghidu gam bahawa mereka akan dimaklumkan kepada ibu bapa supaya mengambil perhatian di dalam perkara ini.

Berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang bahawa kerajaan memang ingin mempercepatkan untuk menggubal rang undang-undang ini, yang mana pada 28 Julai 2005, rang undang-undang peringkat awal telah dibentang di Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang dan kini Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sedang membuat kajian draf itu bagi membolehkan kita mengemukakan kepada peguam negara. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan Setiausaha Parlimen yang mana saya kira kena cepatkan, kena cepatkan undang-undang. Di kawasan saya hari ini, oleh kerana menghidu gam, sepuluh orang remaja dah gila, *confirmed* gila. Dan baru-baru ini semasa peperiksaan

UPSR ada anak-anak kita yang tidak dapat menghadiri UPSR kerana dah *blank*, gila juga.

Baru-baru ini saya berpeluang melawat ke Sabah, Tuan Yang di-Pertua, atas jemputan sahabat saya, pergi ke Pulau Gaya. Pulau Gaya jalan raya tidak ada, motosikal tidak ada, basikal pun tidak ada, tapi jual gam ada. Jual rata-rata dan lebih mendukacitakan apabila saya pergi di kampung-kampung, di sepanjang jalan, di sepanjang jalan, trek-trek ini penuh dengan plastik-plastik gam. Dan saya dimaklumi oleh guru besar sekolah menengah Pulau Gaya dia sedang menghadapi masalah anak-anak tingkatan satu yang masuk ke sekolah menengah tidak reti membaca, tidak reti menulis, kepala *blank*, akan gila lagi. Saya minta kementerian percepatkanlah rang undang-undang ini. Jangan semua besok generasi kita sekolah rendah umur 10 tahun, 9 tahun dah gila baru kita hendak buat undang-undang.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa kementerian sedar tentang perlunya kita mempercepatkan untuk menggubal undang-undang ini. Berkaitan apa yang berlaku di Jasin sebagaimana yang dinyatakan tadi, bahawa kementerian juga tahu ini telah dimaklumkan semasa berhujah oleh Yang Berhormat Jasin dahulu di dalam Dewan ini tetapi ianya terlambat sedikit dalam kita membentangkan rang undang-undang ini oleh kerana gam adalah satu bahan yang diperlukan dalam industri, seperti kraf tangan, automobil pembinaan dan juga digunakan sebagai bahan pelekat. Oleh itu kita perlu mengkaji sedikit dan sebagaimana yang saya katakan tadi draf ini pun telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-Undang dan kementerian sedang membuat kajian dan insya-Allah apabila kita telah dapat kelulusan selepas kita membentangkan rang undang-undang ini kepada Peguam Negara mungkin proses kita akan dapat dipatuhi.

5. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat dalam memelihara burung layang-layang/swallow dan didapati semakin ramai masyarakat menceburi bidang ini kerana ianya mudah dan tidak memerlukan modal.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua jenis *species* burung layang-layang yang hampir sama di negara ini. *Species* yang pertama ialah burung 'walit' dengan izin '*edible nest swiftlet*' dan yang kedua ialah burung layang-layang/*swallow*. Kedua-duanya berbeza dari segi biologi tetapi mempunyai sifat yang serupa. Sarang burung walit boleh dimakan kerana ia diperbuat daripada cecair yang dikeluarkan dari kelenjar bersebelahan kelenjar liur. Hasilnya dinamakan sarang burung. Tetapi sarang burung layang-layang tidak boleh dimakan oleh kerana ia dibuat dari tanah liat, lumpur daun bulu atau ranting. Oleh kerana ia tidak boleh dimakan, maka kementerian ini tidak menggalakkan pemeliharaan burung layang-layang.

Untuk pemeliharaan burung walid, kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menyediakan panduan dan tatacara pemeliharaan yang betul. Ini penting bagi memastikan pemeliharaan burung walit berkembang dan menghasilkan sarang yang sihat dan bersih, terutamanya apabila pemeliharaan dijalankan di kawasan-kawasan perumahan yang terbengkalai dan lot-lot kedai yang tidak digunakan.

Untuk tujuan itu, pengubahsuaian bangunan yang sedia ada perlu dibuat berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh JPH. Walau bagaimanapun, sekiranya aktiviti pemeliharaan burung walit dijalankan di kawasan pihak berkuasa tempatan maka ianya adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PBT masing-masing.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, setakat ini di negara kita berapa banyak sarang burung walit yang boleh makan dihasilkan dan bagaimana permintaan atau keperluan dalam pasaran tempatan dan luar negeri. Adakah usaha ini atau industri ini mempunyai masa depan yang lebih baik. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada statistik berapa sarang burung walit ini ada, tapi saya boleh maklumkan bahawa dari segi pengeluaran negara kita pada masa kini, negara Indonesia dan Malaysia, dari segi keluaran tahunannya adalah 200 tan. Negara kita merupakan negara pengeluar dunia yang kedua terbesar, yang pertama adalah Indonesia dan

burung walit ini hanya terdapat di Indonesia, di Malaysia, Selatan Thailand dan di Myanmar.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Timbalan Menteri mengatakan beliau tidak ada statistik tentang jumlah pengusaha-pengusaha burung walit ini. Tapi kalau tidak silap saya pada penggal yang lepas, Yang Berhormat telah menyebut hasil daripada maklumat persatuan pengusaha-pengusaha burung walit ini, 719 pengusaha-pengusaha burung walit ini di Semenanjung Malaysia. Tapi mengapa Yang Berhormat mengatakan tidak ada maklumat?

Kedua, saya telah bertanya kepada Yang Berhormat apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian ini tentang gangguan suara burung ini, tentang pencemaran tahi serta air kencing burung walit ini yang biasanya sarang-sarang ini diletakkan di atas bangunan-bangunan tinggi khususnya bangunan-bangunan yang dianggap *heritage*, bangunan lama, pada ketika itu jawapan pihak kementerian adalah akan dikaji dahulu. Saya dimaklumkan baru-baru ini ada satu perjumpaan di Cameron Highlands dan dipanggil boleh dikatakan semua pengusaha-pengusaha serta PBT dipanggil untuk membuat satu *guideline* bagaimana cara-cara untuk dikenakan syarat-syarat kepada pengusaha-pengusaha burung walit ini. Saya hendak tahu, apakah langkah atau pun hasil persetujuan daripada perjumpaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, soalan tadi mengenai najis dan pencemaran tapi air liur burung itu boleh dimakan?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Kena rebus lama-lama. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rantau Panjang menyebutkan bahawa dalam ucapan sesi yang lepas saya telah memberi perangkaan, jadi terima kasih kepada perangkaan itu. Berbalik kepada soalan yang setakat mana kemajuan yang telah tercapai, ekoran daripada soalan Yang Berhormat saya sebutkan tadi bahawa JPH telah pun mengadakan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan hasil kerjasama itu kita telah mengeluarkan garis-panduan daripada Jabatan yang perlu diikuti oleh para penternak dari segi pengurusan dan keduanya dari segi amalan penternakan yang baik, ya, dari segi *husbandry*.

Yang Berhormat membangkitkan soalan bahawa tahi burung ini jadi saya hendak beritahu bahawa tahi burung bukan merupakan satu yang mencemarkan keadaan kerana mungkin Yang Berhormat dicampuradukkan antara burung walit ini dengan burung layang-layang. Sebenarnya tahi burung walid ini dia dijadikan baja dan harganya amat mahal sekali dan baja ini digunakan sebagai bahan baja organik dan permintaannya tinggi. Jadi Yang Berhormat bangkit kalau berlakunya bising ya, pencemaran bising itu, itu bukan burung walit. Itu burung layang-layang yang duduknya bertenggek itu yang dalam jumlah yang ramai. Burung walit ini dari segi sifatnya bukan seperti burung layang-layang, dia tidak bising. Ini berdasarkan kepada kajian maklumat yang ada daripada Jabatan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Apa? Kalau hendak tanya....

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Yang bunyi itu bukan datang dari burung sendiri, yang bunyi itu adalah alat pembesar suara yang hendak menarik burung.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ha, itulah dia!

Seorang Ahli: Ini ada potensi.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Okay, terima kasih. Kita ada kawalan dari segi syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Kita kenakan dari segi bunyi itu mestilah tidak melebihi daripada 45 dsb untuk malam dan 55 dsb untuk siang. Ini syaratnya dan telah ditetapkan. Kalau pihak pengusaha dari segi *volumenya* itu melebihi daripada kadar yang ditetapkan maka itu adalah satu kesalahan dan beliau telah melanggar peraturan. Jadi kita telah tetapkan syarat-syarat dia. Harapan kita oleh kerana ini satu industri yang *lucrative*, dengan izin, dan berpanjangan dan mempunyai permintaan yang besar kerana permintaan utama datangnya dari negara China, maka pengusaha-pengusaha wajarlah mematuhi garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan Haiwan dan oleh pihak berkuasa Kerajaan Tempatan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Penjelasan sedikit sahaja. Adakah setakat ini Yang Berhormat cuba mengkaji sebagai ganti alat pembesar suara untuk

menarik burung walit ini kepada sejenis hormon yang ada bauannya itu menyebabkan burung walit ini akan datang. Adakah sudah buat kajian seperti itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Belum lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi. Ahli Yang Berhormat, soalan yang terakhir Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*. Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Maaf. Bukit Mertajam. Bukit Mertajam.

6. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada kementerian bercadang mewujudkan satu unit khas untuk menguruskan hal ehwal nafkah keluarga memandangkan ramai isteri dan anak-anak menghadapi masalah nafkah tidak dibayar oleh suami setelah bercerai walaupun mahkamah telah mengeluarkan perintah.

11.14 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak bercadang untuk mewujudkan satu unit khas bagi menguruskan hal ehwal nafkah keluarga yang melibatkan masalah nafkah yang tidak dibayar oleh suami setelah bercerai. Namun begitu Kementerian menyedari masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal terutamanya bagi membiayai persekolahan dan saraan anak-anak mereka.

Oleh yang demikian melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan kerjasama daripada Unit Penasihat Undang-undang, kementerian telah mengadakan Program Literasi Undang-undang khususnya mengenai hak-hak wanita selepas perceraian. Program ini adalah salah satu usaha untuk membantu menyelesaikan masalah nafkah yang tidak dibayar oleh suami setelah bercerai walaupun mahkamah telah mengeluarkan perintah. Melalui program ini peserta diberi maklumat dan pendedahan bagaimana mereka boleh menguatkuasakan perintah mahkamah yang dikeluarkan.

Selain itu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, kementerian menyediakan bantuan kepada ibu dan ibu tunggal di bawah Skim Bantuan Penjagaan

Kanak-kanak bagi membiayai perbelanjaan anak-anak termasuk perbelanjaan persekolahan. Melalui skim bantuan ini ibu tunggal atau ibu yang berpendapatan kurang daripada RM450 sebulan layak dipertimbangkan bantuan sebanyak RM80 hingga ke RM350 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha yang terbaru oleh Kementerian ialah membantu meringankan beban ibu tunggal, menyara persekolahan anak mereka di mana Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan program anak angkat anak ibu tunggal. Di bawah program ini syarikat-syarikat swasta yang bersetuju mengambil anak ibu tunggal sebagai anak angkat dan membiayai persekolahan anak tersebut akan diberi insentif dalam bentuk pengurangan *taxable income* dengan izin sehingga maksimum RM200,000 setahun. Syarikat swasta yang menyertai program ini perlu membiayai persekolahan anak ibu tunggal berkenaan sehingga ke Tingkatan Lima. Dengan cara ini anak-anak ibu tunggal yang tidak berkemampuan untuk meneruskan persekolahan kerana tidak mempunyai sumber kewangan dapat meneruskan persekolahan mereka seperti kanak-kanak yang lain. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat kecewalah dengan jawapan Yang Berhormat kerana baru-baru ini Selangor Chinese Town Hall bahagian wanitanya barulah melancarkan satu Kempen Tandatangan untuk menyeru kerajaan menyediakan satu unit seperti ini dan ada satu cawangan bahagian wanita satu cawangan MCA pun telah memberi sokongan. Jadi saya rasa kecewa mengapa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak bersimpati dengan wanita yang dalam keadaan seperti ini. Saya rasa apa yang diberi, dikatakan Program Literasi Undang-undang itu tidaklah cukup dan tidak dapat menyelesaikan masalah kerana kalau mereka - wanita ini kalau mereka mampu mereka boleh pergi ke mahkamah. Sekarang ini apa yang diperintah oleh mahkamah pun tidak boleh dilaksanakan.

Baru-baru ini ada satu kes yang mengatakan bahawa suami tidak melaksanakan apa yang telah dipersetujui di dalam mahkamah pun tidak menjadi satu kesalahan *contempt of court*. Yang menjadi masalah kepada isteri-isteri yang miskin ialah bagaimana mereka hendak upah peguam lagi untuk menuntut hak mereka. Saya rasa ini adalah penting

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat

Puan Chong Eng:apakah sebab

Tuan Yang di-Pertua: Masa tidak ada. Sila jawab.

Puan Chong Eng:Kementerian yang sebenarnya bertanggungjawab untuk membela hak wanita tidak menjalankan tugas. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua, ya?

Puan Chew Mei Fun: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dua jenis ibu tunggal. Satu yang ada suami satu yang tidak ada suami.

Puan Chew Mei Fun: Ya. Okay. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah ambil maklum dan perhatian tentang keputusan Hakim Mahkamah Tinggi ke 8 iaitu Mahkamah Keluarga pada 29 Ogos 2005 ke atas satu kes di mana si suami yang tidak membayar nafkah tidak boleh dianggap sebagai menghina mahkamah dan akan membincangkan kes ini dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana akta memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 ini adalah di bawah kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Bahagian Penggubalan dan Semakan Akta, Jabatan Peguam Negara telah menubuhkan satu jawatankuasa yang melibatkan kementerian kami dan juga Biro Bantuan Guaman Persatuan Peguam-peguam Selangor dan Wilayah Persekutuan, Majlis Peguam Malaysia dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk menyemak dan meninjau semula hampir semua seksyen dalam Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976. Oleh itu apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai satu kempen menandatangani untuk menyeru kementerian untuk mengambil tindakan untuk membela kebajikan wanita-wanita ini kita telah ambil tindakan dan tidak benar bahawa kita tidak bersimpati dengan mereka dan semua cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan itu atau orang awam akan diambil kira dan cara negara lain juga akan dikaji dan dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang berhormat untuk suami yang bekerja ada usaha dibuat untuk potong gaji? Untuk potong gaji?

Puan Chew Mei Fun: Kalau kita ikut *Law Reform Act*, dengan izin, kita tidak ada tindakan penguat kuasa terhadap perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Oleh itu dan sebelum itu apa yang isteri-isteri yang terlibat boleh membuat rayuan kepada mahkamah supaya si suami itu dihukum atas sebab menghina mahkamah ikut akta sivil. Tetapi selepas keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah tinggi kelapan itu, ini sudah jadi satu masalah yang mana kebajikan wanita telah terjejas. Oleh itu kita akan ambil tindakan untuk membela untuk beli perlindungan kepada wanita-wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, masa sudah berlarutan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)(PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan perdana Menteri (Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim); dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI- INSTITUSI KEWANGAN
(PINDAAN) 2005)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[20 September 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat daripada Jerai menyambung ucapan.

11.23 pg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memang kelmarin kita nak bercakap panjang pasal bank akta bank dan kita pun bersetuju dengan pindaan yang akan kita luluskan iaitu menjamin bayaran balik RM60 ribu. Tetapi yang kita hadapi masalah sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimanakah pihak bank, bank-bank swasta untuk memainkan peranan dalam membantu, menolong dasar-dasar yang diimplementasikan oleh kerajaan. Ini yang harus kita fikirkan bersama. Saya faham disebabkan oleh kegagalan bank-bank swasta ini mengamalkan dasar-dasar yang telah...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua, saya tunggu oleh kerana saya tanya semalam siasat perkara ini apa keadaan, memang sudah siasatan dibuat mengenai buku-buku yang dakwa fitnah terhadap DAP dan lain-lain yang tidak benar dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:...dan tidak adil yang tidak patut dikeluarkan pun oleh Kementerian Penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Tidak payah keluarkan lagi lah. Jadi Yang Berhormat berkenaan dengan isu edaran naskhah penerbitan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur petang semalam saya telah difahamkan bahawa cuma beberapa naskhah sahaja melibatkan penerbitan berkenaan telah diedarkan atas permintaan oleh salah seorang anggota pentadbiran. Walau bagaimanapun, naskhah penerbitan berkenaan bukanlah bermaksud untuk edaran kepada semua Ahli Dewan seperti mana di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 20. Oleh yang demikian adalah diharapkan agar pada masa hadapan, mana-mana ahli yang ingin mengedarkan apa-apa risalah hendaklah dibuat selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 20, jadi sekianlah. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ya kita boleh, terima kasih. Bolehkah kita minta itu pengarang ini Zainudin Maidin minta maaf dalam Dewan Yang Mulia ini oleh keluar satu buku yang tidak patut dikeluarkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat buku ini tidak ada masalah apa. Dia cuma anjakan bangsa iaitu saya telah baca buku ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, balik kita balik kepada tajuk yang kita bangkitkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan saya sebagai backbencher, saya kena pertahankan Timbalan Menteri yang tidak ada dalam Dewan. Apabila saya juga membaca buku ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang beliau rujuk kepada penulis buku itulah. Jadi tidak apalah, kita teruskan perbahasan kita. Ahli Yang Berhormat telah mengambil masa yang panjang dan saya fikir ada juga bahan-bahan yang mustahak untuk dikemukakan. Sila ambil masa yang penting ini untuk menjalankan tugas Yang Berhormat bincangkan rang undang-undang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya akur pada pandangan Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang apa salahnya kalau kita dari segi perbankan pun kita hendak mendedahkan ketulusan dari segi perjuangan, dari segi kemerdekaan, dari segi anjakan bangsa. Ini semua adalah

untuk mempertingkatkan lagi kemerdekaan kita. Bank pun perlu memperbaharui tingkat baru dan untuk itu semua kita kena anjakkan kita punya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang berhormat, semasa kita bahaskan pindaan undang-undang ini, tidak melibatkan perkara inilah tidak patut tidak payah lah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini juga anjakan undang-undang yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan berkenaan dengan bank. Jadi anjakan bermakna kita *move*, kita anjakan dengan pindaan yang baru ini. Jadi tidak apalah saya semua kerana apa – Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya akur lah kalau tidak saya hendak teruskan sedikit pandangan di antara Jerai dengan Ipoh Timur tetapi saya menghormati Ipoh Timur kerana dia seorang senior dan orang yang berpengalaman....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, dia pun tidak mahu dengar lah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia pun tidak mahu, dia keluar, OK. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila Perdana Menteri mengumumkan penubuhan bank SMI jadi bermaknanya mungkin bank-bank yang ada pada masa ini tidak mempunyai peraturan-peraturan atau sistem yang boleh membantu sepenuhnya orang-orang yang melibatkan diri dalam perniagaan SMI ini.

Sebab itulah kita kena tubuh Bank Pertanian, hendak jaga Pak Tani-Pak Tani, bank SMI hendak jaga industri kecil dan sederhana dan juga tekun untuk menjaga peniaga-peniaga kecil. Santubong, Ayer Hitam saya hendak sampai sini dah. Oh, senior Santubong minta maaf ya. Dia sudah empat penggal dah.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya ingat dia secara automatik Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, bukan sentiasa automatik.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kena buat macam ini jugalah saya ingat kena picit juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau orang sebut saya dah empat penggal Tuan Yang di-Pertua, dia kadang-kadang ada juga sedikit-sedikit bunyi dia satu sindiran, ada juga sedikit-sedikit dia satu tohmahan, ada juga sedikit-

sedikit dia bunyi pujian. Berapa lama saya empat penggal itu boleh bertahan empat penggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tujuan Jerai pengalaman Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Pengalaman, sila duduk dahulu Ayer Hitam selepas orang satu penggal, empat penggal dahulu. Timbalan Yang di-Pertua, saya bertanya soalan yang serius amat serius sekali berhubung dengan perbahasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat daripada Jerai. Ini persoalan bank SMI yang telah disebut oleh Yang Berhormat Jerai. Jadi semalam saya hendak sentuh panjang lebar soalan ini, jadi yang panjang kurang panjang yang lebar kurang lebar semalam.

Jadi itulah ada kelebihan di sana sedikit yang belum disentuh saya hendak sentuhkan dan saya hendak Yang Berhormat daripada Jerai mengulas dan memberi pandangan yang lebih daripada apa yang saya akan tanyakan nanti. Kerajaan ingin menubuhkan bank SMI untuk membangunkan SMI dan SME di Malaysia.

Tetapi bank yang bakal digabungkan untuk menjadi Bank SME/SMI ini ialah gabung Bank Industri dan Bank Pembangunan dan dua-dua bank ini mempunyai budaya, mempunyai garis panduan, mempunyai semua format-format dan tindakan, persepsi yang lama, yang nampaknya telah tidak berjaya. Saya tidak sebut gagal, yang telah tidak berjaya memajukan SME/SMI ataupun bantu SME/SMI seluruh Malaysia. Jadi, kalau kita lihat keseluruhannya bank-bank yang ada, dua perkara bank, satu bank komersial yang lain yang dibuat oleh orang persendirian, yang satu bank yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan yang khusus untuk membantu industri-industri, untuk membantu agenda-agenda kerajaan, untuk membantu masyarakat-masyarakat yang sebagai pihak sasaran kerajaan. Bank Pertanian umpamanya, kita kena tanya kita sendiri berjayakah tidak Bank Pertanian merealisasikan sasaran kerajaan, berjayakah Bank Pembangunan merealisasikan pembangunan yang disasarkan oleh kerajaan?

Berjayakah Bank Industri merealisasikan sasaran kerajaan dalam ini? Jadi dua bank ini digabung pula. Kalau digabung, ini betul-betul, Tuan Yang di-Pertua, penggabungan sebagaimana penggabungan bank-bank lain juga. Kalau dasar dia, persepsi dia, tindakan dia, pengurusan dia, pegawai dia tidak ada bimbingan dan tunjuk

ajar daripada pihak kementerian, kerajaan, kepada pakar-pakar yang mengetahui soalan SME/SMI. Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin, tunggu mungkin saya kali yang kelima nanti, penggal yang kelima nanti, saya akan bertanya soalan yang sama, sama ada kita berjaya ataupun tidak. Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat bagi Jerai ini, dia berpengalaman, dia Timbalan Speaker ini. Timbalan Speaker UMNOkan? Speaker juga itu, Speaker UMNO. Pengalaman yang daripada Bukit Jerai, Gunung Jerai, sudah jadi gunung? *[Disampuk]* Daripada bukit jadi gunung? Salah minta maaf Dato', ya. Saya sebut bukit tadi kecil sedikit, jadi gunung. Daripada Gunung Jerai, mengikut dia Melayukan?

Seorang Ahli: Bila lagi hendak berucap?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hah! Hendak tanya ini, sebab tanya bukit, tanya gunung dulu ini. *[Ketawa]* Pengalaman dia memang hebat, Speaker di Dewan Undangan Negeri, jadi wakil negeri, dulu Ahli Parlimen, jadi pengalaman dia cukup banyak, cukup besar dan cukup panjang. Jadi, persoalan saya tadi, soalan bank ini, kalau budaya lama ini, masa dibawa-bawa oleh pihak Bank Pembangunan, di bawa oleh Bank Industri yang ada sekarang, kalau hendak pinjam duit, tanya cagaran, kalau hendak pinjam duit mana tanah dia, kalau hendak pinjam duit mana jaminan dia. Jadinya potensi-potensi *business* yang bakal diajukan anak-anak belia kita. Anak-anak belia kita tidak kisah sama ada orang Cina, orang India khususnya orang bumiputera dan orang Melayu dan hanya boleh datang tangan jari 10 dengan idea yang canggih.

Idea macam *dot.com companies* dahulu yang boleh memajukan, membuatkan orang jadi kaya raya, datang jumpa dengan bank, bank bertanya mana tanah kamu, mana harta kamu, mana jaminan kamu, mana orang kaya jadi penjamin kamu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat bagi Jerai, bolehkah atau tidak bank ini akan memajukan industri SME/SMI di negara ini mengasaskan pembangunan industri Malaysia. Dato' sila, tolong bagikan jawapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Daripada bukit dia tidak boleh jadi gunung, tetapi daripada gunung dia boleh jadi bukit apabila orang ambil gunung, tebang-tebang gunung kerana hendak membuat pembangunan, dia jadi bukit. Tetapi daripada bukit, Tuan Yang di-Pertua, jarang dia boleh jadi gunung. Tetapi Gunung Jerai ini kita kena ingat, Tuan Yang di-

Pertua, kena ingat Gunung Jerai inilah gunung yang menamakan Malaya pada ketika itu dan hari ini Malaysia, ini saya sudah cerita dalam Parlimen. Jadi, Yang Berhormat bagi Santubong, orang pelarian India dia mai, dia tengok gunung itu dia kata 'malai'. 'malai' dalam bahasa India itu bukit. Betul tidak, makna dia? *[Disampuk]* Jadi, dekat nama Malaya pada ketika itu. Jadi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia bukan faham sejarah, saya hendak cerita sejarah Malaya. Jadi, memang saya bersetuju, sebenarnya kalau bank SMI ini saya ingat dia fokus ke arah *viability* projek itu sahaja dan juga pemasaran projek itu.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tidak mahu tunggu sampai Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sampuk lagi, sampuk lagi *[Bercakap dalam loghat Cina]* Jadi, dia tengok *paper* itu atas *viability* projek. Kalau projek itu boleh menguntungkan, pemasaran dia ada....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini batang hendak bangun. Nanti, saya bagi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dahulu, jangan marah. Dia baru balik Mekah rambut potong pendek. *[Ketawa]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada menyentuh tentang SME Bank yang akan ditubuhkan pada tahun depan. Seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi, sebenarnya, kita melihat dari segi sumbangan sektor IKS, Industri Kecil Sederhana kepada GDP. Kita mempunyai 92% syarikat ataupun entiti perniagaan itu adalah SME. Jadi dari segi peratusan kepada GDP hanyalah 6%. Nampaknya ada banyak lagi potensi yang belum kita bangunkan. Sebab itulah SME itu adalah satu mekanisme yang penting untuk membantu sektor Industri Kecil dan Sederhana. Tetapi

masalahnya ialah bank-bank perdagangan yang ada sekarang tidak melihat potensi seperti mana yang dikatakan, mereka hendak cagaran, *collateral*.

Kalau kita hendak mengembang satu industri kecil dan sederhana, masalah utama ialah mereka tidak ada *collateral*, kalau dia ada *collateral* mereka tidak payah lagi pinjam. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat ataupun sampaikan kepada kementerian yang berkenaan, apakah strategi yang akan digunakan oleh kerajaan untuk menangani kekusutan ini. Kita juga melihat kegagalan bank-bank yang telah ditubuhkan sebelum ini, seperti Bank Industri, mereka gunakan orang yang tidak arif. Dalam pengurusan pun mereka gunakan orang yang selalu tidak pandai mencari keuntungan dan akhirnya iaitu berfungsi sebagai satu macam agensi kerajaan. Apakah bentuk ataupun cara kerja yang patut kita cadangkan bagi SME Bank dan supaya ia tidak menjadi satu agensi kerajaan ataupun jabatan kerajaan macam bank pertanian?

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dan adakah Yang Berhormat bersetuju supaya bank ini akan diterajui oleh orang-orang yang memang arif dalam SME. Mereka tidak lagi orang calang-calang, mereka mesti tahu SME. Kalau tidak itu juga akan membawa satu kegagalan kepada industri SME Bank yang akan ditubuhkan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, memang inilah dasar dan kehendak kerajaan. Apabila kerajaan menubuhkan sesuatu agensi, sesuatu bandan kewangan, bank dan sebagainya, sebenarnya ialah untuk meringankan kehendak rakyat yang hendak berniaga. Saya bersetuju, sebab itulah saya hendak cadangkan, tetapi sudah Bank Negara tidak bagi. Dahulu Ahli-ahli Parlimen ini boleh jadi *Bank Chairman*, boleh jadi Pengerusi Bank, tetapi hari ini sudah tidak boleh. Apa salahnya? Ahli-ahli Parlimen pun *quite highly qualified*, yang berpengalaman. Kita bukan hendak *interfere in the day-to-day running of the bank*, tidak, kita hanya hendak memastikan matlamat penubuhan bank itu tercapai. Sebagai orang politik yang hendak memastikan dasar yang dibawa oleh kerajaan berjalan. Bukan makna kita dok tang tu, kita hendak merosakkan bank. Kalau kita rosakkan bank, rugi kita. Makna kita mengkhianati hasrat kerajaan. Tetapi hari ini....

Datuk Bung Moktar bin Raden: [Bangun]

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Pendang, bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Nanti saya bagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini kalau tidak diberi boleh *curfew* Parlimen. Jangan main-main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa, apa? Apa akan jadi sama Parlimen?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini kalau tidak bagi dia boleh mengamuk. Boleh *curfew* kita, tidak boleh keluar.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sama juga dengan rakan-rakan yang lain, iaitu kita bukan tidak ada keyakinan, tetapi kita mahu kerajaan memberi penekanan sebab semua, saya percaya kewujudan bank-bank ini atas dasar persetujuan kerajaan.

Jadi, apakah jaminan dan apakah harapan, dan apakah kerajaan mempunyai statistik iaitu berapa ramaikah pak tani kita, penternak kita yang telah berjaya dibantu oleh bank-bank yang telah diwujudkan oleh kerajaan seperti Bank Pertanian, Bank Rakyat sekarang ini SMI, SME. Kalau ada, kita minta statistik yang menyeluruh. Sebab saya telah mendapat maklumat baru-baru ini. Dahulu kita ada MARA. MARA juga memberi pinjaman kepada bumiputera-bumiputera dengan syarat menggadai tanah mereka. Saya telah melihat hari ini, ramai di kalangan bumiputera yang kehilangan tanah dan masih dengan MARA, ada yang MARA telah lelong, telah jual. Ini bermakna, misi kerajaan itu tidak berjaya ke arah memberi kemudahan kepada rakyat khususnya di luar bandar melalui bantuan-bantuan bank yang diwujudkan oleh kerajaan.

Jadi kita jangan sesuka hati, kerajaan tidak boleh sesuka hati. Pegawai-pegawai di kewangan tidak semudah memikirkan untuk dengan mewujudkan SMI, SME ini, maka selesai masalah. Yang penting, bank-bank, pegawai-pegawai bank hendaklah memberi tindakan susulan kepada si peminjam. Diberi mereka *knowledge*, diberi mereka pendedahan bahawa pinjaman ini untuk membentuk si peminjam supaya menjadi lebih maju. Lebih berjaya dalam industri sederhana dan sebagainya. Tapi kalau cuma

membebankan mereka, tanah mereka tergadai sementara penjamin masih juga ditagihkan oleh bank, rasa saya permasalahan ini tidak selesai.

Jadi Timbalan Menteri hendaklah membawa persoalan ini dan Yang Berhormat menyampaikan kepada Timbalan Menteri supaya kita serius membincang persoalan ini, sebab akta yang dibawa di sini memang lulus. Belum pernah terjadi tidak lulus. Jadi, jangan terjadi sehingga kita di Parlimen ini tidak meluluskannya. Sebab kita tidak boleh bersetuju perkara yang boleh memudaratkan rakyat. Jadi Yang Berhormat, mintalah pandangan Yang Berhormat, terima kasih [*Tepuk*].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Itulah Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak bagi macam mana? Sementara kita bagi pun, itu dia naik angin. Memang ini seorang pejuang. Kinabatangan seorang pejuang agama, bangsa dan tanah air. Jadi, memang inilah rintihan-rintihan. Kalau kita tanya setiap Ahli Parlimen, sama ada pembangkang atau pun kerajaan, bukan maknanya dasar itu tidak kesampaian. Dia sampai, tetapi tidak ke matlamatnya. Saya tidak boleh nafikan kata Bank Pertanian pun tidak berfungsi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Pendang pula? Okeylah, okeylah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ini jiran sebelah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jiran, okeylah, okeylah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Di kawasan kitalah, Jerai dan juga Pendang, banyak petani dan kebanyakan sekarang yang muda-muda ini, dia tidak ada tanah. Sebenarnya, dia menyewa bendang orang, dia buat sampai beratus-ratus relung. Jadi, kalau sekiranya nak mendapatkan pinjaman daripada bank SMI, SME ini, macam Yang Berhormat kata tadi mengikut kertas kerja. Itu Alhamdulillah. Tetapi sekiranya mereka ini diminta cagaran, saya rasa kebanyakan bendang adalah bendang sewa, jadi dia nak cagar macam mana? Jadi, apakah hasrat Yang Berhormat yang bercakap pada hari ini kepada SMI, SME ini, kepada mereka yang galak untuk menyewa bendang untuk memajukan bidang pertanian ini. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang

Berhormat. Terutama sekali di kawasan Pendang yang tidak mempunyai bendang, tetapi menyewa bendang orang yang tidak boleh mencagarkan bendang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pendang. Memang benar Yang Berhormat, sebab itu saya katakan tadi bahawa disebabkan, saya tidak pernah menafikan bahawa bank-bank tidak membantu. Disebabkan oleh bantuan inilah maka kita ada hari ini juga yang berjaya dan sebagainya. Bank Pertanian pun telah membantu dan sebagai-sebagainya. Tetapi, tidak sampai ke matlamat sasarannya lagi. Jadi komitmen kena penuh, komitmen kena tinggi. Contohnya, kalau kita nak bercakap pasal industri pertanian ini, industri yang akan membantu negara kita dari segi pengimportan makanan, pertukaran wang asing dan sebagainya.

Kalaulah macam tadi pak tani moden ini dia balik daripada universiti, dia kata nak buat bendang. Buat bendang, kalau serelung dua ini tak boleh cari makan Tuan Yang di-Pertua. Dia bawa balik sekarang ini, pak tani di kampung saya ini, termasuk bendang di sebelah buat-buat bendang ini, subsidi dia, serelung RM325.75 sen. Serelung, kalau dia buat dua relung, kali dua. Bermakna setahun dia buat dua kali. Kalau dia buat empat relung sahaja, cuba kali tengok, bermakna pendapatan dia ini cukup rendah. Paras kemiskinan.

Jadi, dia kena buat secara *estate*. Kini kerajaan kata buat secara *estate*, buat secara *estate*, buat cara ladang. Memang nak buat cara ladang, bendang yang ada dalam kawasan kita ini kadang-kadang Pak Long Mat ada tiga relung, kawan itu ada lima relung. Dia nak buat secara *estate* susah. Tapi kalau ada inisiatif daripada generasi muda yang boleh membuat sistem secara *estate*, boleh membantu dan boleh *generate income* yang lebih besar. Dia akan menguntungkan. Tetapi kalaulah dia kata dia nak pergi ke bank, minta bantuan, mungkin bank akan tanya macam kata tadi lah, geran banyak, ramai sangat, macam mana dan sebagainya. Tetapi pihak bank boleh menggunakan budi bicara. Di sini budi bicara yang menentukan. Ya, ya Sabak Bernam, ada kelapa, ada bendangkan? Kelapa sawit semua, nyior semua, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jerai daripada awal ucapan tadi bercakap tentang

anjakan paradigma. Ini satu perkara yang penting. Kita memang sangat mengalu-alukan pindaan akta bank dan institusi-institusi kewangan dan juga penggabungan bank SMI, SME. Kerana matlamatnya ialah untuk membantu usahawan-usahawan kita di semua peringkat. Bagi Sabak Bernam, pastinya usahawan tani yang saya nampak Jerai cukup maklum, usahawan kelapa sawit di mana pengusaha kelapa sawit yang terbaik sebenarnya kalau nak dijadikan contoh berada di Sabak Bernam. Ini boleh diqualify oleh Kementerian Komoditi dan Perladangan, Saudara Ahmad Sidek sebenarnya. Kalau nak dijadikan contoh, ya. Begitu juga dengan pertanian-pertanian yang lain seperti padi dan juga tanaman sayur-sayuran.

Dalam konteks ini, yang terpenting sekali Yang Berhormat Jerai ialah pembiayaan yang harus dapat diberikan kepada petani itu dengan mudah, dengan cepat dan memenuhi kehendaknya. Ini telah disebut dengan panjang lebar sebenarnya semalam oleh Yang Berhormat Santubong tentang kekurangan dan kelemahan tetapi dalam kekurangan dan kelemahan itu, pastinya pengalaman yang lepas ada kejayaan. Dalam konteks Sabak Bernam, kalau saya nak mengambil dari segi dana yang ada di luar bandar TEKUN, saya lihat dana ini dengan cara yang mudah memang dapat membantu.

Saya nak terus kaitkan ini dengan birokrasi. Pinjaman kewangan ini kepada para usahawan khususnya para belia kita. Di Sabak Bernam saya boleh tunjukkan dengan begitu jelas belia kita dengan satu ekar, dua ekar tanah, pendapatan mereka dari perusahaan mereka itu, RM1,000 hingga RM2,500 sebulan. Yang jadi masalah sekarang ini ialah bila mereka nak memohon pinjaman itu, satu daripada kekangan ini ialah cagaran. Saya ingin mencadangkan sebagai satu anjakan supaya bank-bank ini sebagai nak membantu kerajaan melalui rakyat-rakyat kita memudahkannya potensi kerja ataupun projek itu menjadi cagaran, jangan disukarkan.

Saya sangat sedihlah apabila saya pergi kepada MARA umpamanya, salah satu yang mereka bimbangi ialah keyakinan mereka terhadap pengusaha itu. Jadi, mereka tidak melihat projek itu, secara khusus keyakinan kepada orang itu. Saya memang pasti sebenarnya Yang Berhormat Jerai jelas bahawa untuk berjaya dia mesti ada 5P dalam perusahaan. 5P! Saya gunakan P ini Yang Berhormat Jerai. P yang pertama ialah Pengusaha, dia mesti ada ilmu, ada kemahiran dan ada jati diri. Yang keduanya, mesti

produk. Kalau ada orang nak bawa tanaman anggur ke Sabak Bernam saya ingat orang itu mungkin orang yang menghidu gam lah! Kata Jasin, gila, tak boleh. Tapi yang peliknya Yang Berhormat Jerai, ini apa benih, anggur ini sekarang ini cukup laku di kawasan Tanjung Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak berucap atau nak meminta penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Hendak membantu memantapkan lagi hujah daripada Yang Berhormat Jerai, sedikit lagi Yang Berhormat, sedikit Tuan Yang di-Pertua dan kalau boleh saya tamatkan yang lima inilah. Yang ke keduanya produk dan yang ketiganya ialah pengurusan dan pentadbiran, dan yang keempatnya ini yang penting yang kita bicarakannya ialah pembiayaan dan yang kelimanya ialah pasaran.

Kalau ini salah satu kita tinggalkan memang dia tidak boleh berjaya. Oleh kerana itulah kita harap bank ini, gabungan bank ini akan dapat membantu secara lebih mudah dengan cepat. Masa ini sangat penting kerana selalunya saya dapat lihat, saya boleh beri beberapa contoh sebenarnya. Pinjaman itu diperlukan dalam tempoh 3 bulan tetapi dalam setahun mereka belum lagi dapat pinjaman itu satu masalah, yang keduanya yang diperlukannya RM100,000.00 *deal*, diluluskannya RM50,000.00. Maka kelam kabutlah mereka hendak mencari RM50,000.00 yang lain. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Jerai mengenai perkara-perkara ini? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita akan dengar wakil-wakil rakyat lain bercakap pun ke arah itulah, ke arah sekuriti di atas pinjaman. Tetapi yang pentingnya *viability* di atas projek itu, itu patut diberi keutamaan, beri keutamaan kepada yang itu. Saya hendak minta Kementerian Kewangan mengarahkan Bank Negara supaya bertindak mengarahkan bank-bank swasta ini. Buat kerjalah sedikit Bank Negara, habaq dekat gabenor itu rajinlah sedikit.

Seorang Ahli: Dia tidak kerja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan tidak kerja, kerja sudah, dia dok cerita eksport, eksport, eksport kita mai eksport ini hak yang dalam negeri ini port ini macam mana? Jadi yang hak yang port ini pun kena jaga juga kalau tidak ada

port macam mana hendak eksport, jadi hendak port inilah yang dia dok buat sayur, dok buat itu, dok buat ini dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah pun berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak saya hendak berhenti sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepanjang tiga jam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak berhenti sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi banyakkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak sudah saya tidak ada sudah, cuma saya hendak penutup, hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah boleh gulung sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak gulung, saya hendak minta pihak Kementerian Kewangan di atas rintihan-rintihan kami ini yang mewakili rakyat supaya bank lebih fleksibel dari segi memberi pinjaman-pinjaman kepada dasar-dasar yang hendak di *implement* oleh kerajaan.

Kita tidak mahu, bukan kita tidak mahu yang kadang-kadang dasar yang dibuat itu baik tetapi tidak boleh di *implement* sampai kerajaan pula kena tubuh bank untuk hendak sokong. Jadi bank yang ditubuhkan ini untuk apa? Apakah Bank Negara tidak boleh tolong dan arah kalau Bank Negara boleh arah bank-bank buat sesuatu mengikut kehendak-kehendak dasar kerajaan pasal apakah bank tidak boleh meminta ini? Saya hendak mencadangkan di Bank Negara ada satu unit, mungkin sudah ada atau tidak ada untuk *monitor* bank-bank swasta dari segi pinjaman-pinjaman yang berkenaan dengan perniagaan-perniagaan yang didasarkan oleh kerajaan. Contohnya pertanian, industri kecil dan sederhana. Fokus tanya bank, you bagi *education* banyak mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Banyak mana yang sudah berjaya? Banyak mana yang tidak berjaya? MPL banyak mana? Yang berjaya banyak mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang ini, ini abang itu, ini abang buang angin itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata dia Yang Berhormat ada angin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau saya ada angin dia pun ada angin Tuan Yang di-Pertua, tidak ada angin pun tidak boleh bangun dia, jadi semua orang ada angin Tuan Yang di-Pertua cuma tengok anginlah apa anginlah, yang angin langgar itu Amerika lainlah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya. Saya cuma hendak bertanya, apabila hendak bertanya ini benda yang kita tidak tahulah atau benda yang kita samar-samar tahu, tujuan bertanya kerana hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ialah soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mungkin yang ditanya lebih tahu daripada yang bertanya dan yang kena tanya kena betul-betul tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau soalan tidak ada boleh duduklah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada soalan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sabar. Tuan Yang di-Pertua patut lebih sabar Tuan Yang di-Pertua pasal Tuan Yang di-Pertua menang majlis tertinggi MCA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu jawatan saya sudah pegang begitu lamalah, bukan benda baru, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal Tuan Yang di-Pertua orang baik, orang ada kebolehan itu sebab dikekalkan. Soalan, kerajaan ada polisi kerajaan, ada dasar. Dasar kerajaan Barisan Nasional amat baik, Tuan Yang di-Pertua pun tahu bahawa kerajaan Barisan Nasional kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat dan

tanggungjawab ini memang telah pun teruji, memang diterima baik oleh rakyat. Kebanyakan dasar kerajaan memang dasar menolong, membantu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua orang faham sekarang apakah soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak masuklah Tuan Yang di-Pertua ini hendak sampailah Tuan Yang di-Pertua hendak sampai. Bank Negara diberikan tanggungjawab untuk membantu bumiputera dan tanggungjawab ini dalam bentuk supaya bank bumiputera mengarahkan bank-bank komersial ini memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga khususnya Melayu dan bumiputera, betul Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak silap 30%, Bank Negara menerima arahan ini dan menyampaikan hasrat ini kepada bank-bank.

Cuma saya difahamkan, ini yang saya hendak tanya, ini yang saya hendak tahu betul atau tidak, benar atau salah bahawa bank-bank ini sesetengahnya mengikut cuma caranya dia meminjam itu berpilih-pilih dan peratus itu diberikan kepada hanya beberapa. Beberapa individu, beberapa institusi yang mencukupi 30%, maknanya tanggungjawab bank menerima arahan Bank Negara telah pun disempurnakan tetapi, sasaran yang dikehendaki oleh kerajaan tidak tercapai kerana dia tidak menyeluruh. Dalam hal ini Yang Berhormat, apakah tidak dalam pengetahuan Bank Negara? Satu, yang kedua, apakah kalau Bank Negara tahu tindakan yang boleh diambil?

Kerana hendak mengatakan bank itu ingkar kepada arahan Bank Negara tidak boleh pasal dia sudah sempurnakan 30%, macam kes AP lah juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa rakyat terima AP ini satu kemudahan, tetapi yang jadi pertanyaan, yang menjadi persoalan kenapa hanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebenarnya soalan ini *simple*, senang sahaja tetapi cara penyampaian cukup susahlah. Cukuplah, cukuplah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: lalah maknanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat Jerai pandailah, dia faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia memang faham Tuan Yang di-Pertua ini Yang Berhormat Jerai memang orang pandai Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tidak pandai Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ambil masa 5 minit soalan pun tidak dapat disempurnakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, itu soalan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah kalau soalan sudah keluar cukup, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup, Tuan Yang di-Pertua, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup. Tuan Yang di-Pertua pun faham?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Jerai faham?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oklah, Tuan Yang di-Pertua saya patuh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tahu saya orang baik tidak macam Yang Berhormat Ipoh Timor suka lawan Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit-sedikit lawanlah tidak macam Yang Berhormat Ipoh Timor suka tunjuk garang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sangka jahatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak bukan sangka jahat, saya pujilah Yang Berhormat Ipoh Timor dia macam garanglah memang layak dia jadi ketua pembangkang Tuan Yang di-Pertua dia beranilah dia berani, tetapi saya tidak macam dialah berani.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tengok dia orang baik, dia orang baik Yang Berhormat Ipoh Timor dia orang baik punya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, Tuan Yang di-Pertua manusia ini dia ada macam-macam, sebab itu kita ada angin, sebab itu dia ada tempat untuk buang angin tuhan dia cipta manusia macam itu, jadi maklumlah Yang Berhormat Jasin ini dia orang lama, orang lama dia masuk *slow-slow*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Sri Gading, *sorry*. Yang Berhormat Jasin dengan Yang Berhormat Sri Gading pun sama tua, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia kena *slow-slow*, biar cicak lalu pun terkejut tidak boleh, depa tidak boleh ini orang tua-tua, orang lama tetapi pengalaman. Jadi memang itulah saya minta kalau bolehlah, saya bukan minta banyak sebab itulah kita dalam Parlimen ini kita hendak Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang apabila bil-bil yang dibentangkan oleh kementerian itu, tidak apalah macam Timbalan Menteri hadir tidak apa.

Kalau boleh macam bil ini akan melibatkan *banking system* dan sebagainya apa salahnya gabenor merendahkan dirinya datang ke sini. Tengok macam mana yang kami menyuarakan, yang saya suarakan ini Tuan Yang di-Pertua bukan daripada saya, ini daripada yang kita berpengalaman, kita turun ke bawah kita dengar masalah kita masuk orang meniaga, orang meniaga cakap macam ini, kita pergi kepada pak tani, pak tani bising macam ini.

Bukan kerana kami, bukan kerana kami, bukan kami nak ambil *loan* bank dan sebagainya. Dan Menteri begitu juga, sepatutnya apabila *bill* kementerian masuk, Menteri itu turun dan duduk, dengar fasal kita nak menyampaikan pandangan kita, bukan ada apa, tak salah. Ini Timbalan Menteri pun, Menteri kelmarin ada dua boleh mai tak apalah. Timbalan Menteri pun sahabat, dia pun cekap, saya tak marah, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timur.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini pun angin. Kalau tidak bagi pun dia kacau juga. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, penjelasan. Kali yang pertama Yang Berhormat daripada Jerai, apa yang dia kata itu betul dan benar. Tapi saya hairan kenapa sampai sekarang dia ada sebut Menteri-menteri patut datang dan tak dengar dia timbul mengenai kehilangan Menteri MITI - Menteri Perdagangan dan Antarabangsa, khususnya skandal AP itu. Adakah dia terima semua perkara ini sudah selesai dan tak

perlu Menteri MITI datang, bukankah kalau serius dalam hal ini kita semua bersetuju sebulat suara memanggil, menuntut bahawa Menteri MITI datang untuk menangani, menjelaskan isu skandal AP ini.

Oleh sebab isu itu besar, bukan sahaja di timbul di Perhimpunan Agung UMNO, Kabinet pun patut akhiri debat ini di Parlimen, adakah setuju? Kalau tak berani setuju dengan perkara ini, menyuarakan tadi itu pun tak bermaknalah.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Ipoh Timor, di dalam perjuangan tidak ada perkataan takut. Apabila kita berjuang untuk rakyat, untuk agama, bangsa dan tanah air perkataan takut itu tidak ada. Kita berjuang habis-habisan, sebab itu saya tegur dan hari ini saya faham, hari ini kerana ada Kabinet, jadi Menteri tidak boleh hadir, yang itu saya faham dan kita pun kena faham. Kalau ada Kabinet, dia tak boleh mai.

Kemudian kementerian, bukan saya nak bela, saya pun tak ada AP, saya pun tak ada *company* dapat AP. Menteri kelmarin, Timbalan Menteri dah jawab, Setiausaha Parlimen dah jawab, Menteri berada di luar negara untuk menjalankan tugas-tugas negara. Itu dia sudah faham dah, jadi maksud saya kalau pun Menteri tak boleh turun, sekurang-kurangnya KSU kementerian-kementerian kena turun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lagi satu Yang Berhormat, kalau saya nak minta... saya bagi, saya bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum terus... perkara yang sama, perkara yang sama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nak bagi cuma

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit penjelasan saja, sedikit. Okeylah, bagilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bagi, saya minta satu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Selalu saya bagi, selalu saya bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nak bagi sekarang, saya nak bagi tetapi saya nak minta satu daripada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh atau tidak Yang Berhormat beritahu anak-anak buah Yang Berhormat kalau nak bercakap, ikut peraturan. Dia bukan sarkas dok bercakap di luar, ya?

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit, penjelasan, penjelasan, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam kita

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Jerai, Tangga Batu dah berdiri lama.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat kata, dia ada terima. Terima kasih, terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai pun boleh menang sebagai Naib Yang di-Pertua Perhimpunan.

Seorang Ahli: Timbalan Speaker.

Tuan Lim Kit Siang: Timbalan Speaker. Saya pun tak tahu bagaimana dia boleh menang, yang itu tak apalah. *[Dewan riuh seketika dengan ketawa]* Syabaslah! Tahniah! Saya tak tahu bagaimana dia boleh menang.

Dia kata bahawa kerana hari ini *Cabinet meeting* tetapi Yang Berhormat Menteri MITI tidak ada di sini pun. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa untuk empat kali Mesyuarat Kabinet berturut-turut khususnya dalam Julai, Ogos apabila skandal AP menjadi satu ribut besar, beliau langsung tidak menghadiri? Dia lari daripada Kabinet, lari daripada pemberita-pemberita, lari daripada UMNO *Supreme Council*. Saya dapati semalam dia pun tak menghadiri Mesyuarat UMNO *Supreme Council*. Sekarang dia lari daripada Parlimen. Sekarang dia lari ke luar negeri. Bukankah lebih baik dia letak jawatan?

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, dalam hidup kita ini kita jangan selalu adakan sangkaan yang tidak baik kepada seseorang, Tuhan marah kita. Dalam buku yang saya baca, kalau kita sentiasa mempunyai sangkaan baik

kepada orang dan berbuat kepada orang, hidup kita akan lebih tenang dan bahagia. Ini buku yang saya baca.

Jadi kita jangan ada sangkaan buruk, kalau seseorang itu melakukan kesilapan dan sebagainya dia ada aturan peraturan yang akan dihukum. Begitu juga contohnya kalau di dunia dia terlepas, mungkin di akhirat dia tak akan lepas kerana Allah SWT melihat apa yang kita lakukan.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hey, jangan gelak. Kuching ... *[Bercakap bahasa Cina]* Jangan cakap-cakap macam tu, Kuching.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, minta penjelasan, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bila bercakap fasal Tuhan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau saya tangkap *you*, letak dalam zoo, baru *you* tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya minta penjelasan, ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: You budak-budak lagi, saya sudah tua tau.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Jerai, Tangga Batu dulu, Tangga Batu dulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *After that* saya nak bergaduh dengan Kuching pula.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tak mahu bergaduh dengan kamu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching sila.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu Menteri datang Parlimen untuk menjawab soalan untuk menjelaskan apa yang telah berbangkit khususnya mengenai AP. Ini adalah *principles of accountability*, faham tak? Dan kita tak boleh membiarkan dia buat apa-apa kesalahan saja dan cakap, "Oh, lain kali Tuhan akan denda", kerana ini sistem dalam sini. Oleh itu kita *insist that the Menteri should come*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertama, saya nak tanya Kuching, Kuching ini *free thinker* kah? Adakah Kuching orang yang tidak beragama? Memang kucing seekor binatang tapi bukan maknanya dia ni, tapi dia juga makhluk Tuhan.

Tuan Chong Chieng Jen: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak saya tak kata Bandar Kuching, saya kata kucing.

Tuan Chong Chieng Jen: Dia menunjuk saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya kata kucing.

Tuan Chong Chieng Jen: Dia mesti tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai teruskan pada perbahasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Dia mesti tarik balik. Itu dia menyebutkan binatang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya kata kucing memang seekor binatang.

Tuan Chong Chieng Jen: Tapi dia menunjuk saya.

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan saya kata Bandar Kuching. Kalau saya kata Bandar Kuching seorang binatang itu saya menunjuk Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah bagi penerangan. Jerai teruskan pada perbahasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat kena faham bahasa.

Tuan Chong Chieng Jen: Terus, terus, terus!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hai! Tengok saya menang Timbalan Pengerusi Tetap pun, ini di atas kehendak Allah, Ipoh Timor. Perwakilan menyokong saya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Pencelahan ni.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bukan macam DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, nak bagi Tangga Batu ke tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha Tangga Batu ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lama dah berdiri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, okey.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, kita ini bukan cerita fasal Menteri lari dan sebagainya. Tajuk pun sudah lari ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita cerita betul-betul balik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai, bercakap tentang persaingan tadi itu di antara bank-bank dan institusi kewangan ini, apabila Rang Undang-undang ini diperbahaskan, saya menerima banyak panggilan serta SMS daripada rakyat yang meminta supaya perkara ini dibangkitkan. Bagi masyarakat perdagangan dan perusahaan perindustrian di negara kita, mereka bukan sahaja berhadapan dengan kerenah birokrasi yang telah diletakkan oleh bank-bank dan institusi kewangan tetapi juga Yang Berhormat Jerai, mereka telah berhadapan dengan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai anak-anak syarikat yang sama-sama bersaing dengan mereka yang diketuai oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, di mana jika berlaku perebutan dalam sesuatu projek ataupun pembangunan lazimnya pihak institusi kewangan dan bank-bank ini akan lebih cenderung kepada anak-anak syarikat kerajaan negeri ini.

Jadi ini pun saya kira Yang Berhormat Jerai, kita dapat lihat bukan sahaja dari segi permohonan pinjaman bantuan kewangan dan sebagainya tetapi dalam apa juga bentuk. Apabila datang masyarakat perdagangan, perindustrian dan perusahaan ini, dia akan katakan pergi rujuk dengan anak syarikat kerajaan negeri, rujuk dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan sebagainya. Pada masa yang sama anak-anak syarikat ini, perbadanan-perbadanan ini juga mempunyai *interest* terhadap

pembangunan yang telah diilhamkan ataupun di *initiate* oleh pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang tadi.

Ini saya kira adalah merupakan suatu perkara yang boleh menjejaskan pembangunan ekonomi negara dan kalau boleh minta pihak Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan memberikan perhatian kepada perkara ini supaya tidak wujud pertandingan, persaingan yang kurang sihat di antara anak-anak syarikat kerajaan negeri bersama dengan kumpulan-kumpulan masyarakat perdagangan dan perindustrian yang ingin memajukan kumpulan-kumpulan mereka. Apa pendapat Yang Berhormat Jerai tentang perkara ini dan saya yakin ia boleh diperjelaskan lagi, diulas lagi dalam contoh-contoh yang lebih lanjut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun nak gulung dah. Saya minta jangan sesiapa bangkit bertanya, saya pun sudah tak larat dah ni. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya faham anak-anak syarikat, memang dasar kerajaan tubuh Perbadanan Kemajuan Negeri dulu adalah untuk membimbing - ha, ini masalah dia, membimbing peniaga-peniaga Bumiputera untuk menuju kejayaan tetapi bukan untuk bersaing, membimbing bukan bersaing.

Tetapi kalau bersaing dan saya pun lihat banyak syarikat-syarikat kerajaan ini rugi, saya pun tak faham. Banyak agensi-agensi kerajaan rugi, saya tak faham dengan *facilities* yang ada, dengan modal yang ada, dengan pegawai yang *qualified*.

Tetapi tidak menguntungkan, sedangkan syarikat yang pendapatannya terhad, yang pinjamannya susah didapati, dengan kesukarannya, dengan tenaga kerja kurang, tetapi kerana bersungguh-sungguh alhamdulillah mereka berjaya. Jadi di sinilah kita kena lihat.

Saya bukanlah kata hendak berlebih-lebihan, kita bukan hendak menyalahkan sesiapa, tetapi kita minta seluruh jentera kerajaan, jentera-jentera bank balik dan ikut kepada asas dan juga dasar yang dibentuk oleh kerajaan untuk menjayakan dan saya tidak menafikan hari ini kita berjaya - alhamdulillah. Kalau kita tidak berjaya masa kan kita ada seperti keadaan hari ini. Takkanlah orang kampung hari ini boleh memiliki kereta, kadang-kadang sampai dua biji, dahulu naik gerak buruk sahaja, dahulu kereta pun tidak ada, susah tetapi hari ini berjaya. Dan kita lihat orang datang ke Dewan Rakyat ada ke orang-orang yang datang ini dengan baju yang koyak rabak, semua

segak belaka pakaian elok dan sebagainya. Budak-budak universiti dan sebagainya, ini adalah termasuk di galeri kita ini. Saya masa kecil dahulu umur macam tu mana boleh pakai tai. Ini tengok yang kecil-kecil tu (menunjukkan kepada murid-murid sekolah yang datang sebagai pelawat ke Dewan Rakyat) budak sekolah rendah sudah pakai tai. Itu bermakna kemajuan dan kita berjaya. Kejayaan ini adalah di atas perjuangan pegawai-pegawai kerajaan, perjuangan dasar kerajaan, kerja kuat menteri, kerja kuat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, kelemahan daripada pihak pembangkang, kita berjaya dan sebagainya. Ini yang menyebabkan saya hendak tambah lagi supaya

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ada lagi ke Yang Berhormat Kelana Jaya? *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya. Sila.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai, kamu boleh tahan, masih kuat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebut tentang bagaimana bank harus membantu orang-orang yang berniaga dan mendapat pinjaman, kerana kalau seseorang peniaga itu dapat pinjaman, maka dia dapat menyumbang ke arah menjana pertumbuhan ekonomi negara kita. Tetapi hari ini kita membincangkan tentang pindaan undang-undang yang berkaitan dengan insurans deposit, maka kita juga harus menjaga kepentingan orang-orang yang menyimpan, yang menandatangani duit di dalam bank. Saya hendak ambil contoh di sini tentang akaun simpanan, Skim Akaun Simpanan yang dilaksanakan di dalam bank-bank, di mana Skim Akaun Simpanan adalah bertujuan untuk menggalakkan simpanan wang di kalangan rakyat negara kita, dan mereka yang simpan duit di dalam akaun simpanan akan diberi faedah atau bunga oleh bank kepada penyimpan.

Walau bagaimanapun, kadar bunga yang diberikan kepada penyimpan adalah rendah berbanding dengan bunga yang dikenakan oleh pihak bank untuk memberi pinjaman kepada pemiutang. Faedah pinjaman pemiutang telah membolehkan bank mendapat keuntungan. Faedah yang dikenakan oleh bank kepada peminjam adalah lebih tinggi yang diberikan kepada penyimpan atau pendeposit. Maka dengan itu saya

rasa bank tidak seharusnya dengan sesuka hati mengenakan bayaran tambahan yang tidak berpatutan kepada pemegang akaun simpanan, kerana ini telah membelakangkan matlamat Bank Negara dalam pelaksanaan Skim Akaun Simpanan.

Saya hendak ambil contoh di sini, saya bukan hendak *pick on* satu bank sahaja sebagai satu contoh. Ini adalah satu surat yang dikeluarkan oleh Affin Bank kepada semua pemegang akaun simpanan buku di Affin Bank yang berbunyi seperti berikut: "Sukacita dimaklumkan bahawa kami memberikan semua pemegang akaun simpanan buku pilihan untuk bertukar kepada akaun simpanan penyata seperti akaun simpanan buku, akaun simpanan penyata memberikan faedah ke atas simpanan dengan ciri-ciri diperbaiki". Walaupun di sini disebutkan ciri-ciri diperbaiki, tetapi saya membuat bandingan tidak banyak ciri-ciri yang diperbaiki. Yang pentingnya dalam peringatan ini ialah " .. kepada pelanggan yang ingin terus memegang akaun simpanan buku, kami akan mengenakan bayaran RM5 setiap bulan berkuat kuasa pada bulan Ogos 2005", tiap-tiap bulan akan dikenakan bayaran RM5.

Saya hendak bertanya di sini, apakah bank apabila mengenakan bayaran ini telah dapat kelulusan daripada Bank Negara ataupun, apakah Bank Negara mempunyai tanggungjawab untuk memantau supaya bank-bank komersial ini tidak sewenang-wenangnya mengenakan bayaran. Tidak sewenang-wenangnya menetapkan peraturan sendiri dan mengenakan bayaran tambahan kepada penyimpan-penyimpan seperti mana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan semasa pembentangan rang undang-undang ini, telah mengatakan bahawa Bank Negara Malaysia akan terus dipertanggungjawabkan sebagai pengawal selia utama sistem perbankan. Dan pindaan kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan ini akan dapat memperkukuhkan lagi rangka kerja yang sedia ada, bagi mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara, melalui perlindungan eksplisit yang disediakan untuk pendeposit, untuk menyimpan duit. Tetapi sekarang kita lihat bank dengan sewenang-wenangnya mengenakan bayaran tambahan, maka saya hendak tanya, apakah pandangan Yang Berhormat Jerai, apakah Bank Negara harus memantau dan memberi garis panduan supaya bank-bank swasta tidak akan mengenakan bayaran tambahan sewenang-wenangnya ke atas penyimpan duit? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Kelana jaya. Semalam saya telah menyarankan kepada Bank Negara supaya *standardize* daripada sistem-sistem, selaraskan keseluruhan bank. Maksudnya Bank Negara kena bagilah, tak tahulah cara nak buat macam mana, bagi tahu kepada bank, kalau hendak caj biarlah selaras jangan berbeza. Ini kadang-kadang Affin Bank berbeza dengan Southern Bank dan Southern Bank berbeza dengan Chartered Bank, dan yang saya bimbang apabila bank-bank *merge*, dia akan jadi besar dan apabila jadi besar saya takut satu hari nanti ia boleh pula mengatur Bank Negara, bukan Bank Negara mengatur dia. Ini pun masalah juga bila bank itu sudah besar dia rasa dah kuat, dia dah kukuh mungkin dia akan memberi peraturan-peraturan dia pula syarat-syarat dia. Yang ini Bank Negara kena kawal elok-elok.

Kejayaan ekonomi negara dari segi perbankan dan dari segi pinjam meminjam terletak di tangan Bank Negara untuk *monitor* benda-benda macam ini. Ini adalah harapan kami sebagai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ketereh? Ok, yang *last*, ok, ok Ketereh.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang sumbangan bank balik kepada masyarakat. Saya selalu baca dalam surat khabar dan kita semua tengok, selalunya bank yang bagi balik sumbangan kepada masyarakat ini saya tengok hanya Bank Rakyat sahaja, Bank Islam ada sikit. Bank Rakyat banyak bagi derma, bagi bantuan, bayar zakat kepada sekolah, kepada badan-badan amal, kepada yayasan. Dan kita tengok pula Bank Rakyat boleh bayar dividen yang sangat tinggi kepada pemegang ahlinya sampai 20%, ada kadang-kadang sampai 22%. Antara bank yang paling banyak bayar dividen ialah Bank Rakyat mungkin kerana ia selalu bayar zakat. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, kenapakah bank-bank lain yang besar, saya yakin bank lain jauh lebih besar tidak buat sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bank Rakyat sebab pengurusinya dahulu kot.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Boleh jadi sebab Timbalan Speaker sekarang ini adalah merupakan bekas Pengerusi Bank Rakyat. Sejak daripada beliau peganglah sebenarnya perkara itu berjalan dan berterusan sehingga sekarang. *[Tepuk]* Terima kasih. Boleh bagi penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertamanya menunjukkan seorang *politician can be a good chairman for the bank*. Maknanya kita tengok kita punya Timbalan Speaker, dia dahulu *Chairman* Bank Rakyat, idea dan pandangan dia sebab dia berjiwa rakyat, dia faham kehendak rakyat jadi senanglah. Kalau kita tidak berjiwa rakyat, kita tidak memahami kehendak rakyat dan tidak memahami perjuangan, maka dia kira *bottom line - to me it is the bottom line - nothing more and nothing less*. RM - dia bukan hendak ingat zakat ke, apa ke pasal bagi dia bila keluar dalam *Business Times, certain banks this year profit margin one point* berapa-berapa *billion*. Oh! orang tepuk tangan. Tetapi mak long di kampung, ibu tunggal yang wakil rakyat tanya tu yang tidak dapat duit dan sebagainya siapa hendak pergi tengok depa? Orang kata, "Kerajaan". Jadi, hampa buat apa? Ha, yang untung ini buat apa? Adakah untung atas kepandaian, untung atas dasar kerajaan, kalau tidak ada dasar ini tidak boleh dapatlah. Ini pelajar pun, kalau bukan kerana dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional, tidak mungkin pelajar-pelajar ini masuk universiti. Ini dasar kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun pula, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Semangat pula dah. *[Ketawa]* ..

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *This is very important.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Very important? Okay, Tangga Batu.*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Jerai akan teruskan ucapan itu dan meminta supaya Kementerian Kewangan, Bank Negara dan juga bank-bank ini mengubah semula peraturannya yang tidak boleh melantik wakil-wakil rakyat ini sebagai ahli lembaga mereka. Sekarang ini tidak boleh Yang Berhormat ini, Yang Berhormat Ketereh ini sepatutnya jadi ahli lembaga Bank Rakyat tetapi tidak dapat kerana dia wakil rakyat, bermakna ada nama rakyat juga di situ. Jadi adakah

Yang Berhormat Jerai akan cakap benda itu kepada Kementerian Kewangan atau mengutarakan perkara itu kepada Kementerian Kewangan? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu, sabarlah Tangga Batu, kita ini memang kadang-kadang di hina, kita ini dipandang rendah, kita ini dipandang sebagai tidak mengerti, bodoh tetapi bodoh dan tidak bodoh kita pun, kita dipilih oleh rakyat. Kita bersengkang mata, kita yang mempertahankan dasar, kita yang mempertahankan hak-hak kepentingan yang ada, kita yang meletakkan kedudukan masyarakat yang ada pada hari ini. Apakah hinanya kami sebagai wakil rakyat tidak boleh hendak duduk di dalam bank-bank...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apakah, apakah....*[Ketawa]*

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, silakan Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Marathon, tahniah orang lama. Tadi saya hendak minta sedikit penjelasan tentang Bank Rakyat, memanglah kita begitu menarik cara kemudahan yang disediakan oleh Bank Rakyat walaupun ianya bukan Bank Koperasi di atas dividen yang diberikan tetapi sekarang ini kita lihat untuk orang-orang baru ataupun orang lama hendak menambahkan nilai saham mereka dalam Bank Rakyat, sudah ada sekatan. Maknanya apabila ada kekosongan ahli-ahli yang lain, berhenti menarik balik barulah boleh ditambah nilai saham. Apakah ini juga Yang Berhormat bersetuju supaya boleh diberi satu nasihat kepada bank berkenaan supaya dibuka peluang ini seberapa yang boleh kepada mereka yang ingin menambah nilai saham dalam Bank Rakyat. Saya juga tertarik dengan saranan yang mengatakan bahawa ahli-ahli politik terutamanya wakil rakyat tidak dibolehkan berada dalam institusi kewangan, tetapi saya agak keliru di sini kerana ada rakan kita pun duduk dalam lembaga pengarah Bank Pertanian seperti daripada Pontian, jadi apakah dan di manakah kedudukan yang sebenarnya. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang itu adalah atas belas kasihan. Bank Rakyat saya difahamkan kerana Bank Rakyat dia hendak buka pun dia

'seryau'. Apabila sudah terlalu banyak orang melabur, *returnsnya* jatuh. Jadi dia ada *planning* dan program dia supaya kalau macam sekarang ini dia buka semua jadi, boleh kata semua pelabur-pelabur akan timpa dan pergi ke Bank Rakyat, Bank Rakyat...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Dato' Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Allah Yang Berhormat oi! Nanti saya jawab dahulu, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi dia kena fokuslah, dia takut nanti terlampau banyak melabur. Dia pula hendak kena melabur, dia kena berniaga baru dia dapat *returns* untuk beri balik *returns* kepada pelabur-pelabur itu. Jadi itulah kepintaran dan kebijaksanaan pengerusi bank yang dahulunya mengadakan susunan sistem-sistem supaya rakyat, pelabur-pelabur, pemegang saham mendapat nikmat. Kalau Bank Rakyat boleh buat pasal apa bank lain tidak boleh buat. Oh dia kata Bank Rakyat bukan bank di bawah BAFIA dan sebagainya. Bank Rakyat ada bank koperasi, Bank Rakyat adalah bukan bank yang diikut dengan Bank Negara, tetapi dia bank juga, dia berniaga juga dan dia kutip duit juga, dia memberi pinjaman juga. Jadi pasal apa bank lain tidak boleh buat....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...pasal apa bank ini pula tidak buat. Jadi di sini ada contohnya, macam Larut kata tadi, ada contohnya yang boleh bank-bank lain ambil kira. Jadi kena *open* sedikit, kita kena *open* sedikit. Macam saya katakan tadi meletakkan ahli-ahli politik sebagai pengurus bank ataupun sebagai pengerusi bank ataupun dalam lembaga bank, apa salahnya, bukan ada salah sangat, apa lebihnya pegawai kerajaan yang bersara itu diletak sebagai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya? Saya hendak bagi habis sat, sedikit sahaja, nanti saya bagi. Apa salahnya, apa salahnya. Kadang-kadang kita letak pegawai kerajaan pencen itu, apa bezanya pegawai pencen dengan kami ini, kami pun pencen juga, kami pun wakil rakyat juga. Jadi dia kena beginilah....awat kami tidak mengerti kah? Kita ada *banker* di sini, kita semua ada, *bouncer* pun kita ada dan sebagainya di sini. *We have everything over here* yang boleh membantu supaya menolong institusi kewangan ini mengikut dasar kerajaan itu hendak kita ikut.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Jerai saya hendak membantu ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya minta Ketua Pemuda MCA, tanyalah semua....[Bercakap bahasa Cina]

Dato' Liow Tiong Lai: Yang Berhormat Jerai, terima kasih banyak kerana telah membangkitkan isu tanggungjawab sosial bank ini, saya amat tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat yang begitu prihatin sekali menjaga kebajikan dan juga masalah sosial penduduk-penduduk dalam negara kita berhubung dengan perbankan dalam negara kita. Isu *bottom line* ini memang benar, bank ini selalu cakap masalah *bottom line* dan tidak memikirkan perkhidmatan mereka perlu dipertingkatkan. Contohnya banyak rayuan daripada kawasan pedalaman dan kawasan luar bandar memohon agar kita mengadakan bank.

Sekarang dalam kawasan saya dekat dengan bandar juga, tetapi kalau kita sudah mohon satu bank untuk berkhidmat di kawasan berhampiran dengan luar bandar, cukup susah sekali tidak ada bank hendak masuk, mereka kata *bottom line*, tidak ada *bottom line* tidak akan wujudkan bank di kawasan-kawasan luar bandar. Tidak bolehkah Bank Negara mengarahkan bahawa bank kena mengadakan perkhidmatan ini, kalau tidak boleh wujudkan cawangan boleh mengadakan bank bergerak ataupun cara-cara lain agar kita dapat pastikan bahawa perkhidmatan bank ini boleh kita salurkan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Tidak boleh dia biarkan penduduk kampung kita masih simpan duit di bawah tilam, di bawah bantal dan juga tidak mendapatkan perkhidmatan melalui bank-bank yang ada pada masa ini. Apa pandangan Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini yang dinamakan *social contribution*, Bentong. Untung sedikit, rugi sedikit apa salahnya, untung dan rugi akhir-akhirnya untung. Kita kena buat macam itulah, bukanlah kita hendak untung-untung

sehingga tidak fikirkan langsung - terpaksa Bank Simpanan Nasional pergi buka untuk kampung itu dan pergi ke kampung ini, bank-bank komersial tutup. Kadang-kadang tambah bank-bank daripada Chartered Bank, Bank of Amerika, Hong Kong dan Shanghai Bank ini, mana mereka mahu masuk, suruh mereka pergi di Yan sekejap, taubat dia tak pi di Yan. Dia kata, "No way! Where is Yan? Where is Jerai? No way!" Dia kata, "I have no time to go there". Itu dia. [Ketawa] Itulah dia, fasal apa, mereka ini bank besar dan mai daripada Barat. Ini saya jadi *hot* ni.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua saya hendak beritahu, ini bank-bank ini kena jaga pegawai-pegawai dia. Ini kira hendak bagi berhenti sahaja, bayar VSS, berhenti, berhenti. Kalau tidak mahu terima VSS, mereka ditukar sana, tukar sini. Awat? Dia ingat pekerja-pekerja bank itu apa? Depa hendak cari duit, depa hendak hina pekerja-pekerja bank kah? Depa buat aniaya macam tu mana boleh? Mai di sini hendak cari duit boleh untung dan sebagainya, tidak apa, ambillah pekerja. Sampai pekerja bank la ni, kalau kita masuk bank tinggal tiga, empat, lima orang sahaja yang bekerja. Kononnya pakai sistem baru, sistem *internet*, sistem itu tidak payah pekerja banyak.

Jadi apa tanggungannya? Semua hendak tolak pergi ke mana? Ini yang universiti *graduates* keluar mai hendak pi mana? Jadi ini pun sama-sama pekerja bank pun mereka buat aniaya macam tu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Okay, silakan. Awat kerap sangat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya hendak bantu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak berhenti dah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ini berhasrat untuk melontarkan dua isu yang boleh dihuraikan oleh Yang Berhormat untuk diarahkan kepada kerajaan iaitu yang pertama. Saya minta Yang Berhormat meminta justifikasi daripada kerajaan kenapa wakil-wakil rakyat tidak boleh memegang jawatan dalam institusi kewangan termasuk insurans, apa masalahnya, mesti kita ada garis panduan, apa? Di negara-negara lain tidak mengamalkan diskriminasi seumpama ini tetapi di negara kita. Jadi kenapa Bank

Negara boleh meluluskan undang-undang sebegini dan kenapa kerajaan *silent*, diam sahaja tanpa memberi respons. Kita mahu tahu justifikasinya, apa garis panduan? Kenapa? Kalau wakil rakyat, ahli Parlimen pegang bankrapkah institusi kewangan itu atau apa ada unsur-unsur penyelewengankah? Kalau orang-orang lain tidak ada? Kita mahu diberi maklumat selanjutnya, apa garis-garis panduan dan kriteria-kriterianya dan kita mahu tahu kenapa? Ini satu diskriminasi kepada wakil-wakil rakyat.

Yang kedua, saya mahu Yang Berhormat juga menyatakan bahawa kita tidak bersetuju dengan peraturan-peraturan baru bank. Baru-baru ini saya terserempak dengan orang kampung. Dia hendak suruh kira RM2,000 duit satu ringgit. Kemudian, di bank dia kena caj RM30. Di mana ada peraturan yang sebegini? Duit syiling pun demikian. Peraturannya tidak diseimbangkan, tidak standard. Lain bank, lain dia punya caj. Dia kata servis caj. Kalau dia kata servis caj, bank kena turunkan *interest rate* dia. Barulah adil. Kadang-kadang tukar duit syiling RM100, dia caj RM5, ada RM8. di mana peraturan kerajaan yang mengawal institusi kewangan sebegini, kita diperlekehkan oleh bank-bank yang mencekik, makan darah masyarakat. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang itu, pihak kementerian boleh jawab yang pertama itu. Saya sudah tanya dah ya. Fasal apa orang politik tidak boleh? Tengok dalam surat khabar hari ini, ala AP ini, pelajar kita yang pergi luar negeri pun dapat AP. Amboi, sah kata bagi dekat wakil rakyat, bubuh dalam surat khabar. Nasib baik nama saya tidak ada. Saya ingat tidak ada, pasal tidak ada duit hendak beli kereta. Jadi, benda-benda macam ini, ya Allah hai, awatlah teruk sangat tengok kami ini?

Kami ini bukan apa, kami ini pejuang. Jadi, lagi satu pasal duit itu, la ni Bank Negara hendak tarik balik duit syiling. Jadi, kalau dia tarik balik duit syiling, orang kampung yang bubuh dalam pot, seringgit-seringgit duit tabung itu, dia pergi ke bank, entah-entah bank hendak caj pula RM5, servis caj, jadi tidak patutlah. Ini arahan Bank Negara, hendak tarik balik duit *coin* ini, RM1 ini. Jadi, kalau kita pi serah duit, hendak kira, la ini kira pakai mesin, bukan kira pakai tangan. Semua mesin, bubuh dalam mesin itu, dia kira sendiri. Duit *note* pun dia kira pakai mesin. Jadi, takkan yang itu pun karan dia sampai RM5? Jadi bank ini tidak logik. Kalau tidak mahu karan, tidak apalah kita

bawa bateri pi. Sua bateri *torchlight*, ha pakai. Tidak sampai RM5. *[Ketawa]*. Jadi, yang ini pihak Bank Negara tolong tengok lah ini. Kasihan dekat orang semua ini.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pontian, sila Pontian. Saya bagi Pontian. *Last* untuk Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua orang yang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Saya bagi Pontian dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pontian, sila.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya ada sedikit pandangan yang boleh saya kongsi dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kenapa wakil rakyat tidak boleh duduk dalam Bank Rakyat ini. Mungkin Bank Rakyat sudah tertakluk di bawah BAFIA, bank komersial. Jadi, wakil rakyat ini ada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan katanya. Bila Yang Berhormat bagi Larut kata saya ini sebagai Lembaga Pengarah Bank Pertanian, betul. Ini kerana, agaknya waktu ini Bank Pertanian masih lagi macam koperasi, pinjam meminjam Yang Berhormat bagi Jerai. Sebab itu agaknya saya boleh duduk sebagai lembaga pengarah.

Bila Bank Pertanian ini dikomersialkan, pada pandangan Yang Berhormat, mungkin umur saya sebagai lembaga pengarah pun tidak panjang agaknya, Yang Berhormat. Jadi, cuba Yang Berhormat fikirkan perkara itu. Tetapi pengalaman saya Yang Berhormat, setahun duduk sebagai lembaga pengarah ini, saya tidak nampak kenapa wakil rakyat tidak boleh hendak duduk sebagai lembaga pengarah bank dan juga sama-sama memajukan institusi kewangan dalam negara kita. Saya yakin wakil rakyat juga boleh menjadi lembaga pengarah yang baik dan juga berkemampuan untuk membantu bank-bank dan institusi-institusi kewangan dalam negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tahniah! Yang Berhormat duduk dalam Bank Pertanian. Tengok, kalau duduk dalam Bank Pertanian, dia jagalah elok-

elok. Orang tanam sayur, apa semua ini, kena tolong Yang Berhormat, ya. Jadi, persoalan dia, apakah salahnya kami? Apakah dosanya kami? Tidak layak duduk dalam institusi kewangan ini? Takkanlah tidak ada? Sat ha, saya hendak bagi sikit rayuan. Saya hendak rayu sikit.....

Tuan Lim Kit Siang: Bersama-sama bank..... [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bersama-sama, kongsilah, ya? Ini baguslah, untuk kebaikan, ya. Kita jangan gaduh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timur.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila. [Ketawa].

Tuan Lim Kit Siang: Aiyaa! Yang Berhormat ada tanya apa salah, apa dosa Ahli-ahli Parlimen yang tidak boleh duduk dalam lembaga bank-bank di bawah BAFIA? Mungkinkah oleh kerana kemungkinan *conflict of interest* dan kemungkinan oleh kerana rekod-rekod, kelakuan Ahli-ahli Parlimen yang tidak menunjukkan pendirian yang tegas, apabila ada berlaku *conflict of interest* baru-baru ini. Tadi Yang Berhormat ada bertanya, MP pun dapat AP. Tetapi, skandal AP nampaknya dalam Dewan ini, tiga hari tidak ada satu pendirian yang kuat, di mana nampaknya majoriti Ahli-ahli Parlimen rela menerima pendirian, membisu dan pekak Menteri dalam perkara ini, kata bahawa tidak ada penyelewengan, boleh terima perkara ini. Saya tengok sekarang dalam "*Malaysia Kini*", the former Prime Minister Dr. Mahathir said, "*The controversy surrounding APs for import cars is still not over, still not over*". Tetapi dalam Parlimen nampaknya sudah over. Nampaknya boleh terima pendirian Menteri, bahawa tidak ada nama. [Disorak]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Habis, saya habis dahulu. Boleh terima pendirian kerajaan bahawa tidak ada penyelewengan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: tidak ada penyalahgunaan kuasa. Selain daripada kita di sini sahaja, sana semua boleh terima. Tetapi, sekarang tengok.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *No, game over. We just play the game.*
[Bercakap tanpa pembesar suara] [Menjerit]

Tuan Lim Kit Siang: *It's not over!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang lain diam. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Dr. Mahathir kaki kacau? *Trouble maker?*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya faham, saya faham. Okey, saya faham dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Akhirnya, kalau itu sikap, mungkin layak tidak layak Ahli Parlimen duduk dalam lembaga bank-bank, pun satu *big question mark*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, okey.

Tuan Lim Kit Siang: Satu *big question mark*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, okey, saya faham.
[Bercakap dalam bahasa Kantonis] [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita hendak bercakap fasal AP macam mana? Kita sekarang ini berbahas Akta Bank, bukan Akta AP. Bila mai pasal AP, kita bercakap pasal AP. Yang Berhormat pun sudah lama dalam Dewan, takkan tidak faham. [Dewan gamat seketika] Kalau saya bercakap pasal AP, ini Peraturan Mesyuarat. Saya pun bekas Speaker. Kalau saya tidak faham Peraturan Mesyuarat macam mana tidak faham....

Tuan Lim Kit Siang: Pencuri ya. Pencuri kata curi!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur.....

Tuan Lim Kit Siang: *A thief is a thief!*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *No, no. I am not a thief. I'm never a thief.* Jangan *accuse* saya macam itu. Sat ini, kalau saya kata Yang Berhormat penyagak, Yang Berhormat marah pula. [Ketawa] Kalau saya kata Yang Berhormat ini lolak, marah pulakan? [Ketawa] Jadi, perbahasan kita tertumpu kepada suatu akta

untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Dia tidak kata pindaan Akta ataupun kes AP dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat hendak kelam-kabut apa, sabarlah sat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat samalah juga. Cakap lapik-lapik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha! Gunalah pengalaman itu. Kita bawa sedikit. Kemudian kita kata, jangan salah. Okey! Bukan MP tidak pernah buat silapkah? Manusia ini ada kelemahan. Tetapi takkan semua jahat? Takkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur jahat? Takkan saya jahat? Ada jahat, ada yang baik. Sebab itu Tuhan, Dia siap neraka, Dia siap syurga. Saya mungkin syurga. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mungkin neraka.

Kita pun tidak tahu. *[Ketawa]* Kalau perangai tidak ubah, tetaplah neraka. Jadi, kita ini memang manusia. Dia ada kelemahan dia. Takkan kerana seorang buat silap, semua silap. Tidak boleh kata macam itu. Jadi, inilah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak gulung dah. Jangan dok siapa berdiri, tidak larat dah. Jadi saya harap, kita semua, sungguhpun kita kadang-kadang terkeluar sedikit daripada perbincangan kita, tetapi sebagai pembahas, kita kena bawa satu contoh-contoh untuk difahami kita bersama. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan yang telah banyak berjasa kepada negara kita, tolong melalui Bank Negara berpakat dengan bank-bank swasta menolong dasar kerajaan, membantu dasar-dasar kerajaan untuk mengangkat martabat ekonomi negara kita. Inilah yang kita harap-harapkan. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Hendak bagi jalankah Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Yang ini tidak bagi pun susah, Tuan Yang di-Pertua. Auta banyak yang ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila terus. Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi Yang Berhormat, *straight to the point*, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ya. Saya.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebelah pagi tidak apalah, kita *straight to the point*. Malam kita panjang sikit tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah bagi jalan Yang Berhormat, cukuplah. Bagi dia bercakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah bagi saya jalankah? Bolehlah saya bercakap. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur gunakan bahasa pekak seolah-olah kita pun pekak, buta macam dituduh itu, tidak ada. Ahli Parlimen Barisan Nasional ini dia rasional, *steady*. Macam juga Yang Berhormat bagi Jerai kata, pasal isu yang ada depan kita ini, masalah bank, bukan masalah AP, tunggulah. Pasal Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini dia gopoh, gopoh-gapah. *[Disampuk]* Gopoh-gapah ini macam umur dia tidak patut gopoh-gapah. Maknanya kena *slow, steady*. Tetapi dia pun tidak tahulah, macam mana dia suka gopoh-gapah.

Ini bukan masalah kita pekak atau pun kita apa tu bahasa dia tadi, tidak peduli. Tidak, tunggu saat dan ketika *[Ketawa]*. Takut Ipoh Timur pula tidak bercakap. Itulah saya kata bisu, mana boleh bisu. Parlimen tempat kita berbahas, kita akan membahaskan apabila sampai masa dan ketikanya. Jadi itulah saya hendak buat komen sedikit Ipoh Timur punya kenyataan itu saya tidak setuju, kita bukan pekak dan bisu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hebat Yang Berhormat Jerai ni lah. Macam Jerai kata tadi tu macam mana pengerusi tetap kan, dia kalau bertanding Pengerusi Tetap pun menang bukan Timbalan, dia layak pasal dia memang popular orangnya.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timor tidak tahu ini Jerai punya hebat, hebat dia. *You* datanglah sesekali ke Perhimpunan Agung, hebat dia. Semua orang hendakkan dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebab itulah Yang Berhormat Sri Gading dalam buku yang saya baca ini iaitu muka surat 592 menyatakan bersikap lemah lembut dapat membantu meraih tujuan dan renungan. Maknanya kita bersikap lemah lembut, kita jangan maki-maki orang, jangan gelar-gelar orang, juga mengata orang, kita akan mencapai matlamat tujuannya. Saya harap kita semua Ahli Yang Berhormat yang lama-lama ini terutama sekali yang veteran kita kena tunjuk sifat yang lemah lembut macam saya bercakap hari ni, hormat-menghormati, kalau hendak tegur pun tegurlah dengan elok-elok jangan menyakiti hati orang kerana tidak ada untung kita menyakiti hati seseorang tetapi kita akan mendapat keuntungan kalau kita merendah diri dan berbaik-baik dengan seseorang. Itu adalah kata-kata saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dan berharap ia akan menuju kejayaan membantu dasar yang telah diletakkan oleh kerajaan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

12.42 petang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sudah lama saya tunggu untuk berucap.

Seorang Ahli: Ya, lama sampai sekarang.

Tuan Chong Chieng Jen: Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2000 yang telah kita telah luluskan dalam sesi yang lalu. Saya ada sedikit terperanjat dengan kecekapan dan keberkesanan Menteri Kewangan dalam penguatkuasaan Akta PIDM. Nampaknya Kementerian Kewangan lebih memberi tekanan ke atas hal-hal memungut wang kerana saya ada membangkitkan dalam sesi yang lalu berkenaan premium-premium yang akan dikenakan ke atas bank-bank setelah Akta itu dikuatkuasakan dan bagaimana tentang *statutory reserve ratio* yang telah lama dikenakan ke atas bank. Kita semua tahu, dahulu Bank Negara akan menjaminkan semua deposit dan salah satu cara untuk menjaminkan dan melindungi pendeposit-pendeposit adalah memungut *statutory reserve ratio* kepada semua bank dan *statutory reserve ratio* tersebut adalah sebanyak 4% daripada jumlah deposit yang diterima oleh bank. *Statutory* deposit yang dipungut

daripada bank-bank oleh Bank Negara, Bank Negara tidak akan bayar bunga atau interest atas 4% itu. Oleh itu *statutory reserve ratio* merupakan satu *expenses*, belanja bagi bank swasta itu. Sekarang selepas penguatkuasaan Akta PIDM bank-bank itu akan membayar lagi premium atas deposit-deposit yang mereka terima. Ini merupakan *additional cost – double insurance*. Oleh itu yang akhirnya *additional cost* bank-bank swasta akan dipindah ke atas pelanggan-pelanggannya.

Dalam sesi yang lalu, Timbalan Menteri Kewangan telah membentangkan Akta PIDM (Rang Undang-undang PIDM) pada masa itu ada menyebutkan sebegini. Jadi jaminan kerajaan bahawa Bank Negara akan terus memantau dan juga PIDM akan terus memantau bahawa pelanggan ataupun pendeposit tidak dikenakan sebarang *extra charge* sebagai mana yang saya bentang panjang lebar. Oleh itu Timbalan Menteri Kewangan telah memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa *additional cost* tidak akan dipindah kepada pelanggan tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengumumkan bahawa bersama-sama kita hari ini ialah Timbalan Perdana Menteri Republic of Macedonia yang berada di sebelah kiri saya. Dengan izin, *the Parliament of Malaysia welcomes you and we hope you learn something from our session, thank you.*

Yang Berhormat Bandar Kuching, sila teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih. *Welcome to our country.*

Tadi saya sebut Timbalan Menteri Kewangan telah memberi jaminan bahawa *additional cost* tidak akan dipindahkan kepada pelanggan-pelanggan bank tetapi setelah penguatkuasaan Akta PIDM diumumkan di surat khabar dua hari selepas pengumuman telah dilaporkan dalam surat khabar bahawa ada satu bank akan mengutip RM5 daripada pendeposit-pendepositnya. Saya ingin tahu apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan atau Bank Negara untuk memastikan jaminan Timbalan Menteri Kewangan yang dibuat dalam Dewan ini. Apakah langkah untuk memastikan kos ini tidak akan di *transfer* kepada pelanggan-pelanggannya kerana dua hari sahaja selepas pengumuman penguatkuasaan Akta PIDM sudah ada satu bank telah dilaporkan akan mengenakan *extra charges*.

Mengenai masalah *extra charges* saya ingin menyebutkan tujuh item yang bank-bank swasta mengenakan *charges* yang tidak munasabah atau tidak sewajarnya. Salah satu pertamanya adalah *charges* atas jenis-jenis akaun yang bank itu *promote*, dipromosikan oleh bank itu. Kita tahu dari semasa ke semasa bank swasta akan mempromosikan satu jenis akaun simpanan atau *current account* dan nama-nama akaunnya akan berubah dari masa ke semasa. Mungkin "*One Account*", "*Symphony account*", "*Supersaver Flexi-account*", nama-namanya berbeza tetapi saya meneliti bahawa ia ada satu *trend*. *Trend* nya ialah meningkatkan kos kepada pelanggan. Dahulu kita simpan duit dalam bank maka bank kena bayar *interest*.

Dahulu kita simpan duit dalam bank, bank kena bayar *interest*. Kebelakangan ini, *trend* itu kalau awak simpan kurang dari RM2,000 atau RM3,000 awak tidak akan dibayar *interest*. Dan kini, kalau awak simpan kurang daripada RM2,000 - RM3,000 awak kena dibayar. Oleh itu bagaimana berbagai-bagai akaun yang dikemukakan di pasaran itu oleh berbagai-bagai-bagai jenis akaun yang dikemukakan di dalam pasaran bank itu tetapi satu *trend* yang wujud adalah meningkatkan kos dan kos ini yang akan dibayar oleh pelanggan-pelanggannya.

Adakah Bank Negara memberi perhatian, pendekatan dan penekanan atas perkara ini, *trend* ini? Kita memang tahu kalau bank itu mencapai keuntungan yang banyak itu, *statistically* baik tetapi it *should not be done at the expense of the customers*. Ini adalah salah satu pertama item caj fee yang tidak munasabah .

Keduanya, sekarang semua bank semasa mereka memberi pinjaman, mereka akan membuat satu *bankruptcy search* dengan Jabatan Insolvensi Malaysia dan caj yang kena dibayar untuk satu *search* ke atas seorang (*Dahulunya dikenali sebagai bankruptcy search*) dikenakan oleh Jabatan Insolvensi adalah RM10 tapi saya tahu ada bank-bank swasta yang mengenakan caj RM70 ke atas pelanggan-pelanggannya untuk menjalankan satu *insolvency search* dan *rate of returns* 700%. Adakah ini munasabah?

Dan apa lagi? Kalau pelanggan itu, orang yang pinjam duit itu, pinjamannya untuk membeli sebuah rumah yang belum siap dibina. Oleh itu keluaran pinjaman akan *in stages* atau ansuran, beransur-ansur dan mungkin dalam jangka masa satu tahun atau dua tahun. Tetapi sekarang ini polisi kebanyakan bank-bank swasta adalah setiap setengah tahun dia akan membuat satu *bankruptcy search* untuk *determine* sama ada

orang itu masih bankrap atau tidak bankrap. Semua caj *search* ini akan dikenakan kepada pelanggan-pelanggannya. *Search* yang *exhorbitant* - bank itu akan bayar kepada Jabatan Insolvensi sebanyak RM10, dia mengenakan RM70 ke atas pelanggannya. Itulah caj kedua yang tidak munasabah.

Ketiga ialah *letter of confirmation*. Semua syarikat pada akhir tahun kewangan mereka akan diaudit oleh *auditor*. Oleh itu *auditor* akan tulis surat *requesting for confirmation* daripada semua bank-bank yang ada *business dealing* dengan syarikat itu. *Auditor* itu akan tulis kepada bank minta menyatakan berapa *balance* setakat hari bulan berkenaan dan berapa jumlahnya. *Letter of Confirmation* bagi bank mereka hanya perlu menekan satu *button* dan mereka akan tau berapa baki (*balance*) dalam akaun itu. Tetapi untuk setiap satu *Letter of Confirmation* yang dikeluarkan oleh bank ada bank yang mengenakan caj RM50, RM100 dan ada juga sehingga RM150. Setiap sebuah syarikat sekurang-kurangnya mempunyai tiga atau empat akaun dan setiap tahun perbelanjaan ini mesti dibayar. Apa susah sangat untuk memberi *Letter of Confirmation*? Kenapa cajnya begitu tinggi?

Keempatnya ialah mengenai *annual review fee*. Kalau sesebuah syarikat meminjam *overdraft (OD)*, daripada sesebuah bank, tiap-tiap tahun bank itu akan membuat satu *review*. *Review* apa? *Review* ke atas *liquidity* syarikat ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh bank ke atas *review* itu, tetapi untuk *annual review fee* ada bank yang mengenakan di antara RM200 hingga ke RM500. Ini tidak munasabah juga kerana kebanyakan bank itu tidak menjalankan apa-apa *review* saja. Hanya tengok akaun syarikat ini adakah hutang, atau tidak ada hutang. Kalau tidak ada hutang atau tertangguh bayarannya mereka akan melanjutkan *overdraft facilities*. Oleh itu Bank Negara haruslah meneliti dalam aspek *annual review fee* ini.

Kelimanya berkenaan dengan cagaran. Bila seseorang mahu meminjam daripada bank swasta dia mesti mencagarkan *propertynya* kepada bank iaitu hartanya kepada bank dan caj dokumen - sekarang ada *Facility Agreement*, ada *Memorandum of Charges*, *Fee of Assignment*, ada *Power of Attorney* dan kalau *document of title* bagi harta itu belum keluar, empat dokumen akan ditandatangani oleh peminjam itu, atau pelanggan-pelanggan bank itu. Untuk empat set dokumen ini iaitu *Facility Agreement*, *Memorandum of Charges*, *Fee of Assignment* and *Power of Attorney* caj-caj yang

dikenakan oleh bank-bank swasta adalah dalam lingkungan RM160 ke RM260. Itu dokumen, semua hanya *printing cost*. Mengapa kos yang terlalu begitu tinggi dikenakan oleh bank swasta? Ada bank yang mengenakan RM260 dan sekurang-kurangnya RM150 untuk dokumen ini dan kalau setelah dokumen harta itu dicajkan ke dalam bank dan pelanggannya mahu satu *photocopy* bagi *document of title*, dahulu bank tidak mengenakan caj tetapi sekarang bank ada kenakan caj sebanyak RM5 atau RM10 untuk *photocopy* dan ada bank yang mengenakan RM50. Caj-caj yang dikenakan inilah yang harus Bank Negara mengambil perhatian. Janganlah hanya menumpukan perhatian atas hal-hal pemungutan wang sahaja.

Caj yang keenam yang saya sebut sekarang, satu daripada aduan, penduduk dari Kuching yang memberi tahu saya, sekarang satu Hong Kong Bank, kalau satu pelanggan dia dalam satu bulan keluarkan lebih daripada lima cek dia akan dikenakan caj. Adakah ini benar? Saya haraplah Bank Negara membuat siasatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat hendak berhenti atau teruskan? Hendak habiskan?

Tuan Chong Chieng Jen: Nanti ada... Berhenti, berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak habiskan sekarang?

Tuan Chong Chieng Jen: Belum, belum. Tetapi sudah sampai masa.

Tuan Yang di-Petua: Yang Berhormat boleh sambung pada jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada sebut enam *charges* yang saya anggap tidak munasabah dikenakan oleh bank. Dan ketujuh caj yang saya anggap tidak munasabah adalah caj-caj yang telah disebut tadi oleh rakan-rakan kita di sini, iaitu kalau ada pelanggan bawa duit syiling ke bank untuk tukar kepada duit kertas. Dan kebanyakan aduan mengenai caj ini adalah daripada penjaja, selepas berniaga mereka kumpul banyak duit syiling, dan mereka mahu tukar kepada wang kertas, jadi mereka dikenakan caj.

Saya hendak tanya, adakah Bank Negara atau kerajaan tahu dan sedarkah mengenai caj-caj yang dikenakan oleh bank-bank swasta ini, atau kerajaan hanya memberi tumpuan, memberi perhatian ke atas bagaimana hendak memungut lebih duit daripada bank itu tanpa memberi perhatian terhadap kebajikan rakyat. Kerana menurut seorang pekerja bank, dia kata, dia menggelar caj-caj tadi itu yang saya sebut *charges on saving account, bankruptcy search* itu, caj untuk *assurance, letter of confirmation, charge* untuk *annual renewal fee*, caj untuk bank *form*, caj untuk *issue of more than five cheques and all these*, dan semua caj itu adalah untuk menukar syiling ini sebagai *hidden costs*. Walaupun seorang pekerja dari bank, dia menganggapnya sebagai satu *hidden costs to the customer*.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Bank Negara memberi arahan. Selain daripada mengehadkan, mengawal kuasa bank untuk mengenakan caj-caj ini dan mewajibkan bahawa semua bank haruslah mengumumkan *hidden costs* itu sebelum pelanggannya membuka akaun atau pinjam duit daripada mereka.

Selain daripada ini saya juga menyeru supaya Bank Negara akan mengkaji lagi *statutory reserve ratio* kerana sekarang dengan pelaksanaan PIDM, Akta PIDM namun *responsibility* atau tanggungjawab Bank Negara telah dikurangkan, kerana segala deposit yang berjumlah RM60,000 atau kurang, kalau bank muflis dia akan ditanggung

oleh PIDM. Dari angka yang diberi oleh kementerian jumlah yang dilindungi oleh PIDM iaitu insurans adalah 35% daripada jumlah itu deposit yang diterima oleh bank. Oleh itu, maka ia bermakna bahawa tanggungjawab Bank Negara telah diringkaskan. Jadi, saya anggap bahawa *statutory reserve ratio* harus dikurangkan supaya bank-bank swasta *operational cost* mereka akan dikurangkan juga.

Akhirnya saya akan menyentuh sedikit mengenai polisi-polisi Bank Negara terhadap itu *bank merger*. Tadi ada ramai Yang Berhormat di sini mengatakan, bahawa ketidaksudian bank mengeluarkan pinjaman dan salah satu perkhidmatan yang diberi oleh bank swasta, salah satu sebabnya adalah akibat daripada *bank merger*. Dahulu banyak bank kecil, tumpuan mereka adalah *niche market*. Walaupun di Amerika sebuah negara ekonomi yang terbesar dalam dunia ini, mereka juga ada bank tempatan yang *market* mereka adalah *niche market*, strategi mereka adalah *niche market*, iaitu yang pelanggan-pelanggan kecil. Tetapi selepas itu *bank merger first round*, kurang bank wujud dan bank yang tinggal sekarang mereka modalnya lebih besar, oleh itu mereka pun menumpukan perhatian mereka terhadap pelanggan yang lebih besar. Jadi pelanggan yang lebih kecil itu tidak ada wang, maka rakyat jelata diabaikan. Yang tadi saya sebutkan itu adalah caj-caj yang dikenakan oleh bank yang tidak.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan soalan saya kepada Yang Berhormat adalah peranan Bank Simpanan Nasional seperti yang dikatakan tadi ya. *Niche market* macam model di Amerika, di mana pelanggan-pelanggannya di satu kawasan tertentu sahaja. Dan mereka memberi perkhidmatan-perkhidmatan di peringkat akar umbi, dan mereka berperanan sebagai institusi bank yang dapat memperkasakan ekonomi kawasan tertentu. Maka apakah pandangan Yang Berhormat mengenai peranan Bank Simpanan Nasional ke arah mencapai matlamat yang dikatakan tadi? Sama seperti model di beberapa negara di luar negara.

Bagaimana bank ini boleh memainkan peranan ke arah memberi perkhidmatan sebegitu kepada rakyat?

Tuan Chong Chieng Jen: Dahulu ada lebih banyak bank daripada satu sahaja, Bank Simpanan Nasional. Macam dari Sarawak, bank Sarawak itu Wah Tat Bank.

Kapitalnya juga kecil. Oleh itu dia menjaga *niche market*. Sekarang seperti Yang Berhormat berkata hanya satu Bank Simpanan Nasional yang menjaga *niche market* sahaja. Oleh kerana sekarang Bank Simpanan Nasional ia harus bersaing dengan bank lain-lain yang selepas *merger* modalnya lebih besar, oleh kerana *operation of the economies of scale* ia terpaksa juga mengalakan tumpuannya terhadap pelanggan-pelanggan yang besar.

Tadi saya ada berkata, caj-caj yang saya anggap tidak munasabah yang dikenakan oleh bank yang ketujuhnya sebenarnya untuk kebanyakan bank, *branch manager* nya berkuasa untuk *waive charges* dan sering berlaku kalau pelanggannya kaya ada banyak duit *managemya* akan *waive*, tetapi kalau pelanggannya tidak ada banyak duit deposit dalam akaunnya, itu caj akan dikenakan, dan apa yang terjadi, yang miskin dikenakan cukai, yang kaya dilepaskan. Inilah salah satu daripada sebabnya jurang perbezaan itu *income* yang kaya dan miskin, golongan miskin dan golongan kaya itu menjadi lebih besar dalam negara kita.

Oleh itu alih balik ke *merger*...

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat tadi dari sebelum kita makan tengah hari, sampai sekarang mengenai enam atau tujuh caj adalah digambarkan atau dipaparkan oleh Yang Berhormat bahawa caj-caj bank ini memang tidak adil kepada pengguna atau pelanggannya. Sedarkah Yang Berhormat ini adalah saya beranggapan bahawa ini adalah dasar perniagaan bank tertentu. Dia *based on the commercial reasons*, dengan izin, dan kalau seseorang peniaga ataupun pengguna kalau mereka tidak beberapa puas hati dengan caj-caj yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, mereka mungkin boleh beralih ke bank lain ataupun institut kewangan yang lain.

Itu satu delima, tetapi pada masa yang sama saya juga difahamkan bahawa caj-caj ini adalah satu permohonan daripada bank-bank komersial ini kepada Bank Negara dan Bank Negara memberikan kebenaran tetapi mengikut kebiasaan mereka tidak akan menetapkan kadar tertentu terhadap semua caj yang telah dinyatakan tadi. ini bergantung kepada komersial bank itu sendiri untuk menentukan kadar dia. So, soalan saya ialah, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa bercadang kepada Bank Negara

bahawa satu dasar mesti dinyatakan secara lebih jelas lagi bahawa semua caj ini mesti ditentukan ataupun dipaparkan kepada semua pengguna sebelum seseorang itu untuk menggunakan perkhidmatan ini. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk berbuat demikian kepada Kementerian Kewangan?

Tuan Chong Chieng Jen: Itu yang saya cadangkan tadi iaitu pertamanya, Bank Negara membuat satu *guideline*, satu garis panduan untuk mengawalkan caj-caj yang boleh dikenakan oleh bank-bank swasta dan ketua dia buat pengumuman oleh bank-bank swasta sebelum pelanggannya buka akaun, atau pinjam duit dari bank-bank swasta. Ini yang telah saya tadi ada cadangkan. Saya berharap Bank Negara akan ambil tindakan secepat seperti pelaksanaan Akta PIDM. Akta PIDM itu untuk memungut duit daripada bank-bank swasta, memungut premium. Dua bulan boleh dilaksanakan, dua bulan selepas Dewan ini meluluskan boleh dilaksanakan. Kenapa garis panduan itu untuk melindungi pelanggan, untuk menjaga kebajikan rakyat jelata tidak boleh dilaksanakan atau dikeluarkan dalam masa yang lebih pendek lagi. Masalah-masalah ini....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa perkara ini telah kita suarakan lebih lama, tetapi yang menghairankan saya, perkara yang sepenting sebegini pihak Bank Negara cuma menghantar pegawai-pegawai biasa sahaja. Pegawai-pegawai tertinggi tidak ada mendengar masalah yang kita suarakan pada hari ini sebab itulah tindakan tidak ada pernah diambil. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian, kepada kerajaan bahawa perbincangan seumpama ini kalau pun bukan Gabenor Bank Negara datang, tetapi Vice-Gabenor dia kena turun mendengar masalah-masalah yang ingin kita sampaikan, minta pandangan.

Tuan Chong Chieng Jen: Mungkin itu menunjukkan *degree of respect* Bank Negara terhadap Dewan ini. Oleh itu saya hanya hantar kakitangan bawahan *rank* untuk datang ke sini. Tetapi siapa yang datang, itu tidak penting. Yang penting ialah apa yang disuarakan harus di *transform into policy*. Inilah penting dan....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat apabila pegawai atasan tidak ada, pegawai bawahan ini tidak berani menyampaikan apa yang kita sampaikan, itu

masalah dia. Sebab itu apa yang kita cadangkan tidak pernah sampai ke status pihak pemutus. Jadi inilah masalah timbul, sebab itu kita minta mana-mana akta yang mahu dibahaskan, pegawai tinggi daripada mana-mana agensi ini harus datang mendengar pandangan-pandangan sebab yang mencadangkan ini kerajaan dan kerajaan kita berdebat soal-soal ini ada perlu fakta-fakta tambahan. Jadi itulah masalah yang kita hadapi, kenapa suara-suara kita ini tidak berapa diambil endah sebab pegawai bawahan ini saya percaya mereka tidak berani menyampaikan sesuatu yang di luar kemampuan mereka kepada bos mereka.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tidak setuju kerana Timbalan Menteri Kewangan juga ada di sini. Tidak akan Yang Berhormat berkata Timbalan Menteri Kewangan tidak berani sampai kepada Gabenor Bank Negara?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak sampai.

Tuan Chong Chieng Jen: Dia tidak pandai atau tidak berani?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak berani.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak berani? Kalau macam ini hendak tukar, tukarlah. Yang Berhormat mahu duduk di kerusi ini? Saya boleh cadangkan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut mengenai polisi *merger*. Polisi *merger* akhirnya dia akan mewujudkan satu keadaan yang dianggap oleh ekonomi sebagai *oligopoly*. Dalam sistem *oligopoly* adalah hanya persaingan di antara dua tiga atau kurang daripada lima *players* dalam *market* itu. Mereka boleh bergabung supaya caj-caj mereka akan uniform dan akhirnya oleh kerana itu, kerjasama di antara *oligopoly player* kebajikan pelanggan akan terancam.

Oleh itu, saya juga ingin menyeru supaya Bank Negara lebih berhati-hati mengenai polisi *merger* kerana pada pendapat saya *merger* atau tidak *merger*, ini adalah *business decision*. Kalau sesuatu bank dia menganggap bahawa operasinya tidak boleh dijalankan secara *small scale* lagi, dia akan cari *partner* untuk *merger* dan ini adalah *business decision*, bukan suatu keputusan yang harus dipaksakan oleh kerajaan. Untuk menarik *foreign investment* supaya negara kita boleh jadi *financial centre*, keputusan polisi-polisi seperti *government intervention* ke dalam pasaran perbankan seharusnya dielakkan, maka kita baru boleh menarik itu *foreign investment*.

Saya haraplah apa yang hari ini kita semua sebut, Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang baik dan mengambil tindakan yang segera. Saya harap juga nanti kalau Timbalan Menteri jawab boleh kasi kita tahu apa tindakan dan garis panduan yang telah diambil kerana dalam sesi yang lalu Menteri ada memberi jaminan bahawa kos premium itu tidak akan dipindah kepada pelanggan dan saya ingin tahu apakah langkah untuk menunaikan jaminan ini yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin.

12.52 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga bersama-sama dengan rakan dalam membahaskan rang undang-undang pindaan ini kerana kita lihat daripada apa yang telah diperkatakan dua, tiga hari ini memang jelas menunjukkan bahawa di antara perniagaan, di antara industri yang dimanjakan oleh kerajaan pada hari ini ialah industri perbankan. Bukan pembangkang tetapi perbankan.

Kerana kita lihat apabila kerajaan ataupun negara dilanda krisis ekonomi yang sudah dengan begitu tingginya NPL, (*non-performing loans*), kerajaan telah mengambil alih *non-performing loans* ini dengan menubuhkan dana harta dan membeli *loans* ini daripada bank-bank. Ini menunjukkan bahawa bank ini jarang sangat yang rugi. Itulah sebabnya kalau kita lihat pada laporan tahunan bank-bank di negara kita, kita lihat bahawa di antara perniagaan-perniagaan yang wujud dalam negara kita, bank-banklah yang menunjukkan keuntungan yang begitu besar. Public Bank RM2.4 bilion, Malayan Banking hampir RM2 bilion tiap-tiap tahun.

Tetapi kalau kita tengok dalam majalah "Malaysian Business" yang mutakhir ini, apabila menyebutkan tentang sedekah ataupun bantuan-bantuan kemiskinan, bantuan-bantuan kepada NGO banklah orang yang paling kedekut sekali untuk menghulurkan bantuan. Kalau kita lihat Malayan Banking, 0.124% daripada keuntungan yang disalurkan kepada badan-badan amal. Malah tauke judi Genting pula di antara yang termurah yang memberi kepada masyarakat-masyarakat yang susah apatah lagi NGO-NGO yang memerlukan badan-badan kebajikan ini.

Jadi kita hari ini lihat, kalau daripada apa yang telah diceritakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak ada satu pun *social obligation* walaupun dibantu, dijaga dan apa sahaja *charges* yang hendak dikenakan seolah-olah dia tidak memikirkan, dia tidak memikirkan rakyat ramai yang menyimpan duit kerana bank ini kadang-kadang dia satu perniagaan yang sombong, Tuan Yang di-Pertua. Kita menyimpan duit dekat dia, kita pula hendak mengeluarkan duit kita, kita kena beratur. Beraturlah kita, sekarang ini pula bank banyak BSS yang membuang pekerja-pekerja ini.

Apabila ada *merger* kita ingatkan supaya *merger* ini bank dapat beroperasi yang lebih baik dengan bilangan kakitangan yang begitu ramai tetapi kita apabila *merger* dia cuba memperkecilkan jumlah kakitangan dia dan membuang atau memberi *volunteer* berhenti kepada kakitangan dia. Apabila ini berlaku, kita lihat pada hari ini di mana di bandar-bandar besar kadang-kadang kita simpan duit ke dalam bank, kita hendak keluarkan duit kita sendiri, bukan kita hendak pinjam daripada bank, hendak keluar duit kita sendiri, kita terpaksa beratur hampir 20 minit hinggakan ke *teller* itu baru kita dapat mengeluarkan duit kita.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Punya sombong dia! Dan hari ini kita lihat. Saya hendak bercerita sedikit kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mula meniaga tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya sila.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Saya berkesempatan mendengar cerita bank sombong, saya ingin kongsi dengan Yang Berhormat Jasin dan ingin pendapat daripada Yang Berhormat Jasin. Di Kota Merudu Sabah cuma ada sebuah bank yang memberi perkhidmatan *savings* dan juga *current accounts*. Ada dua bank yang lain tetapi tidak memberi perkhidmatan yang sedemikian.

Bank ini sekarang mempunyai pelanggan-pelanggan yang kaya raya di kalangan pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit dan juga pengusaha-pengusaha balak. Masalahnya apabila orang kampung yang ingin membuka akaun RM100 untuk mendapatkan EPF daripada suami mereka, EPF daripada mereka, ini dibelakangkan oleh bank. Alasannya akaun pelanggan mereka terlalu ramai sekarang dan akaun yang

RM100 ini cuma membebaskan kos pentadbiran mereka. Inilah alasan yang diberi oleh Bank Alliance di Kota Merudu, Sabah.

Ini contoh bank sombong yang tidak memberi layanan kepada pembuka akaun yang kecil di kalangan mereka yang memerlukan untuk mendapatkan EPF, banyak. Benarlah yang dikatakan Yang Berhormat Jasin bahawa ada di kalangan bank ini yang sombong, Bank Alliance memang benar di kalangan bank ini ada yang sombong dan memang betul dakwaan Yang Berhormat Jasin bahawa terdapat di kalangan mereka ini yang berpendirian sombong sedemikian. Jadi, Yang Berhormat Jasin tentulah ingin melihat perkara yang diambil perhatian oleh Bank Negara. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, sahabat saya. Memang mereka ini *social obligation* tidak ada. Mungkin di tempat Yang Berhormat ada saya dengar dua, tiga bank, Kota Merudu. Saya di Bandaraya Jasin,... *Ketawa]*

Seorang Ahli: Lima?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dua bank, Malayan Banking, Bumiputra Commerce. Di Bandaraya Merlimau satu bank sahaja, walhal kawasan industri yang sedang membangun pesat kita panggil, adalah kita bahagian UMNO dapat sedikitlah tanah dengan harapan supaya bank-bank ini yang kaya raya, yang untung RM2 bilion, RM1 bilion dapat berbakti kepada masyarakat luar bandar, kita hantar surat.

Hantar surat kepada dia, kita menyediakan tanah minta dia bina bank di situ, buka bank supaya memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar, dia kata tidak menguntungkan. Jadi pada mereka ini dia memikir untung, yang kita Bank Negara yang mengawal selia ini, mengapa tidak ditegur? Mengapa tidak menegur bank-bank ini? Apa sahaja yang dimohonkan oleh bank lulus, yang ini kena *charge* lulus. Kita dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat-rakyat kita, anak-anak kita menabung.

Dahulu bank ada separuh bank menyiapkan tabung-tabung untuk memberikan pelajaran kepada anak kita untuk menabung dengan duit-duit syiling yang diberi oleh bapa-bapa mereka. Tetapi hari ini apabila anak-anak kita membawa tabung-tabung itu ke bank dan untuk mengira pun dikenakan caj RM100 kena caj RM2, RM3. Bagaimana ini hendak menggalakkan? Sepatutnya benda ini tak pernah dikenakan caj untuk duit

syiling, hari ini bank, yang saya hairannya adakah kerajaan melalui Bank Negara tak peka kepada masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sahabat saya Sheikh, sila Sheikh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya kira Yang Berhormat Jasin ni berani sebenarnya, berani dalam menegur ataupun mengkritik sesuatu untuk kebaikan rakyat, kebaikan negara dan kebaikan bank itu sendiri.

Di mana apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi iaitu kita dapati bahawa bank ini di antara sifat-sifat baik itu ada banyaklah tapi di antara sifat-sifat negatifnya iaitu kedekut. Saya tertarik dengan *point* kedekut tadi, dan kita rasa sungguh bahawa sebahagian besar daripada bank di negara kita ini bersifat dengan sifat kedekut. Pada hal bank mengaut keuntungan begitu banyak daripada hasil pendeposit daripada rakyat-rakyat kita. Orang kaya, orang miskin, badan-badan korporat dan berbagai-bagai lagi yang boleh mereka kaut keuntungan sampai kepada peringkat *million*. Takkanlah dengan kadar yang begitu banyak bank-bank itu tidak bermurah hati untuk menyampaikan derma siswa, derma sagu hati kepada pelajar-pelajar miskin, orang kampung, orang-orang yang tidak bernasib baik dan sebagainya yang boleh difikirkan oleh tok-tok imam.

Selain apa yang diberikan oleh kerajaan, bank juga mesti berfikir ia adalah suatu institusi kewangan yang kita kira ia adalah merupakan kerajaan kecil di dalam kerajaan yang begini besar. Pengalaman kita berkongsi Yang Berhormat Jasin, di waktu saya belajar di Saudi, saya belajar di Saudi dulu, kami pelajar-pelajar Malaysia biasa dapat RM1,000, RM3,000 setahun daripada bank, Rajhi Bank. Wang dia bagi pada pelajar Malaysia, saya pelajar Malaysia yang sudah dapat biasiswa daripada kerajaan Arab Saudi sebanyak RM1,000 sebulan, 1,000 Riyal Saudi sebulan dulu. Setahun sekali dekat dengan Raya Puasa ataupun Ramadhan mereka bagi lagi RM3,000 setiap pelajar Malaysia dapat, sekurang-kurangnya RM1,000, sekurang-kurangnya RM800. Semua bank masing-masing berduyun-duyun menawarkan bantuan kepada pelajar-pelajar. Jadi mengapa ini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh tanggungjawab ini oleh bank-bank kita, selain daripada yang kerajaan sumbang?

Saya rasa kita cuba *create*, kita cuba laksanakan kerja-kerja ini dan desak kepada bank-bank ini jangan sekadar hanya pandai mencari duit, dapat duit banyak. Tetapi tidak ada sedikit pun ataupun tidak banyak mereka sumbangkan kepada anak-anak kita, anak-anak kita miskin di, saya pergi di Melaka ramai orang miskin. Bukan Kelantan saja yang miskin, di Melaka pun miskin, orang Melayulah, orang Melayu miskin dan banyak lagi orang Melayu miskin. Ataupun orang-orang yang terlibat dengan penyakit kritikal, terpaksa bawa ke hospital Malik Abdul Aziz Saudi, yang dua beradik tu bawa pergi ke hospital Saudi Arabia kerana tak cukup wang sedangkan bank kita banyak duit. Mengapa bank kita tak, betul kita menyanjung apa yang dibuat oleh Saudi tadi tapi kita juga mesti mempunyai suatu tanggungjawab bersamanya, bank nya, itu ini nya.

Takkanlah, saya tengok betul macam yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Puteh sekejap tadi. Bilal-bilal kita misalnya seluruh Malaysia, siak-siak kita seluruh Malaysia, apakah bank-bank ini tidak dapat menaik mengambil tanggungjawab, serah kepada kerajaan negeri, serah kepada kerajaan pusat semata-mata. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Sheikh tapi ana hendak betulkan kenyataan tadi mengatakan di Melaka banyak orang Miskin, untuk makluman Ustaz, Yang Berhormat, saya kira Pasir Mas lebih banyak daripada Melaka kerana mengikut perangkaan negeri Melaka, *hardcore poor* ataupun miskin tegar, kita hanya ada 500 orang sahaja. Yang saya kata bank kedekut salah satu sebabnya apabila kita kerajaan negeri Melaka menubuhkan tabung kebajikan untuk membina rumah-rumah mereka yang miskin tegar yang hari ini mengikut rekod yang ada kita dah membina lebih daripada 1,000 buah rumah PPRT berharga RM12,000 kepada orang-orang miskin tegar ini.

Wang ini kerajaan negeri anjurkan mendapat daripada peniaga-peniaga, bila kita hantar surat kepada bank, malahnya tidak ada satu bank yang sanggup ke depan untuk menghulurkan bantuan. Tetapi kita ucap ribuan terima kasih kepada persatuan kebajikan kakitangan bank, dia pula bagi bukan bank. Lebih-lebih lagi yang baru-baru ini apabila kita hendak minta supaya anak-anak di luar bandar khususnya di sekolah-sekolah menengah, kita nak *supply* mereka surat khabar-surat khabar *News Straits*

Times yang mana kita minta orang *sponsor* untuk sekolah-sekolah. Tidak ada satu bank yang tampil ke depan di Melaka untuk memberi anak-anak ini. Ini yang kita sedih, kedekut, bakhil, tak tahu ertinya Arab betul tidak betul Wallahualam, bakhil. Kerana pada hari ini Yang Berhormat, kadang-kadang kita lihat perancangan kerajaan hendak wujudkan,

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Allah, baru nak *start*, Ustaz. Silakan.
[*Ketawa*]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik tadi sebenarnya bakhil tu dah banyak kali kita dengar tadi. Cuma saya rasa Yang Berhormat Jasin setuju tak, dia ada dalam satu Akta, *a certain amount*, dengan izin, sebahagian daripada keuntungan itu dimasukkan dalam tabung untuk impak, untuk diberi derma kepada *clients*, kepada penyimpan-penyimpan, dia ada dalam Akta, setuju tak? Kalau setuju kita minta Menteri arahkan Bank Negara.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Pasir Puteh, Pasir Mas, Pasir Puteh, ini taraf sayalah, orang main dengan emas, main dengan putih, saya gelap. Saya amat setuju sangat kerana kadang-kadang kita hendak betulkan mereka ini, yang dia tidak tahu yang dia main pada hari ini, hari-hari bermain dengan riba, betul tak Ustaz? Riba tu tetapi kalau dia ni hati murah, tak bakhil, memberi kepada orang-orang susah ini insya-Allah sedikit sebanyak dapat mencuci sikit harta karun yang dia dapat *collect* tiap-tiap tahun ini.

Tapi malangnya kita lihat bank, kadang-kadang macam saya sebut tadilah, tujuan kerajaan memberi ini supaya dia dapat membantu dan apa sahaja hasrat kerajaan dalam melaksanakan projek untuk melihat pembangunan perniagaan yang kecil-kecil ini. Bank bukan kisah sangat yang kecil ni, saya ni dah meniaga Tuan Yang di-Pertua, lebih dari 20 tahun, hendak dapat OD pun bukan senang dengan bank-bank ini kerana kita peniaga kecil. Macam mana saya mencelah hari itu. Apatah lagi geran-geran pada hari ini yang tanah kosong tetapi kalau ada rumah cepat dia nak ambil. Kalau kebun rendah nilaiannya di peringkat bank walaupun pihak penilaian bebas telah

meletakkan harga, harga tu RM100 ribu, pergi dekat bank dapat pinjam RM20 ribu, itu nasib baik dah.

Itulah sebabnya kita Bank Negara kena lihat, kerajaan kena lihat, mengapa kita pada hari ini menghadapi masalah “Along”, mengapa hari ini dalam surat khabar pinjaman mudah begitu diiklankan dalam surat khabar, Berita Harian, METRO, apa surat khabar pun hari ini. Apa Bank Negara buat? Adakah mereka ini benar-benar dilesenkan untuk memberi pinjaman? Tetapi oleh sebab pada hari ini bank di negara kita gagal untuk membantu orang-orang yang marhaen, orang-orang yang kecil-kecil ini maka mereka terpaksa mencari alternatif lain untuk meminjam. Itulah sebabnya kita hari ini dalam Malaysia pada hari ni “Along” berleluasa, dalam surat khabar, iklan, pinjaman mudah, pinjaman ini, macam-macam bentuk pinjaman yang diberi oleh orang-orang tertentu kerana bank di negara kita gagal untuk membantu orang-orang di kelas bawahan. Tetapi hari ini dalam Dewan, ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tertarik dengan contoh tadi yang menyatakan bahawa kalau sekeping tanah itu telah dinilai oleh penilai-penilai yang berdaftar ataupun profesional tetapi bank itu hanyalah bernilai yang tertentu mengikut kesukaan mereka kerana mengikut pengalaman saya, bank-bank ini selalu tidak percaya kepada pelanggan dan mereka ini mempunyai satu konsep *the forced sale value*. Maksud dia kalau you pinjam dalam keadaan yang paling teruk sekali, apakah nilainya.

Setujukah Yang Berhormat keadaan ini kalau dalam masa berpanjangan, ini bukan sahaja akan melumpuhkan kegiatan ekonomi kita tetapi juga memberi kurang keyakinan orang ramai terhadap sektor perniagaan dan juga untuk menceburkan diri dalam perniagaan. Setuju atau tidak, Yang Berhormat, cadangan kepada Kementerian Kewangan supaya setiap *value* ataupun nilai tertentu itu mesti mengikut penilai-penilai profesional yang telah ditetapkan di mana bayaran akan dibayar oleh penyimpan itu sendiri. So bank tidak mempunyai hak untuk menentukan nilai tetapi ikut apakah *value* yang telah ditetapkan oleh *professional valuer*. Setuju atau tidak setuju, Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya setuju sangat kerana pada hari ini rata-rata bank, dia tidak sanggup ambil risiko. Apatah lagi ini penilaian yang dibuat, kalau *freehold*, yes, dia akan mengikut *scale* lebih kurang dengan harga yang dinilai oleh juru nilai profesional. Tetapi apa yang saya hendak suarakan pada hari ini, geran-geran Melayu, geran-geran *Malay Customary Land (MCL)*, satu ekar kalau kebun getah walaupun tepi jalan, penilaian yang dibuat oleh juru nilai profesional RM100 ribu, bank akan bagi RM10 ribu sahaja kerana geran Melayu. Ini diskriminasi.

Pernahkah Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan tahu mengenai benda ini atau tidak? Pernah *check* atau tidak? Inilah permasalahannya

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Hendak tanya sedikitlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Inilah masalah yang kita hadapi. Saya hairan, justeru itu saya tidak hairanlah negara kita Malaysia ini digelar *third class country*, masih dalam keadaan sebegitu sebab mentaliti pegawai-pegawai bank kita tidak berubah. Bank swasta sudahlah dengan kesombongannya, dengan lokeknya, sombongnya tetapi yang menghairankan lagi bank yang di bawah penjagaan kerajaan itu sendiri, mereka juga terikut-ikut rentak, *timing* tarian dia. Tetapi di pihak Kementerian Kewangan, mereka seolah-olah tidak nampak kepincangan itu. Mereka seolah-olah bersubahat melihat kemungkarannya itu berlaku. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Itulah sebabnya kalau dilihat apabila kita menghadiri perhimpunan, kita menghadiri seminar-seminar, menteri bercakap bahawa banyak di antara kemudahan-kemudahan yang kita pinjam pinjaman kewangan, khususnya untuk masyarakat bumiputera tidak diambil tetapi dia tidak tahu berapa punyanya kita orang-orang bumiputera untuk meminjam duit daripada bank-bank swasta ini, dia tidak tahu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila, sila, bagi yang ini dahulu, Yang Berhormat bagi Kudat.

Tuan Yang di-Pertua: Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya amat tertarik dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Jasin berikutan dengan sikap bank-bank, khususnya bank perdagangan di negara kita. Sebagai seorang yang pernah berkhidmat dengan bank, saya amat mengenali sikap mereka yang khususnya pembuat-pembuat dasar dan juga mereka yang bertanggungjawab di dalam bank-bank perdagangan ini.

Sebenarnya seperti yang dijelaskan tadi ada bank-bank yang sanggup didenda oleh Bank Negara ataupun kerajaan kerana tidak mahu melaksanakan segala arahan dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada kerajaan. Di masa saya berkhidmat dahulu ada polisi-polisi dan juga arahan-arahan daripada kerajaan, misalnya untuk melaksanakan *fund for food* ataupun *fund for tourism* ataupun *fund* untuk peniaga-peniaga kecil yang diarahkan oleh Bank Negara untuk dilaksanakan dan juga pinjaman-pinjaman kecil CGC sebenarnya yang telah diarahkan oleh kerajaan tetapi ada bank-bank yang sanggup didenda oleh pihak kerajaan ataupun pihak bank negara daripada melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini.

Jadi saya minta supaya kerajaan mengambil perhatian dalam perkara ini supaya mengambil satu tindakan yang lebih tegas dan tidak membenarkan perkara ini berlaku berterusan kerana ini akan menghalang dasar-dasar kerajaan dan juga harapan-harapan daripada rakyat untuk melihat supaya bank ini memberikan satu peranan bukan sahaja untuk mengaut keuntungan ataupun memberikan pinjaman kepada mereka yang mempunyai perniagaan-perniagaan besar tetapi juga dapat melihat peniaga-peniaga kecil

Satu lagi sikap yang saya sering lihat daripada institusi bank-bank perdagangan ini ialah mereka mempunyai satu sikap "*taking away the umbrella when the rain starts*". Apabila sudah mula hujan, maka bank-bank ini akan cepat mengambil tindakan, misalnya menggulung syarikat ataupun co closure aset-aset yang dimiliki oleh syarikat itu dan apabila misalnya mereka mempunyai *liquidity* yang banyak, mereka sanggup untuk masuk dari rumah ke rumah atau ke pejabat-pejabat untuk *marketing* dan

memaksa syarikat-syarikat ini untuk mendapatkan pinjaman. Mereka sanggup menawarkan bermacam-macam dan menghantar *marketing officers* ke pejabat-pejabat untuk memberikan pinjaman.

Tetapi sekiranya berlaku sesuatu keadaan di mana misalnya *economic crisis* seperti yang berlaku pada tahun 1985 dan 1997, mereka mengambil tindakan yang segera dan melelong aset-aset yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini walaupun ada usaha-usaha daripada syarikat-syarikat ini, misalnya untuk mengemukakan *proposal* ataupun *restructuring proposal* untuk *loans* ini.

Semasa saya berkhidmat dengan bank tersebut, ramai daripada peniaga-peniaga bumiputera ini apabila mereka datang dan saya sendiri terlibat dalam usaha untuk menghantar *proposals* mereka dan *restructuring proposal* tetapi kebanyakan *restructuring proposal* yang kita hantar kepada pihak pengurusan bank ini kebanyakannya tidak diendahkan. Mereka hanya mempunyai minat untuk membuat *foreclosure* ataupun mengambil tindakan undang-undang walaupun akhirnya tindakan undang-undang yang diambil terhadap *clients* dan juga *foreclosure* terhadap aset-aset ini akhirnya sebenarnya tidak menguntungkan bank kerana yang untung di dalam *exercise* ini ialah syarikat-syarikat, misalnya syarikat-syarikat guaman dan juga syarikat-syarikat yang terlibat di dalam *auctioned property*.

Ini adalah satu tindakan yang kadang-kadang kelihatannya tidak begitu rasional kerana kalau kita lihat, misalnya kalau pinjaman di dalam masa kritikal yang sebenarnya masalah itu tidak ditimbulkan oleh peniaga itu sendiri, ianya disebabkan oleh masalah yang timbul daripada masalah krisis ekonomi sebuah negara, sepatutnya bank-bank itu lebih bertanggungjawab. Mereka harus lebih bersimpati dan membenarkan syarikat-syarikat ini untuk mengadakan satu perundingan ataupun *restructuring exercise* yang membolehkan syarikat-syarikat ini membayar dalam masa yang lebih panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila buat kesimpulan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya. Dan inilah sebenarnya saya berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat bagi Jasin semata-mata untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa inilah perkara dan masalah yang menjadi kerumitan di

dalam sistem perbankan kita yang telah merugikan masyarakat kita secara keseluruhannya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kudat. Tidak tahu, soalan ke atau pendapat, tetapi saya bersetuju kerana bank ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah hari itu, kadang-kadang kita tidak minta *credit card*, dia sua-suanya kepada kita. Tetapi jangan sampai *credit card* tidak berbayar, ketika itu, "Ah, jaga engkau. Engkau tunggu saja bah. Surat *lawyer* akan sampai".

Kita sudah mengalami ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalaminya masa tahun 1984, 1985, kita pun dapat saham lebih kurang, Tuan Yang di-Pertua. Kita pun hantar kepada bank, dia boleh telefon, "Tuan Haji, you punya nilai ini RM1 juta. You punya OD baru RM100 ribu, mengapa tidak I tambahkan you punya OD RM500 ribu. Wah, kita pun dapat ada lebih RM300 ribu, beli saham lagi, hantar kepada bank lagi. Wah, dia tambah lagi kita punya OD. Apabila tahun 1996, 1997 *market* pun *drop*, Tuan Yang di-Pertua, dia *fall selling*, dia *fall selling!* Lepas itu baki hutang, dia kejar kita. Ya Allah Tuhan, baru tahu langit tinggi ke rendah. Jadi bank ini jangan dipercayai, [*Ketawa*] tidak cukup tanah. Sila, sila Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Jasin. Saya cuma ada sedikit sebab di Kuala Krai ini ada tiga bank lebih besar daripada Melaka, tetapi orang kampung dan orang luar bandar takut hendak pergi bank, terutama sekali Bank Pertanian. Kita besarkan kerana peruntukan pertanian begitu banyak sekali, kerajaan kita melaung-laungkan.

Ramai di antara keluarga luar bandar ini pergi berjumpa Yang Berhormat-Yang Berhormat kita ini, ada rancangan hendak buat ini, hendak buat itu dan kita ada tanah, kita hendak cagar ke bank tetapi yang mendukacitakan apabila dia pergi, hendak masuk pun tidak dapat. Jadi saya harap Yang Berhormat Jasin kita boleh ketengahkan perkara ini terutama sekali kepada pegawai-pegawai yang ada di bank ini, apabila dia bawa itu sudahlah dia tolak terus tanah-tanah dari luar bandar ini, malah dia hendak minta kertas kerja kata dia. Jadi sesetengah daripada penduduk ini dia tidak tahu apa

itu kertas kerja, saya minta Jasin beri pendapat, apakah yang dimaksudkan dengan kertas kerja? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Kuala Krai, saya ke arah itu kerana pada hari ini bank oleh sebab dia hendak mengejar hutang-hutang ini, dia sanggup mewujudkan satu *loan recovering department*. Kadang-kadang dia sanggup sewa satu bangunan khas untuk *recover NPL (non-performing loans)* tadi. Saya minta sudah sampai masa dan ketikanya.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti sekejap saya habiskan dahulu. Jadi sudah sampai masa dan ketikanya Menteri Kewangan, Timbalan Menteri ada. Kita sudah tinggal 15 tahun untuk 2020, wawasan kita, *18 per cent, 19 per cent* sahaja pencapaian Melayu pada hari ini. Kita berkuasa, bak kata arwah Azman Attar, "*When you are in power you must be powerful, if not you are a bloody fool*", katanya. [Tepuk] Jadi kita berkuasa, kita mintakan bank-bank yang hendak beroperasi dalam negara ini supaya wujudkan dia satu badan khusus untuk bumiputera. Yang mana *paper work* dan *working paper* yang dikehendaki, yang mana kita masyarakat peniaga-peniaga lebih-lebih lagi masyarakat luar bandar, mereka tolong buat atau mereka tolong ajar, ya sila sahabat saya Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan kerana tertarik dengan soal *recovery* yang disebut oleh Jasin tadi. Kalau kita lihat dari segi bank, dari segi tindakan *recovery* ini, di antara yang meminjam banyak dengan meminjam sedikit, *this advantage* adalah kepada meminjam sedikit, misalnya orang yang meminjam ataupun syarikat yang meminjam di dalam jumlah yang besar, juta-juta misalnya. Kalau dia ada NPL, bank tidak akan terus mengambil tindakan undang-undang, tetapi diletakkan di bawah program pemulihan (*rehabilitation*) dia hendak memulih. Di dalam proses memulih itu, dia akan beri tambahan pinjaman, kalau tidak cukup ditambah lagi *and then* bukan sahaja diberi tambahan pinjaman, tetapi juga dihantar pegawai-pegawai bank untuk membantu *to manage the account* dan sebagainya. Jadi sudahlah hutang banyak tidak boleh bayar, beri tambahan lagi dan beri tambah pinjaman dan hantar pegawai untuk membantu. Sedangkan di dalam kes

peminjam kecil RM10,000, RM20,000 dan sebagainya, tidak ada program pemulihan tetapi terus dengan tindakan undang-undang, surat peguam dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan? Kalau di dalam pinjaman besar, boleh diadakan program pemulihan untuk membantu peniaga-peniaga yang menghadapi masalah. Kenapa tidak bank di dalam soal pinjaman kecil yang rata-ratanya peniaga-peniaga kecil yang kurang mampu, kalau ada masalah, dimasukkan juga dengan program pemulihan supaya dibantu, ditambah dan dihantar pegawai untuk *manage* dan sebagainya untuk membantu tetapi ini tidak, yang kaya dibantu dan yang miskin dia lebih tekan supaya lebih cepat bungkus, dibungkus dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Bera, saya setuju kerana pada hari ini kalau kita tengok daripada sejarah, kita dahulu bermula selepas merdeka pembentukan Malaysia, kita mula dengan Malayan Banking. Hasil daripada perhimpunan dewan perniagaan Melayu mendesak kerajaan untuk menubuhkan sebuah bank ketika itu untuk membela nasib orang luar bandar dan peniaga-peniaga kecil, maka kita wujudkan Bank Bumiputera, ini sejarah. Tetapi hari ini Malayan Bankingkah, Bank Bumiputerakah termasuk apa sahaja bank, dia bukan pandang sangat orang yang *small loan* ini. Malah yang disebutkan oleh sahabat saya Sri Gading tadi, apabila Bank Negara menetapkan kuota jumlah yang boleh dipinjamkan kata *30 per cent*, kalau you boleh pinjamkan RM1,300,000,000 untuk bumiputera, *you* ingat mereka hendak carikah orang-orang penjaja-penjaja kita, persatuan-persatuan penjaja kita, kontraktor-kontraktor kelas F? Tidak. Dia akan cari 'rembus-rembus' suci yang kita bercakap itu, yang besar-besar ini, RM300 juta dua orang, tiga orang sudah selesai kerja dia. Bermakna *participation* bumiputera dalam bank ini sudah ada RM300 juta yang dipinjamkan kepada bumiputera.

Jadi kita berharap kesilapan yang lepas, Kementerian Kewangan akan datang kena perbaiki, kita tidak hendak jumlah wang dikeluarkan, tetapi kita hendakkan pelanggannya, minimum berapa? Satu bulan dia kena bantu, 30 atau 50 peniaga-peniaga kecil bumiputera, kita hendak dia tolong dan kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya Jasin menghadapi masalah, rakyat memerlukan perumahan.

Kerajaan Negeri Melaka alhamdulillah kita sudah banyak membina rumah, rancangan rumah-rumah awam ataupun rumah-rumah kos rendah.

Di kawasan parlimen saya, saya menghadapi masalah, banyak rumah yang dibina oleh kerajaan tidak diambil oleh masyarakat bumiputera ataupun bukan bumiputera yang diperuntukkan. Apabila kita ambil nama-nama orang ini untuk diproses kerana kita akan menghantarkan bank supaya bank dapat membayar balik kepada pemaju yang dapat projek penswastan dengan kerajaan negeri.

Kebanyakan daripada orang-orang kita adalah mereka yang daripada pekebun kecil, pemilik-pemilik ladang-ladang kelapa sawit yang kecil-kecil, penjaja, peniaga pasar malam, tetapi malang sekali apabila kita hantar ke bank dan bank kata, "Mana you punya *pay slip*?" Walaupun mereka ini ada duit, tetapi orang kita kelemahannya dia tidak ada *accounting system*, dia tidak ada bank akaun. Maka *terms of reference*, kata bank, tidak ada. Yang ini pun saya kena lihat bank, bukan pinjaman itu besar sangat rumah yang berharga RM30,000, RM25,000, mengapa? Berilah pinjam, orang ini mampu bayar, itulah sebabnya ada di antara Yang Berhormat telah mengatakan bagaimana kejayaan Farmers Bank di Thailand. Saya tahu, saya pernah melawat Farmers Bank of Thailand. Mereka ada satu unit khas untuk membantu petani-petani mereka, menyediakan akaun, mengajar petani akaun, *simple account* supaya mereka dapat membangunkan usaha pertanian di negeri Thailand. Tetapi Malaysia, adakah tidak bank-bank negara kita ini mengadakan unit-unit sedemikian? Setakat hari ini belum ada.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi Yang Berhormat ada menyebut soal pinjaman kepada perumahan. Kita tahu ramai, tidak kiralah terutama mereka yang berpendapatan rendah mendapat pinjaman. Masalahnya ialah masih berlaku, pinjaman telah pun dibuat tetapi rumah belum siap, terbengkalai. Tetapi pemotongan pinjaman terpaksa dilakukan. Apakah kita lihat supaya masalah ini dapat dipertimbangkan oleh pihak bank secara

bagaimana? Pinjaman yang telah diberikan itu, apakah ditangguhkan pemotongannya, kerana rumah belum siap? Ini kebanyakan telah menimbulkan masalah besar kepada orang ramai. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut. Bank tetap bank. Namun kasihan tidak ada. Walaupun rumah belum siap, apabila pinjaman telah dikeluarkan, maka *the next month* ataupun dengan izin, *the next two months*, dia sudah mula *collection*. Walaupun dia sudah tahu, namun hendak tunggu rumah siap, itu bukan dasar bank katanya. “Engkau pinjam, siapa kena bayar”? Ini yang berlaku. Kerajaan buat dulu CGC dengan harapan pinjaman-pinjaman kecil ini ada satu skim *Credit Guarantee Scheme*.

Tetapi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun ada skim CGC, tetapi peminjam-peminjam, peniaga-peniaga kecil yang meminjam di bawah skim CGC ini, juga terpaksa menyediakan *collateral*. Orang banyak mengingat, kadang-kadang pegawai kerajaan, menteri pun ingat, dengan adanya CGC, tidak payah *collateral*, boleh *check*. Walaupun kerajaan mengadakan CGC, mendapat CGC, tetapi masih ada lagi *collateral*. Bank boleh bercakap. Kita kata ini sudah ada CGC, apa hendak *collateral* lagi? Mengapa saya kena harus caj tanah? Kata bank “*You* hendak pinjam, tidak hendak pinjam?” Ini syarat kita. Punya sombongnya.

Tetapi, bila kita pergi seminar, kita pergi mesyuarat-mesyuarat, kerajaan masih mengatakan bahawa “Begitu banyak tabung-tabung kita sudah sediakan untuk membangunkan masyarakat bumiputera tetapi bumiputera tidak ambil.” Tetapi dia tidak tahu, di bawah berapa punya susah kita hendak dapat pinjaman. Ini yang masalah. Ini masalah yang sedang berlaku. Saya minta pihak kerajaan kena lihat di bawah ini. Bagi otak dia, jangan haraplah. Jangan harap apa yang kita impi-impikan hendakkan 3% penyertaan bumiputera sehingga tahun 2020, saya kata tahun 2020, sampai kiamat pun tidak tercapai. Kalau tidak ada kita dengan cara serius menangani masalah-masalah ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak ulang-ulang lagi dan bagi peluang kepada rakan-rakan bercakap. Saya sudah bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Benda sudah berulang selama tiga hari.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya. Jadi.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan pula? Allah. Silakan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan perumahan, saya ingin membawa, ada satu senario yang berkait rapat dengan pinjaman bank. Kalau kita membeli rumah, salah satu peruntukan dalam perjanjian ialah kita mesti membayar dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Kalau tidak, kita dikenakan bayaran oleh penjual ataupun pemaju perumahan, denda sebanyak 10%.

Dalam proses pembelian, bila pinjaman diambil, maka ada berapa proses berkait rapat dengan pinjaman tersebut, yang ada hubung kaitnya dengan Kementerian Kewangan iaitu setem duti? Jadi salah satu proses ialah kalau kita membeli rumah, kita kena membayar setem duti kepada pindah milik. Jadi, bila kita hendak membayar setem duti, penilaian perlu dilakukan. Jadi, wujud sekarang ini masalah di Sarawak misalnya. Penilaian yang dilakukan, sebelum ini dilakukan oleh pejabat tanah.

Jadi ianya boleh mengambil masa selewat-lewatnya seminggu kita akan dapat nilai untuk menentukan berapakah jumlah setem duti yang dibayar. Tetapi sekarang ini, bila diambil alih oleh pejabat setem, ianya memakan masa sehingga dua bulan. Jadi bayangkanlah dalam proses tersebut, ianya akan melambatkan bank untuk membuat pengeluaran pinjaman. Jadi yang mangsanya ialah pembeli-pembeli perumahan. Jadi, mereka akan dikenakan denda oleh pemaju perumahan disebabkan kelewatan proses pengeluaran wang pinjaman itu. Jadi, saya minta pandanganlah Yang Berhormat bagi Jasin, kalau dapat benda ini dikemukakan kepada Menteri Kewangan kita untuk diselesaikan. Kalau tidak rakyat kita, pembeli-pembeli rumah ini akan berdepan dengan masalah. Yang pertama masalah sebab bank lambat bayar dan satu lagi, denda oleh pemaju perumahan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petrajaya. Memang orang kita, di bawah-bawah ini memang kena selalu. Pejabat setem lambat nilai, kena denda. Bank kenakan *interest*, pembeli juga kena. Apabila kita sudah memohon pinjaman, rumah sudah siap, majlis daerah lambat mengeluarkan CFO, yang membolehkan kita duduk rumah itu, pembeli juga kena. Jadi akhirnya kita lihat,

yang rugi ini orang ramai. Dalam segi bank, dia tidak kira apa itu semua Yang Berhormat. You lambatkah apa, duit dia sudah keluar, dia sudah bilang hari dah. Dia sudah bilang hari. Satu hari berapa *interest* dia. Dia tanpa memikirkan orang punya susah, tidak ada. Dia kira dia. Jadi, dengan harapan ini, kita berharap bagaimana yang telah saya mengatakan.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Meminta laluan [*Menunjukkan isyarat tangan*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Tangga Batu, boleh. Sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Bila Yang Berhormat bagi Jasin mengatakan bank ini menyusahkan orang ramai, bukan sahaja menyusahkan orang ramai, dia juga menyusahkan kakitangan serta anggota kerjanya, kerana saya dapat satu lagi maklumat menyatakan bank-bank, pengurusan bank, pentadbiran bank memang tidak beri perhatian kepada anggota kerja dia. Terutama sekali seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi *retrenchment*, melepaskan anggota pekerja tanpa mengambil kira kepentingan kebajikan pekerja. Itu yang pertama.

Yang kedua, meletakkan pelbagai syarat supaya pekerja dengan rela hati melepaskan jawatan. Bila sudah lepas jawatan, selepas itu kena bayar balik kepada bank tadi. Pengurusan atau pentadbiran ini memikirkan keuntungan bank semata-mata tanpa memikirkan sebenarnya apabila mereka melakukan tersebut, keuntungan kepada satu pihak, masalah sosial kepada pihak yang lain. Satu cerita lagi, sebuah bank yang mempunyai pengawalan keselamatan sendiri telah pun meminta anggota keselamatannya untuk beli uniform sendiri. Bank ini, bank yang pakai uniformlah. Bukan sahaja pengawal-pengawal keselamatan itu kena beli uniform sendiri, kaunter stafnya kena pula beli pakaian sendiri untuk menunjukkan keseragaman, contohnya di kalangan anggota kerjanya.

Jadi bila anggota ini tidak beli pakaian sendiri dan sebagainya, diugut untuk ditukarkan ke tempat-tempat lain dan sebagainya. Jadi ini semua menampakkan ketidakcekapan dan juga kekurangan dalam pentadbiran dan pengurusan bank yang mana saya kira kalau pihak Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan memberikan perhatian, perkara-perkara ini mungkin tidak berlaku di kalangan pengendali-pengendali bank di negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Yang sebenarnya, yang menjadi masalah pada hari ini ialah pengurusan di peringkat atas, kerana di antara pemegang-pemegang jawatan di pihak swasta, gaji-gaji yang terbesar di antara, di kalangan yang terbesar adalah pihak pengurusan bank. Macam Alliance Bank yang baru-baru ini seorang wanita menjadi CEO, pernah bekerja di Singapura.

Kalau dia hendak datang balik dengan Alliance Bank, kalau tidak ada gaji satu bulan, atas daripada RM50,000, RM60,000, dia tidak datang. Jadi cara macam mana hendak dapatkan gaji RM60,000, RM70,000 ialah mencari untung, yang mana patut *cut, cut*. Jaga kena pakai baju sendiri, *cut*. Telekaunter-telekaunter, kerani-kerani itu yang kena pakai uniform, mesti seragam. Kalau patut kena keluar sendiri, engkau keluar sendiri. Engkau tidak ada, engkau berhenti, kerana dia hendak *cut* kos. Ini yang berlaku dekat bank. GLC-GLC yang kita hadapi ini pun hari ini, GLC di negara kita pun sedang berlaku soal ini. Yang ini kita akan bahaskan besok, minggu depan. Yang ini kita cerita bank pula hari ini.

Memang itu kerja dia. Dia tidak dapat memikirkan soal orang-orang bawahan ini, dia tidak fikir, yang penting bagi mereka ialah *bottom line*. Dia buat keuntungan seberapa banyak yang mungkin untuk bank dan mereka akan mendapat bonus tahunan. Yang Berhormat tahu bonus tahunan pengurusan bank? Bukan macam kita kerajaan satu bulan, satu bulan setengah atau dua bulan. *Manager above*, enam bulan bonus dia. Yang bawah, dua bulan, yang kerani, jaga ni dua bulan, ikut kerajaan katanya, bank ikut kerajaan tetapi yang pihak pengurusan atasan bank enam bulan, lima bulan. Untuk mendapat, *achieve* benda ini mereka tidak kira, yang penting bagi mereka ialah untuk mencari keuntungan sebesar mungkin supaya mereka akan mendapat faedah-faedahnya. Dia tidak peduli orang bawahan ini, engkau hendak pinjam 'along' ke nak apa, suka engkau hendak datang bank engkau datang, namun dia hendak membantu hasrat kerajaan belum nampak hari ini Timbalan Menteri. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah rang undang-undang yang dibentangkan kepada kita pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap agak panjangkah? Baik. Selepas Yang Berhormat Pasir Mas, Timbalan Menteri boleh jawab. Yang Berhormat Pasir Mas, sila.

3.41 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat sekalian yang semua menyokong akta ini dan saya juga turut menyokong Akta Bank seluruh negara. Kita melihat bahawa di negara kita ini, alhamdulillah kaya dengan bank-bank. Kalau di Kuala Krai ada tiga bank, di Pasir Mas ada enam bank, itu menunjukkan bahawa Pasir Mas ini orang kaya. Kalau tidak kaya takkanlah ada enam bank. *[Disampuk]* Em! Pasir emaslah, hingga pasir pun emas. Apa keadaan sekalipun saya mengucapkan terima kasih kerana di Pasir Mas kerajaan telah menyetujui adanya banyak bank bererti banyak peluang kerja dan banyak saham-saham yang akan diberi kepada penduduk setempat. Setidak-tidaknya diharapkan supaya bank ini dapat memainkan peranannya sebaik-baiknya selain daripada menjana ekonomi negara tetapi bank juga menjana banyak perkara yang berhubung dengan sosial masyarakat dan peribumi itu sendiri.

Saya bersetuju sangat apa yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat sekalian mengenai masalah pengurusan bank, masalah-masalah persekitaran bank dan banyak lagi. Kesemuanya memerlukan kepada jalan penyelesaian. Kita dengar banyak cadangan dan banyak masalah tetapi yang kita hendak dengar juga apakah jalan penyelesaian kepada masalah, *exit* ataupun mahraj kepada masalah yang berlaku kepada rakyat kita di waktu bank begitu banyak dan apa lagi di waktu ekonomi negara ini sudah pun pulih. Kalau tidak pulih dalam keadaan beransur-ansur pulih sebagaimana negara-negara jiran kita.

Tidak peliklah sebenarnya bahawa bank-bank di negara kita ini asas wujudnya bank di negara kita ini berdasarkan kepada keuntungan semata-mata. Ini suatu realiti yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Saya yang tidak belajar ekonomi pun, saya dapat melihat bahawa bank hanya melihat kepada keuntungan semata-mata tanpa melihat kepada kepentingan-kepentingan rakyat dan kepentingan-kepentingan orang ramai. Kerana itulah baik dari segi pinjaman, baik dari segi keuntungan, baik dari segi apa pun melihat kepada keuntungan sebelah pihak. Dalam erti kata bahawa tidak

seimbang. Wang deposit daripada rakyat, keuntungannya dikaut begitu besar oleh bank atas asasnya persetujuan daripada kedua pihak. Barangkali saya benda ini saya akan bercakap di waktu membahaskan Akta Bank Islam tetapi biarlah saya mengambil kesempatan ini lebih awal sedikit kalau saya dapat bercakap dalam Akta Bank Islam ini lebih baik.

Saya melihat bahawa asas tadi telah dilakukan, telah dilaksanakan kerana tidak pelik kerana orang lain yang buat bank. Asas bank ini bukan daripada negara kita tetapi daripada negara Barat. Kita tiru Barat. Kita bawa balik Barat ini dengan segala kelengkapannya. Kita tidak kata ambil Barat di segi pengurusan tetapi elemen-elemen lain. Kita mesti mengambil kira masyarakat setempat yang beragama Islam ataupun setidak-tidaknya dalam masyarakat yang baru membangun. Kalau tidak mengambil fakta-fakta agama pun kita mengambil negara kita ini sedang membangun yang mesti kita tolong dan mesti kita bantu, di mana bank mesti membuat satu perubahan yang drastik dan berani. Kerajaan pun, saya bersetuju cadangan daripada Tangga Batu atau daripada Pasir Putih, supaya buat satu akta. Tidak bank mengaut keuntungan semata-mata tetapi bank mesti melihat di sana ada semangat kasih sayang. Bank berperanan sebenarnya untuk menanam semangat kasih sayang di kalangan penduduk setempat.

Dua hari raya di dalam Islam, hari raya-hari raya agama lain, di kampung di kawasan saya orang China bukan semuanya kaya. Pengundi-pengundi saya terdiri daripada orang China yang bukannya semua kaya. Ada petani, ada itu, ada ini yang memerlukan kepada bantuan, orang Melayu sama, orang India lagi di estet-estet dan di ladang-ladang. Sekiranya ada unsur kasih sayang ini ditekankan oleh bank-bank kita, enam bank di Pasir Mas, saya catat tadi Bank Islam, Bank of Commerce, BSN, Bank Pertanian, Bank Rakyat, Tabung Haji. Tabung Haji itu pun kira bank jugalah, senang.

Kalau semuanya mengambil tanggungjawab untuk menanam kasih sayang kepada penduduk-penduduknya dengan cara yang kita sebutkan tadi ataupun yang telah disebut oleh Yang Berhormat Jasin sekejap tadi, dengan mengambil tanggungjawab di hari-hari tertentu misalnya. Ada saham jugalah ataupun kepada masyarakat ataupun anak buah kita yang miskin, yang susah. Rumah terbakar misalnya, kawasan saya selalu terdedah dengan kebakaran. Baru-baru ini di Pasir Mas, jarak di antara balai bomba dengan tempat kebakarannya, saya kira kalau bersin pun

dengar, tidak jauh tetapi 10 buah rumah hangus dan saya tidak melihat bank turun beri bantuan, saya tidak dapat melihat. Takut ada, *wallahua'lamlah*, di luar pengetahuan saya. Dalam keadaan saya bersangka baik bukan jahat, barangkali ada secara senyap-senyap. Tetapi apa yang saya tahu bahawa tidak ada bank yang menghulurkan setakat ini, kalau ada, *alhamdulillah*, saya puji.

Sepatutnya kejadian-kejadian kemalangan sedemikian rupa, bank-bank kitalah yang, enam bank ini, enam – Wah! Bukan main enam ini, bukan kecil-kecil punya duit, banyak, bolehlah menghulur bantuan-bantuan segera untuk mengurangkan bebanan, orang sakit kronik misal, saya katakan tadi. Ada di kawasan saya, banyak tahunlah sewaktu saya menjadi Ahli Parlimen mula-mula dahulu, tahun pertama, mati kerana tidak dapat menyediakan wang untuk pembedahan sakit jantung. Kerana tidak dapat menyediakan wang untuk suatu pembedahan sakit jantung dia meninggal dunia, seorang perempuan di Kampung Bunut Susu kalau tidak silap saya. Malang dia.

Di Saudi, Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya banyak di Saudi, saya rujuk, saya banyak belajar di sana, ada sahaja pesakit-pesakit bank yang tolong membantu, bukan kerajaan tetapi bank. Bank yang tolong membantu dan menghulurkan bantuan-bantuan kepada orang-orang sakit kronik sebagaimana yang dihadapi oleh Muhammad dan Ahmad daripada negara kita. Selain kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kita rasa malu sebenarnya. Kalau di negara kita ini bank-bank begitu kaya, mendapat keuntungan yang begitu besar. Bank Rajhi di Saudi Arabia dapat, bukan sekadar menghulur bantuan kepada orang-orang luar yang miskin, yang datang ke Arab Saudi, meminta sedekah dan sebagainya, dapat membiayai sebulan Ramadhan berbuka puasa.

Bank Rajhi dan bank-bank lain lagi pergi menawar kepada imam-imam, imam masjid itu, imam masjid ini, menawarkan duit oleh bank untuk majlis berbuka puasa. Sebab itulah kita tidak hairan di Saudi sepanjang bulan Ramadhan, kita pergi bulan Ramadhan ini, berpuasa bulan Ramadhan ini, kita bawa duit secukupnya tambang pergi balik kemudian lebih sedikit berbuka puasanya cukup di Masjidil Haram dengan Masjid Madinah kerana orang-orang kayanya, orang-orang banknya. Masa inilah masa untuk mereka menabur bakti mereka untuk orang berbuka puasa dan sebagainya. Bukan

setakat orang miskin, berbuka puasa sebulan Ramadhan dia berbangga, inilah yang kita hendak.

Tetapi orang kita ini pergi Mekah sepuluh kali haji, sepuluh kali umrah pun tidak boleh bawa. Yang itu yang bawa baliknya, Arab ini buruk, Arab ini jahat, Arab itu, Arab ini, yang baik tidak mahu bawa balik. Yang baik-baik tidak bawa balik, bawa balik yang itu. Saya terlalu dukacita. Pada hal dia tengok, dia sendiri dia sendiri pun dia orang kaya Malaysia, dia orang bank, dia pergi sana berbuka puasa, hidangan dan juadah yang dibawa itu sebahagian besarnya di bawa oleh korporat-korporat, oleh orang-orang kaya dia, oleh orang-orang bank dia. Bank Rajhi ini menawarkan, sewaktu saya belajar, menawarkan berbuka puasa di masjid-masjid, hebat dia. Mengapa bank lain tidak boleh buat sedemikian? Saya tidak bercakap masalah bank ini *ribawi* atau tidak *ribawi*, riba atau tidak riba, saya tidak bercakap itu, saya tidak minta itu. Saya hendak bercakap di dalam Bank Islam nanti, Insya-Allah.

Jadi, boleh menanamkan rasa kasih sayang di kalangan penduduk setempat. Sikap tolong menolong ini penting yang dilakukan oleh bank-bank kita. Bila sikap kasih sayang, tolong menolong hormat menghormati, orang tolong, orang tolong jaga bank tidak semestinya Polis jaga bank. Orang tidak dendam dengan bank. Bila orang tahu bank duit banyak tetapi bank tidak meleleh kepada masyarakat menimbulkan rasa marah, rasa dendam, menimbulkan rasa itu, rasa ini, itulah sekali gus seolah-olah kita mewujudkan lebih ramai lagi pencuri-pencuri, perompak-perompak kerana tidak ada tolong menolong antara kita orang kaya. Kerana itulah Nabi s.a.w. menyebut [*membaca sepotong hadis*] Pasir Putih tidak ada boleh membantu saya. Saya baca hadis ini lama, masa saya belajar dahulu, baru teringat tadi. Tidak ada ustaz kah? Mana ustaz-ustaz... Hah? Daripada ... tidak apalah, tidak apalah, tidak apalah [*Membaca sepotong hadis*]. Nabi s.a.w. menyebut bahawa tegapnya dunia ini berdasarkan kepada empat faktor penting. Lihat Yang Berhormat-Yang Berhormat, 1400 tahun belum lagi orang bercakap tentang negara, belum lagi orang bercakap tentang negeri tetapi hadis Nabi Rasulullah telah bercakap tentang ini, ini hebat [*Membaca sepotong hadis*] bukan setakat negeri dan negara tetapi dunia ini tegap boleh tahan dengan empat perkara.

Pertama sekali dengan adil pemerintah. Kita mahu pemerintah adil. Kalau tidak adil kucar kacir jadinya. Pemerintahan tidak adil bermacam-macam berlaku, dengan tahanan ISanya begitu banyak yang tidak dibicarakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Ching]: Yang Berhormat, macam mana kita boleh kaitkan hujah-hujah ini dengan bank.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ini hendak kaitkan dengan banklah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dari segi bank.... kaitan dia?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ke arah, ke arah, celah-celah saja Tuan Yang di-Pertua. Imam yang adil, kerana itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini, kita rasa ada kelapangan sedikit, saya puji pun saya puji, Tok Guru Nik Aziz sama juga. Kalau benda baik dia puji. Bukan semua benda baik kita tidak puji benda itu, tidak. Kita ada benda kita puji, kita puji.

Bila datang Perdana Menteri baru kita,kita sambut, kita tepuk tangan [*Menunjukkan isyarat tepuk tangan*], kita bagi beberapa pujian kepada perkara-perkara yang boleh kita puji. Tetapi pada perkara-perkara yang kita tegur, kita tegur. Kerana kita tahu sahabat-sahabat sana takut hendak tegur ini, kita tegur. Keadilan umarak atau keadilan pemerintah, kita hendak supaya kekalkan keadilan ini tanpa melihat kepada PAS, kepada UMNO, kepada DAP kepada apa, kita adalah anak Malaysia. Kita adalah anak merdeka mesti melakukan keadilan kepada semua pihak, Kelantan mesti adil. Adil sudah sekarang ini saya ucapkan terima kasih kerana banyak peruntukan yang diberikan kepada Kelantan. Saya yang bercakap atas nama Wakil Rakyat daripada parti PAS mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia yang banyak memberi bantuan kepada Kelantan. Keadilan ini teruskan, mesti diteruskan.

Kedua iaitu berpandukan ilmu-ilmu, cendekiawan. Kita mesti berusaha. Bank mesti berusaha, itu yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, bank mesti berusaha untuk melahirkan cendekiawan-cendekiawan, beri bantuan kepada pelajar-pelajar, dermasiswa, biasiswa, pinjaman daripada bank dan kerajaan sendiri mesti bagi hadiah atau bagi penghargaan kepada bank-bank, mana-mana bank yang banyak memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS untuk melahirkan para ilmuwan dan cendekiawan, ulama-ulama. Yang kita sebutkan ulama-ulama di sini ialah sebarang

courses atau pun sebarang kajian yang dibuat oleh mereka. Doktor kita katakan ulama, ahli sains dan berbagai-bagai lagi.

Bila bank ini juga turut menyumbang orang kampung kita, pelajar-pelajar dari kampung kita maka dengan sendiri cerdaslah anak bangsa kita, cerdaslah warganegara kita, cerdaslah orang Malaysia. Jika bank tidak dapat membantu kerja-kerja semacam ini, mengharapkan kerajaan semata-mata bukan tidak sampai kepada matlamat, tapi lambat. Kita semua pihak dan wujudnya PAS di sini untuk memberi saham bukannya untuk membangkang seratus peratus tidak. Walau pun kami lima orang. Saya yang disebut Sheikh atau Tok Sheikh tadi oleh sahabat kita daripadasaya tahu kalimah itu mengandungi sesuatu yang tidak elok. Kalimah yang baik diguna tapi di dalamnya terselit suatu yang tidak elok, perlu dan sebagainya. Saya tahu.

Tetapi tidak mengapa, kita hendak berhujah di sini. Kita hendak memberi pandangan untuk membantu meningkatkan lagi daya juang dan daya kreatif rakyat kita Malaysia dan ini yang saya bagi kuliah mengajar, kuliah-kuliah lain kepada orang Kelantan, supaya mereka maju di segi pelajaran, mereka rajin, mereka bersemangat, mereka bermotivasi tinggi, mereka mempunyai daya tahan, mereka jangan hirau kepada kemiskinan mereka, mereka mesti belajar bersungguh-sungguh. Kita tawan universiti-universiti di seluruh Malaysia ini. Ini kita sebut, orang Kelantan mesti tawan universiti-universiti di Malaysia, bukan tawan dari segi pengurusan, tapi tawan di segi pelajar yang teramai di universiti-universiti di Malaysia. Ini kita hendak, kerana ada hadis Rasulullah s.a.w. walaupun kita tidak memerintah tapi kita mahu pegawai-pegawai tinggi di kalangan orang miskin satu ketika dahulu, kita orang Kelantan. Saya berbangga, saya tidak merendah diri saya orang Kelantan. Saya berbesar diri saya orang Kelantan, saya lahir daripada keluarga miskin tetapi saya mampu hadir di Parlimen pada hari ini. Ini sebagai satu cabaran kepada kita, kepada bank-bank kita, jangan sekadar hanya mengaut keuntungan tetapi kita juga membantu anak-anak kita supaya mereka lahir ulama bin ilmi ulama dengan panduan ilmu-ilmu, ramai buat apa tak ada ilmu? Kita nak bermegah nak 26 juta, tapi tidak mempunyai ilmu, buat apa?

Rakyat Yahudi, Israel sekarang ini ada 2 juta tetapi mereka mempunyai keilmuan yang cukup. Kita ada 26 juta, dengan Singapore pun kita.... Betullah kalau kita banding kita dengan Bangladesh, kalau kita banding dengan Biafra, kita bandingkan dengan

negara-negara, nak banding dengan Thailand pun tak dapat. Tadi Yang Berhormat kita cakap tadi, nak banding dengan Thailand pun tidak dapat. Jalan raya, Tuan-tuan, hebat Thailand, lebuhraya hebat Thailand. Daripada Sungai Golok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya mengikuti ucapan Yang Berhormat macam membahaskan atas ucapan belanjawan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, sikit-sikit, cukup. Ya, ya, saya masuk, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya akur, saya tunduk pada kehendak Tuan Yang di-Pertua itu.

Saya nak Tuan Yang di-Pertua, ilmu ulama, ilmu generasi muda kita, nak mengisikan kemerdekaan bagus, kita kibar Jalur Gemilang, saya kibar, kereta saya pun ada Jalur Gemilang, rumah saya pun saya letak Jalur Gemilang. Tapi yang paling penting, apakah generasi kita sekarang ni boleh memenuhi kehendak kemerdekaan sekarang ini? Sheikh Yusuf Qardawi pernah ditanya tentang kemerdekaan di waktu beliau datang ke sini. Beliau ditanya apa masa depan negara? Apa masa depan negara? Yusuf Qardawi menjawab, masa depan negara lihatlah kepada pemuda-pemuda hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, langsung tak ada kaitan dengan masalah bank.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tak masuk lagi? Saya masuk lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, kalau tak dapat masuk boleh berhenti, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, *bisaqawat*. Yang ini bank, Datuk, ini bank. *[Membaca ayat Al-Quran]* dengan murahnya golongan-golongan korporat, golongan-golongan kaya, dan golongan yang paling kaya di sini bank Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua setuju tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tak berani buat komenlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua pun tak adil sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan kata, tarik balik.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ha, tarik balik, tarik balik. Saya tarik balik. Jadi golongan korporat, golongan bank ini golongan yang terkaya mempunyai berbilion dalam simpanan mereka, aset mereka terlalu banyak. Lalu mereka hanya bagi 1%, 1.1 akhir sekali, apa dia bahasa dia? Kalau setiap bank itu bagi sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Maran, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Kalau kita lihat tadi ramai sahabat-sahabat kita bercakap mengatakan bahawa kebanyakan bank-bank ini memang kerjanya mencari keuntungan. Cuma saya minta pandangan Yang Berhormat daripada Pasir Mas, saya pernah bertanya dengan beberapa orang pegawai bank di kawasan saya, di mana kita cuba untuk mendapatkan sedikit sumbangan daripada mereka untuk kita melaksanakan program-program bagi kita membantu orang-orang susah.

Mereka mengatakan bahawa ada peruntukan tetapi kalau nak ini kena dapat kelulusan daripada ibu pejabat di Kuala Lumpur dan sebagainya. Saya bimbang, saya minta pandangan Yang Berhormat. Saya bimbang mungkin sebenarnya peruntukan yang disediakan oleh bank, hasil daripada keuntungan yang diperolehi oleh mereka dalam perniagaan yang dibuat termasuklah yang diperolehi daripada kita dan sebagainya telah pun diperuntukkan oleh bank. Tetapi peruntukan tersebut tidak diturunkan ke bawah. Saya ingin mencadangkan, saya ingat kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya mencadangkan pihak kerajaan, Kementerian Kewangan mendapatkan kepastian berapakah sebenarnya peruntukan yang telah diperuntukkan oleh lembaga pengarah bank berkenaan setiap bank ini supaya kita tahu berapakah sebenarnya peruntukkan yang disediakan untuk membantu program-program seperti ini. Dan kita nak tahu betulkah peruntukkan yang ada dan ke manakah peruntukkan ini disalurkan. Saya takut ia memang digunakan di atas sahaja. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya setuju daripada pandangan Yang Berhormat sekejap tadi dan kalau boleh itulah yang kita mahu, bukan sekadar itu, patut paparkan di dada-dada akhbar tentang peraturan-peraturan yang dibuat oleh pihak atasan supaya

rakyat juga tahu dan tidak ada tuduh menuduh di kalangan kita. Barangkali maklumat ini tidak tahu, tidak sampai ke peringkat bawahan yang menjadikan kita ini riuh rendah pada tengah hari ni.

Kalau kita dapat laksanakan tanggungjawab itu dan sekali gus kita war-warkan benda ini kepada masyarakat maka dengan sendirinya terhindarlah benda-benda tuduh menuduh dan sekali gus melihat bank sebagai satu badan bukan sekadar mengaut kewangan tetapi di waktu yang sama bank dapat melahirkan rasa kasih sayang, tolong-menolong, bantu-membantu di kalangan penyimpan-penyimpan khususnya penyimpan-penyimpan tempatan.

Saya masuk kepada [*Bercakap bahasa Arab*] iaitu murahnyanya, dengan murahnyanya, tegapnya dunia ini, tegapnya negeri ini, tegapnya negara ini dengan sifat murah di kalangan korporat-korporat khususnya daripada bank-bank yang ada di seluruh negara. Apa guna bank banyak di negara, kalau bank juga tidak memberi simpati, sedikit simpati kepada rakyat dia ataupun orang-orang tempatan?

Saya kembali kepada Pasir Mas tadi, bank-bank, saya kira bank-bank ini sudah tidak ada orang miskin, pinjaman barangkali kalau diurus pinjaman terlalu mudahnya, bukan payah, mudah dan tidak membebankan rakyat.

Saya nak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kalau bank juga berperanan menerima barang-barang semacam Rahul Islami, pajak gadai Islam kerana pajak gadai Islam tak banyak. Dan guna sungguh dengan dasar pajak gadai Islam tu, bank beroperasi sebagai... di waktu yang sama daripada pinjam payah, biar ada pinjaman mudah.

Di Kelantan tuan-tuan, bila kerajaan PAS memerintah negeri Kelantan, yang pertama Tok Guru Nik Aziz buat, walaupun payah nak buat tapi dia cuba juga akhir sekali wujudnya Al-Rahul Islami, pajak gadai Islam di Kota Bharu di mana peniaga-peniaga di Kota Bharu tu wanita, inilah kalau orang kata Tuan Yang di-Pertua bahawa Kelantan sekat wanita bekerja tidak betul. Di Pasar Siti Khadijah, Tuan Yang di-Pertua, semua orang perempuan, orang lelaki nak meniaga pun rasa malu kerana perempuan, orang Cinanya, orang Melayunya, daripada Kemboja yang pergi ke Kelantan pun meniaga. Jadi mereka ini, pagi-pagi mereka tidak ada duit, mereka ada rantai, mereka ada gelang, mereka pergi dekat pajak gadai Islam. Mereka bergadai di sebelah pagi,

letak di situ dengan harga RM1,000. Dia ambil RM1,000, dia bayar, perkhidmatan 2%, bukan banyak, di waktu saya juga berada dalam jawatankuasa bersama dengan Al-Marhum Allahyarham Profesor Dr. Ahmad Ibrahim di waktu itu, menubuhkan Jawatankuasa peringkat awal.

Dengan RM1,000 ini dia boleh berdagang di Kota Bharu, membeli, menjual di Kota Bharu. Cuba lihat, paginya dia gadai, esok dia pergi tebus terus. Dia boleh tebus terus pagi esoknya kalau dia sudah untung. Dia meniaga RM1,000 dia untung RM400, RM500 dan RM600. Dia sudah boleh ciptakan suatu raksulmal - kepala modal dia yang wang dia sendiri, hasil dia bergadai kelmarin. Dan begitulah sekarang urus niaga di Kota Bharu sekarang ini. Saya ajak Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai supaya pergi melihat, bagaimana urus niaga yang dilaksanakan oleh makcik-makcik kita, oleh kakak-kakak kita perempuan.

Tok Guru Nik Aziz sendiri sebagai Menteri Besar memberi galakan kepada mereka supaya mereka berani dan mereka sekali gus turun ke pasar dan bersaing bersama dengan orang lelaki. Di Pasar Siti Khadijah kalau di tingkat bawah, kalah lelaki, menang perempuan, semuanya boleh dikatakan perempuan melainkan pasar daging, pasar ikan sahaja lelaki. Kalau buah, sayur semua ini perempuan dan cara mereka dapat duit aliran panas ini, mereka pergi gadai barang-barang dia.

Orang Kelantan ini kalau fesyen dia saja, kalau sebut tanya dia "Makcik, makcik ada duit tak? "Tak ada, nak makan tu bolehlah" Tapi di bawah lengan dia penuh dengan gelang, di bawah tangannya, dibuka penuh dengan gelang. Dia pergi kedai dia gadai pagi, dua hari kemudian dia tebus. Lima hari saja dia sudah dapat menciptakan keuntungan ataupun labur yang begitu banyak dan dia sudah berniaga dengan modal dia sendiri.

Apakah bank-bank kita tidak boleh kita buat sedemikian rupa untuk pinjaman-pinjaman panas ni, jangan tunggu ada tanah, jangan tunggu ada Lord Buddha, jangan tunggu ada itu ada ini, mana boleh orang kampung nak ada macam tu. Lagipun proses ini bukan dua, tiga, empat hari, proses ini bulan baru kita dapat.

Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat merasai perasaan sedemikian, apa lagi orang kampung, orang hendak tulis borang pun tidak pandai, dia minta tolong orang lain. Orang-orang ini perlu kepada makan minum, anak di belakang dia ini ada lima, enam,

tujuh orang. Dia perlu kepada wang segera. Hendak pergi ke bank, bank hendak cagaran hendak itu, hendak ini, hendak orang, macam-macam lagi. Jadi kalaulah rang undang-undang Islam ini dibuat juga di bank-bank, semua bank, sebagaimana Muamalat Islamiah dibuat di bank-bank.

Saya tengok Muamalat Islamiah di bank-bank ini, tidak lebih daripada hendak mempertahankan bank-bank yang sedia ada. Muamalat yang ada di bank-bank selain daripada Bank Islam, tujuannya hendak mempertahankan bank ini. Kalau tidak ada muamalat ini langsung orang tidak pergi ke bank ini, orang pergi ke Bank Islam. Selama mana saya hendak mengajak tuan-tuan, selama mana kita hendak mempertahankan keadaan sedemikian.

Selama mana kita hendak mempertahankan bank-bank dalam keadaan yang sedemikian? Lima tahun, 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun? Saya rasa tidak betul, satu pengurusan yang tidak betul. Saya berani mengatakan di sini bahawa perkara ini adalah suatu yang tidak betul kalau ianya berlanjutan. Kita mesti sedikit demi sedikit sampai satu peringkat nanti bahawa kita akan mewujudkan satu bank yang tidak ada riba. Bank yang tidak ada riba, pinjaman yang tidak ada riba. Apabila tidak ada riba, kita tidak berdosa.

(Membaca sepotong ayat Al-Quran) Allah S.W.T. halalkan jual beli, Allah S.W.T. mengharamkan riba dan *exitnya*, sebagai 'mahraj'nya sebagai penyelesaian iaitu, *(Membaca sepotong ayat Al-Quran)* Allah S.W.T halalkan jual beli dan mengharamkan riba *(Membaca sepotong ayat Al-Quran)* Allah S.W.T. yang maha....

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tanah Merah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tanah Merah, ok.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Pasir Mas jiran saya. Saya ingin bertanya kepada Yang terhormat Pasir Mas bank saudagar di negara kita ini membuat keuntungan besar, apa yang dikatakan adalah sumbangan daripada hasil riba dan saya dapati juga pajak gadai Ar-Rahnu yang dibangunkan oleh kerajaan PAS negeri Kelantan, yang mana telah memberi keuntungan besar, yang terbesar sekali di kalangan anak-anak syarikat kerajaan negeri. Apakah formula di mana pajak gadai Islam yang dibuat di Kelantan ini

boleh memberi keuntungan dan kenapa syarikat-syarikat lain, syarikat kewangan contohnya di bawah kerajaan negeri lain di negeri Kelantan tidak dapat keuntungan ataupun laba yang lebih sebagaimana pajak gadai tadi?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah di atas pandangan dan sokongan. Yang Berhormat Tanah Merah inilah model kita sebenarnya. Model kita pajak gadai Islam supaya syarikat-syarikat lain juga mengikuti jejak langkah daripada semasa ke semasa, dan saya lihat bahawa mereka mengaut keuntungan sekarang ini dan tidak ada yang mati. Sepanjang ini tidak ada yang mati tetapi masing-masing di dalam usaha untuk meningkatkan keuntungan. Itulah yang saya baca ayat Al-Quran tadi....(*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) Allah S.W.T menghancurkan, memusnahkan riba dan sekali gus Allah S.W.T. melaburkan, memberkati sedekah....(*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) ertinya riba iniAllah S.W.T. (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) Allah mengisytiharkan perang kepada riba ini.

Kerana itulah kita yang berada di dalam dewan ini, semua pihak yakinlah bahawa sistem Islam ini tidak merugikan sesiapa. Tidak merugikan orang Islam dan tidak merugikan masyarakat bukan Islam kerana sistem Islam ini melihat. Pertama sekali keadilan, keuntungan diberi kepada kedua-dua belah pihak dengan syarat-syarat perjanjian bukan hanya keuntungan besar dimiliki oleh penguasa bank, tetapi pendepositnya mendapat keuntungan yang terlalu sedikit dalam kadar yang telah ditentukan. Sekiranya dia sudah naik sekian peratus, tetapi kadarnya sekadar satu peratus sahaja yang dimiliki ataupun yang dibenarkan kepada pendeposit, satu peratus itu sahaja.

Orang lain boleh makan balak, kenyang boleh makan, dia makan yang kecil-kecil sedikit, tidak boleh pun tidak apa kenapa? Kerana perjanjian yang dibuat sedangkan dalam Islam bukan begitu. Dalam Islam melihat kepada *rate* dia turun naik semasa. Kalau naik bagi banyak, kalau tidak naik, kalau rendah, sama-sama tanggung risikonya. Ini bank Islam, ini cara Islam. Kerana itulah saya akan sebutkan dalam perbahasan saya depan ini kepada Bank Islam, pengurusan Bank Islam sendiri. Saya melihat ada suatu yang *something wrong*, walaupun orang lain tidak berani kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit sahaja, hendak habis dah. Kalau tidak ditanya tadi saya akan berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya berhenti tadi, kepada murahnya orang kaya dan yang terakhir sekali Datuk iaitu....(*Membaca sepotong doa*) dengan doa orang miskin, bila bank ini sekali sekala ada, Hari Raya Puasa panggil 50 orang miskin, beratur di hadapan bank, bagi duit. "Ini duit, pak cik duit daripada bank". Bank Islam, BSN, bank itu, bank ini, pak cik, mak cik, orang ini balik dia berdoa, "Ya Allah, murahkan rezeki kepada bank-bank, murahlah rezeki kepada orang kaya, murahlah rezeki kepada negara kita, murahlah rezeki" dan kita perlu tahu bahawa doa ini tuan-tuan, mustajab. Doa sembahyang ini, jangan main.

Yang Berhormat-Yang Berhormat saya hendak sebut bahawa kerana itulah Allah S.W.T. menyebut....(*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) mintalah pertolongan kamu dengan sabar dan dengan sembahyang. Walaupun....(*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) walaupun dia ini susah, payah mereka ini orang yang benar-benar takut kepada Allah S.W.T. Di Saudi Arab datangnya minyak Datuk bukan usaha manusia. Apakah Datuk merasa bahawa adanya minyak Saudi ini atas hasil usaha manusia? Macam mana pandangan Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak mahu jawab kerana ini tidak berkaitan dengan bank.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak apa, saya hendak berkongsi. Kedatangan minyak ke Arab Saudi, ini Saudi, minyak yang terbanyak terkaya di dunia ini minyak di Saudi. *Reserve* dia, Malaysia habis, Saudi tidak habis lagi Brunei akan habis Saudi tidak habis lagi. Seluruh dunia akan habis, *reserve* dia masih banyak dalam simpanan. Itu belum lagi kalau kita lihat kepada kawasan-kawasan yang dikira kawasan berkecuali. Minyak tidak diusik lagi, emasnya tidak diusik lagi. Ini hasil daripada sembahyang, hasil daripada doa.(*Membaca sepotong ayat Al-Quran*). Ini yang kita mahu sekarang ini. "Wahai Tuhan kami, kami menempatkan anak cucu kami di sini, di negeri yang tidak ada tanaman, negeri yang tidak ada pokok, negeri yang kontang, tidak ada apa-apa".

(*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) "Wahai Tuhan kami semata-mata datang ke sini untuk menegakkan solat, sembahyang. Macam mana kita alpa dengan pemuda-

pemuda kita. Kerana itulah Tok Guru Nik Aziz menjemput Mawi ke Kelantan ini hendak suruh Mawi sebut. Selain daripada dunia, kita jangan lupa akhirat. Itu sebenarnya. Itu hasrat murni Tok Guru Nik Aziz kita jemput Mawi supaya Mawi dapat menyebut kepada pemuda-pemuda ini tinggal dadah, tinggal itu, tinggal ini dan kembali kepada jalan Allah S.W.T. (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) untuk menegakkan sembahyang. Ribuan tahun Datuk saya diberitahu di Saudi Arabia, satu ketika dahulu, mereka minum air takungan, hujan turun sekali setahun, mereka takung air ini,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hujah ini mungkin banyak baik, tetapi tidak tepat kepada tempat, kepada masa kita membincangkan rang undang-undang ini....

Tuan Haji Ismail bin Noh: ...ada berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa memang cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Cukup. Dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit la, dua minit....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi hasil daripada solat, sembahyang dan berdoa Allah S.W.T menghantar minyak. Cuma kita sahaja yang berusaha untuk mendapatkan, gali minyak itu ini, kemudian kita pasar, dia pasar 50 Dollar, 60 Dollar satu tong itu usaha kitalah. Tapi hantar minyak ke Saudi dan negara-negara sekitar dengan Saudi yang jauh daripada Saudi tidak ada, Mesir tidak ada minyak jauh daripada Saudi.

Kerana Saudi ini ada Kaabah di atas dan orang tawaf, orang berdoa, orang sembahyang, orang khusyuk, orang tawakal pada Allah S.W.T. orang minta dengan Allah, Allah S.W.T. hantar minyak. Kalau negara kita pun Masjid Negara kita penuh dengan orang, Masjid Wilayah kita penuh dengan orang-orang Islam, Allah S.W.T. hantar minyak dan hantar benda-benda lagi yang kita semua merasai. Semua ini dengan doa orang-orang miskin. Apabila bank bagi duit, bagi pinjaman, bagi itu, bagi ini tolong-menolong, bantu-membantu kepada orang miskin, orang miskin Tuan Yang di-Pertua, dia murah, berdoa, 'Ya, Allah ya Tuhanku tolonglah bank, tolonglah Bank Islam, tolonglah bank itu, tolonglah bank ini,' Ada dan orang di kawasan itu tolong jaga keselamatan bank. Kalau ada pemuda-pemuda yang hendak pecah bank itu, dia sendiri bertindak menjadi polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada setengah minit lagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tetapi sekarang ini orang tengok bank kena rompak pun tidak ada apa dia nak buat. Biar pilah kata bank ini kedekut, bank 'kelorek' sangat, bank ini bakhil sangat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya ada setengah minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setengah minit pun sudah sampai. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebagai umat Islam kita kongsilah seorang setengah minit, Rasulullah pun kongsi....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, saya bagilah laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada masa jawab, masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bagi kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahulu kemudian Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanya, tidak payah jawab pun tidak apalah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat bagi Tangga Batulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya kata Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahulu Yang Berhormat Pasir Mas?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya apabila dengar dekat luar saya masuk, kerana saya hendak betul-betul yakin dengan apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Bagaimana pula Yang Berhormat boleh *justify* ataupun boleh jelaskan negara-negara yang tidak ada orang Islam, yang tidak ada orang sembahyang tetapi ada minyak dia. Seperti Argentina, Brazil negara-negara Amerika Selatan. Macam mana Yang Berhormat boleh jelaskan itu? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Itulah Tuan Yang di-Pertua kebesaran Allah S.W.T., Allah adil, sifat adil ini Allah tidak melihat dia orang ini Islamkah, tidak Islamkah, adilnya dia bagi supaya mereka ini rujuk kepada kebesaran Allah S.W.T.. Tadi Yang Berhormat kata

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tadi Yang Berhormat kata negara yang ada orang sembahyang boleh bagi minyak.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, asasnya begitu. Ada, kemudian tempias-tempias itu dinikmati juga, bukan kata Allah S.W.T. tidak bagi, tetapi ini asasnya berdasarkan kepada doa yang disebut oleh Nabi Ibrahim tadi *[Membaca doa]* "Berikanlah rezeki atau asas mereka ini menunaikan solat dan banyak kepada orang lain." Kalau bagi pada Argentina pun tidak banyak. Barangkali 10 tahun lagi stok minyak dia, bagi pada Malaysia pun tidak banyak barangkali 20 tahun lagi kena cari stok lain.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Masuk ke Dewan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dah masuk, nanti dia banyak soal lagi *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bagi, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kita dapat juga ilmu-ilmu daripada kebesaran agama Islam dan doa kita ke hadrat Allah S.W.T.. Cuma saya hendak balik sedikit kepada sistem perbankan Yang Berhormat. Dari segi perbankan Islam yang negara kita ilhamkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Bank Islam kita boleh bincangkan besok.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, sistem bank ini *banking* juga, tetapi kerana bank dia ada dua sistem sekarang ini, perbankan secara Islam, dan perbankan konvensional yang biasa itu. Jadi adakah Yang Berhormat berasa bangga dan bersetuju bahawa konsep perbankan Islam yang diilhamkan oleh negara kita ini mendapat sambutan yang begitu besar, boleh kita perembangkan ke negara-negara Islam yang lain. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan konsep perbankan Islam ini yang banyak memberi manfaat kerana kita mengikut lunas-lunas ajaran dan pendidikan agama kita, iaitu memberi pinjaman, membesarkan perdagangan sejajar dengan sabda Rasulullah suruh umat Islam kita berniaga. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, dan adakah Yang Berhormat akan terus menyokong sistem perbankan Islam yang ada di negara kita ini? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kami daripada PAS, kami yang cadang Bank Islam ini. Pada zaman Prof. Allahyarham Zulkifli Mohamad berada dalam Dewan ini, dia yang mencadangkan Bank Islam, Universiti Islam. Jadi tidak peliklah apabila Malaysia melaksanakannya sejajar dengan apa yang kita cadangkan. Kita setuju dan kita sokong, tetapi di sana ada beberapa perkara yang mesti kita memperbaiki dia. Bank Islam ini ada suatu perkara, ada benda yang mesti kita perbaiki dia sepenuhnya. Dato' menteri ada, insya-Allah besok barangkali kita akan bincang panjang masalah Bank Islam ini. Saya akan mengambil bahagian, insya-Allah kalau diizinkan oleh Allah. Jadi saya hendak sebut tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah lebih tiga minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ini *last*. Jadi apabila doa daripada orang miskin, masyarakat setempat itu, orang miskin jaga bank kita. Misalnya Bank Pasir Mas. Saya tengok orang Pasir Mas ini walaupun bank di waktu malam tidak ada orang jaga. Enam bank Tuan Yang di-Pertua, bukan main. Ada enam bank, orang Pasir Mas bukan semuanya orang baik-baik, orang di sempadan Sungai Golok, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ada tahulah dia. Macam-macam boleh berlaku, tetapi dia menghormati, barangkali Bank Islam bagi saya Bank Islam ada benda-benda macam ini ataupun BSN

ada. Jadi apabila orang miskin ini dijaga oleh orang kaya, orang-orang miskin tolong berdoa, bukan sekadar berdoa kepada keselamatan harta dia, dia sendiri akan jaga. Orang kampung itu akan jaga orang kaya, orang kampung akan jaga bank-bank ini. Kalau tengok ada budak-budak nakal hendak pecahkan, dia kata jangan buat kerana ini harta kerajaan, harta kita kerana apa, kerana dia melelehkan tekak mereka ini rasa sedikit sebanyak habuan daripada bank ini.

Tetapi kalau bank ini langsung tidak bagi atau tidak rasa pada tekak-tekak mereka ini, kalau berlaku sesuatu mereka tengok sahaja, mereka kata, 'biarlah, padan dengan muka dia'. Itulah yang berlaku di Pantai Barat, tetapi tidak berlaku di Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sudah bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tertarik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa yang lebih....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, saya tertarik tadi dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi keizinan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, betullah idea itu daripada Allahyarham Zulkifli Mohamad dan pemimpin PAS masa itu melahirkan idea. Saya masih ada, saya sudah lahir ke dunia ini dan saya sudah dengar. Cuma UMNO ini idea dia itu diambil dan dia buat. Kenapa hujung-hujung ini saya tengok pemimpin-pemimpin PAS dia tidak berapa hendak merestui nampaknya hak kita dok buat. Dahulu-dahulu memang dia terima - Bank Islam, Universiti Islam, UMNO sudah buat walaupun PAS cakup dahulu, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa tidak timbul itu. PAS menyetujui perkara-perkara baik, ini asas. PAS memberi cadangan kepada perkara-perkara lain kerana Tok Guru Nik Aziz dengan secara terbuka, dia kata kalau UMNO melaksanakan dasar Islam di negara kita, melaksanakan Quran dan hadis, maka PAS akan boleh berubah, kita tolong berceramah untuk UMNO. Saya sendiri pun berdiri pada hari ini memperbaharui apa yang diucapkan oleh Tok Guru Nik Aziz sekiranya UMNO sendiri melaksanakan Al-Quranul Karim, sunnah mutahharah, ijmak ulama, qias muktabar. Jangan cakap Islam Hadhari, tetapi kepalanya dedah. Ini yang kita kritik. Kalau hendak Islam, Islam

sebenarnya, jangan Islam setakat ini ke bawah, tetapi ke atasnya tidak Islam. Ataupun Islam dari sini, setakat pusat Islam, bawah pusat tidak Islam. Bolehkah kita pakai baju kot, pakai *neck tie*, tetapi pakai seluar pendek? Bolehkah tidak? Tidak boleh, apa macam masa itu. Jadi nakal, jadi kita mesti pakai kot, kita mesti pakai seluar panjang, itu Islam. Tok Guru Nik Aziz terbuka dari dahulu sampai sekarang. Saya mengikut ucapan dia. Kalau UMNO dapat melaksanakan hukum Quran, hukum Hadis... dan PAS boleh ubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya hendak *ruling* semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada empat perkara Tuan Yang di-Pertua.

- i. pemerintah yang adil;
- ii. ilmu para cendekiawan;
- iii. dengan bank-bank murah, orang-orang kaya murah, korporat-korporat murah; dan
- iv. kasih sayang dan doa orang-orang miskin sehingga negara itu stabil Insya-Allah, kita boleh menikmati kekayaan yang diberi oleh Allah S.W.T. kepada kita semua.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas murah Tuan Yang di-Pertua kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

16.29 ptg

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil serta dalam perbahasan untuk menyokong. Saya nampak rata-rata semua 10 Ahli Yang Berhormat yang

berucap menyokong pindaan Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan 2005 (BAFIA) ini di mana rakan-rakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bagan, Tanjong, Puchong, Kudat, Tangga Batu, Santubong, Jerai, Bandar Kuching, Jasin dan akhirnya Pasir Mas.

Juga terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang banyak memberi celahan dan juga minta penjelasan dan kadang-kadang bertukar menjadi ucapan dan sebagainya. 32 orang iaitu Batu Gajah, Pendang, Bukit Mertajam, Batu Pahat, Muar, Pontian, Jerai, Jasin, Kinabatangan, Ledang, Ketereh, Larut, Sandakan, Maran, Rembau, Kuala Terengganu, Kubang Krian dan Cameron Highlands. Yang Berhormat Cameron Highlands banyak memberi pandangan yang menarik mengenai budaya di Cameron Highlands, terima kasih Yang Berhormat. Lipis, Tangga Batu, Kelana Jaya, Putatan, Air Hitam, Sri Gading, Bentong, Beluran, Pasir Mas, Pasir Puteh, Kuala Krai, Bera, Petra Jaya dan Tanah Merah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan kesemuanya ini kerana pada sidang kali ini rang undang-undang yang kita bentang ini adalah untuk meminda Akta Bank 1989 atau BAFIA, bagi menyelaraskan dengan pelaksanaan sebuah perbadanan baru yang kita telah luluskan di Parlimen ini, iaitu Akta Perbadanan Insuran Deposit Malaysia. Jadi, saya sangat berterima kasih juga kerana dalam kesemua ucapan sehingga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kita lihat sampai ke Pasir Mas, sempadan kita, dah habis perkara yang kita bincang tiga hari, mewah sungguh perbincangan kita. Saya ucap terima kasih, sehingga Tuan Yang di-Pertua tegur, saya ingat tadi tegur tiga kali Pasir Mas. Tidak boleh masuk, sudah habis kita bincang. Jadi, kepada rakan-rakan saya percaya, apa yang dibangkitkan mengenai rang undang-undang ini sekali gus memberi nasihat serta pandangan, maklumat, aduan yang sangat berguna, teguran dan arahan-arahan kepada Kementerian Kewangan, kepada Bank Negara Malaysia khususnya, dalam kita menyelaraskan pembangunan negara sesuai dengan matlamat pembangunan negara dan

kehendak kita ke atas kerjasama bank-bank perdagangan khususnya, dalam melihat peranan yang sangat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dalam sesi ulasan ini, oleh kerana semua rakan bersetuju barangkali tidak banyak yang saya ingin sentuh, tapi macam saya kata tadi saya mohon kepada pegawai-pegawai bertugas khususnya, terutama bagi pihak pengawal kepada bank-bank perdagangan di negara kita ini, iaitu Bank Negara Malaysia. Marilah saudara-saudara sekalian mengambil tindakan tegas dalam usaha untuk menjamin apa-apa teguran dan juga nasihat yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya keberkesanan peranan bank-bank terutamanya dalam apa yang dibangkitkan itu dapat dilaksanakan selaras dengan hasrat kerajaan, kerana kita sedar kesemua Ahli Yang Berhormat melihat kepada tanggungjawab bersama bahawa peranan kerajaan ataupun hasrat kerajaan itu sangat penting dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperjelaskan sedikit soal rang undang-undang yang kita bincangkan ini, izinkan saya untuk memberi tumpuan kepada tiga peringkat. Yang pertama, yang kita khusus kepada rang undang-undang yang kita bincang, iaitu yang terlibat secara langsung mengenai pindaan BAFIA 2005 ini, yang kedua mengenai kaitannya Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM), iaitu Akta 2005 juga yang kita luluskan, dan yang ketiga mengenai isu-isu berbangkit dalam BAFIA 1989 itu sendiri yang terlalu banyak dibincangkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua,.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sri Gading.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila Sri Gading, belum masuk lagi ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri, saya dengan penuh khusyuklah mengikuti mukadimah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya merasailah rasa tanggungjawab beliau bagi pihak Menteri Kewangan, dan bagi pihak kementerian dan saya pun menjunjung tinggilah apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana penilaian beliau kepada perbahasan yang disertai oleh berpuluh-puluh Ahli-ahli Parlimen di Parlimen yang mulia ini. Dan

semua yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini, semuanya menjurus kepada bagaimana bank akan memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada rakyat atau kepada pelanggannya secara khusus, dan bagaimana bank sebenarnya dapat memberikan rasa tanggungjawab, timbang rasa dan sebenarnya.

Jadi, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kepekaan itu ada kepada Yang Berhormat. Jadi, sudah barang tentu menjadi dasar kerajaan, cuma yang disuarakan oleh rakan-rakan di Parlimen ini, kebanyakan menjurus kepada Bank Negara. Sejauh manakah agaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri, rasa tanggungjawab Yang Berhormat. Memanglah Yang Berhormat seorang ahli politik, yang menjadi sebahagian daripada kerajaan, rasa tanggungjawab itu begitu tinggi. Tetapi, Bank Negara, apakah dia boleh memikul hasrat yang disuarakan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri baru nak jawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, ini saya cuma nak.... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi peluang dia jawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, nanti kejap ya, supaya apa yang dihasratkan oleh Ahli Parlimen dan juga oleh pihak kementerian akan dapat sama-sama dipikul, dirasai dan dilaksanakan oleh Bank Negara yang menjadi induk kepada pelaksanaan bank-bank, di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih, sahabat saya Sri Gading. Saya rasa mukadimah yang saya berikan tadi, cukup untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa apa yang disampaikan itu mudah-mudahan kita akan jadikan apa yang saya katakan tadi, panduan, arahan dan sebagainya.

Kita juga sedar dan insaf oleh sebab mereka tidak boleh berucap di Dewan ini, kita juga sedar bahawa peranan bank-bank, kakitangan khususnya yang kita latih, yang kita wujudkan dari sistem pendidikan negara kita, memang mereka ini adalah pakar-pakar yang menjayakan terutamanya sistem perbankan dan juga kewangan negara kita

ini, kita akui bahawa mereka telah bawa satu imej kejayaan Malaysia cemerlang. Dan tentu sekali apa yang kita tegur itu, saya juga ingin mengucapkan bahawa baik di Bank Negara ataupun di bank komersial, saya yakin mereka sangat ingin melihat kejayaan sama ada bidang tugas mereka mengawal bank ataupun menjalankan, menjana bank itu sendiri, bagi kemakmuran dan juga kejayaan negara.

Jadi, kepada pelanggan-pelanggan juga, khususnya rakyat jelata harus ingat bahawa dalam bidang yang kita bincang ini, bidang persaingan, bidang komitmen yang sungguh-sungguh bukan sekadar kita kata, macam ada Yang Berhormat bangkitkan bidang *marketing* dia bagus, untuk tawarkan *credit card*, dia tahu Ahli-ahli Yang Berhormat ini hebat, dan dia tawarkan *credit card*, kita janganlah tak baca langsung syarat dan terma yang diadakan hinggakan kita terjebak kepada apa yang ditawarkan itu, kerana kita sedar sesuatu bank ini atau institusi ini, satu bidang yang *marketing* dia bagus. Dan satu bidang lagi, unit yang lain, pegawai yang lain, dilatih dalam bidang yang lain, untuk menguat kuasa, untuk memungut supaya menjadi pendapatan kepada bank itu.

Kemudian menghukum ataupun mendenda kepada mereka yang tidak mengikut peraturan yang disyaratkan. Jadi ini contoh yang saya beri, saya nampak dalam pelajaran yang kita dapat dalam kemewahan masa membincangkan tiga hari membincangkan rang undang-undang ini, saya nampak macam kita bincangkan belanjawan ataupun peluang itu sendiri saya nampak sangat baik.

Saya lihat peranan pegawai-pegawai di Bank Negara dalam setiap sesi selepas perbincangan ini berjumpa dengan saya dan memberi pandangan-pandangan, jawapan-jawapan dan komitmen mereka bahawa ungkapan dan juga apa yang dikatakan itu betul dan akan dibawa ke peringkat-peringkat tertentu. Saya beri jaminan kerana saya beritahu mereka yang bercakap itu bekas pengarah bank, pegawai bank dan saya sendiri juga sedar saya bekerja dengan bank dalam usaha ini. Tuan Yang di-Pertua bagi memudahkan kita saya percaya tadi kerana lebih daripada 90 peratus yang kita bincang ialah mengenai BAFIA itu sendiri, BAFIA 89, mengenai servis mengenai pendekatan dan sebagainya.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk khusus kepada rang undang-undang ini iaitu pindaan kepada BAFIA itu sedikit di mana kita hendak selaras dengan

perbadanan insurans deposit, kemudian terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat kita bangkitkan terutamanya agak mereka bangkitkan apa yang pemahaman di peringkat bawah, di peringkat layak agak terkeliru apabila pengumuman ataupun pelaksanaan PIDM ini yang telah kita luluskan ini hendak dilaksanakan. Terutamanya mengenai satu perkara, perkara yang kita bincang Seksyen 7 iaitu mengenai kuasa Menteri untuk membatalkan lesen ataupun bank-bank yang berlesen ataupun syarikat kewangan di bawah BAFIA apabila institusi itu ataupun bank ataupun syarikat kewangan itu terhenti menjadi anggota di bawah PIDM, terhenti menjadi anggota di bawah perbadanan insurans deposit, malah ada rakan sahabat kita daripada Jerai, Yang Berhormat? Lena dah? *[Ketawa]*

Yang Berhormat Jerai ingin meminta penjelasan adakah sehinggakan seolah-olah kuasa Lembaga Pengarah PIDM ini mengatasi kuasa menteri, jadi izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjelaskan. Sebenarnya dalam konteks ini kita ingin meminda Akta BAFIA. Dalam Akta BAFIA ini mengatakan bank-bank dan institusi kewangan itu adalah tertakluk kepada BAFIA di bawah akta ini, tetapi sebagaimana kelulusan kita kepada PIDM Akta Perbadanan Insurans Deposit kita katakan setiap....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat dahulu bahawa PIDM ini ialah kita adakan, kita wujudkan PIDM ini bagi menguatkan lagi jaringan keselamatan sistem kewangan negara kita. Di mana kalau kita tengok selepas krisis 1998 kita usaha gabungkan bank-bank kecil supaya menjadi teguh, ini berjaya.

Yang kedua, kita adakan PIDM ini bagi menjamin wang-wang deposit oleh pendeposit-pendeposit supaya mereka ini dijamin bayaran cepat sekiranya berlaku masalah kepada bank-bank, jadi ini kita telah luluskan kerana kepentingan PIDM ini semata-mata kepada pendeposit. Dalam PIDM yang kita luluskan itu menyatakan dalam Seksyen 4 bahawa syarikat kewangan ataupun bank-bank ini akan terhenti menjadi anggota, contohnya apabila ianya bergabung dengan bank lain, ataupun apabila lesennya ditarik. Lesen bank itu ditarik oleh Bank Negara ataupun Menteri Kewangan. Kita katakan di sini juga proses-proses yang terhenti ini - satu, pembatalan, kedua, penamatan.

Di sini jelas saya ingin secara teknikal sedikit kerana Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya dalam proses PIDM kita tidak hendak kata PIDM lebih kuasa daripada Menteri kerana PIDM apabila dia mendapati sesebuah bank itu tidak berdaya maju, maka lembaga pengarahnya akan memberi notis dan memberitahu Menteri selama 15 hari dalam tempoh dua minggu bahawa bank ini tidak berdaya maju dan perlu mengambil tindakan membatalkan lesen. Menteri boleh mengarahkan lembaga pengarah supaya tidak membenarkan bank itu ataupun lesen itu dihentikan, ataupun dalam keadaan yang lain Menteri berdiam diri maka PIDM beranggapan proses penamatan itu berlaku kepada lesen berkenaan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks rang undang-undang hari ini apabila PIDM tidak ada ataupun jaminan tidak ada untuk pendeposit di sebuah bank itu kerana sudah dibatalkan, maka Akta BAFIA juga kena ditukar dan kita kena pinda bahawa apabila terhenti di situ bermakna berhentilah lesen. Tidak boleh beroperasi sebagai bank ataupun institusi kewangan. Itulah rasionalnya, Tuan Yang di-Pertua Seksyen 7 ini.

Manakala isu yang kedua, mengenai kerahsiaan Seksyen 9 di mana dalam 98(a) kita bersetuju untuk menambah, membenarkan apa-apa pendedahan akaun, hal ehwal pelanggan oleh sesuatu bank yang berlesen atau syarikat kewangan di bawah BAFIA 1989 kepada PIDM.

Ini perlu, bukanlah sewenang-wenangnya Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam BAFIA 1989, Akta Bank ini dia jelas apa kerahsiaan di bawah seksyen tertentu di dalam akta ini, pendedahan akaun ataupun pendedahan maklumat kepada orang-orang tertentu. Oleh kerana PIDM ini juga satu institusi yang baru maka kita perlukan maklumat daripada BAFIA itu sendiri, kalau tidak mereka tidak boleh beroperasi maka pindaan ini kita buat. Jadi disebut di situ pengarah, ahli lembaga pengarah, pengurusan, kakitangan dan sebagainya. Tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat mereka ini masih tertakluk kepada Akta Kerahsiaan di bawah BAFIA itu sendiri. Jika berlaku kegagalan ataupun salah guna kuasa mereka tertakluk kepada Akta BAFIA dan boleh disabitkan kesalahan apabila berlaku kesalahan selain daripada untuk menjalankan tugas di dalam PIDM itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya, ingin saya jelaskan juga kekeliruan ataupun perkara yang dibangkitkan mengenai PIDM iaitu premium ataupun jaminan yang diberikan hanyalah jumlah yang agak terhad iaitu sejumlah RM60,000 tidak menjamin kepada jumlah sepenuhnya, jumlah-jumlah yang lain maka menjadi kebimbangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apakah dengan sistem yang ada sekarang ini maka ia seolah-olah sistem perbankan ataupun sistem kewangan negara ini hanya menjamin setakat jumlah itu sahaja dan apa akan berlaku kepada jumlah selebih daripada itu.

Jadi, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua menjelaskan bahawa sebenarnya dalam kelulusan kita kepada Akta PIDM yang kita luluskan dahulu, pertama kita kena ingat Ahli-ahli Yang Berhormat pun maklumkan bahawa RM60,000 ini diambil pukul rata daripada 95% daripada jumlah akaun ataupun amaun yang ada dalam pemegang-pemegang akaun di negara kita. Walaupun 5% lagi merupakan lebih daripada RM60,000 ia merupakan 65% pula daripada jumlah aset ataupun deposit di dalam sistem perbankan tetapi kita kena ingat sebenarnya RM60,000 ini bukanlah semata-mata kepada satu akaun.

Saya ingin jelaskan sekali lagi bahawa akaun RM60,000 ini tertakluk kepada; satu, akaun individu; dua, *joint* akaun ataupun akaun bersama; dan yang ketiga *trust* akaun, akaun yang melibatkan anak kita barangkali yang diamanahkan kepada keluarganya, jadi tiga akaun bermakna RM180,000. Kalau dalam satu bank mempunyai dua cabang, satu konvensional, satu *Islamic* bank, akaun syariah maka tiga ini akan berlaku juga akaun Islam bermakna 60, 60 kali 3, 180 kali 3 lagi ada 180, 6 akaun dalam satu bank. Begitu juga mereka bebas untuk akaun-akaun di bank-bank yang lain, macam ini juga akaun di bank A, bank B, bank C dan sebagainya.

Manakala Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi penjelasan bahawa lebih daripada RM60,000 ataupun selebih daripada jumlah RM180,000 ramai lagi kita ada 5% lagi yang mempunyai akaun-akaun selebih ini. Sebenarnya bukanlah kita boleh lepaskan bahawa mereka ini wang mereka ini tidak dijamin oleh PIDM. Saya ingin jelaskan bahawa sebenarnya BAFIA dalam Akta Bank itu sendiri dengan dibangkitkan oleh Bandar Kuching, SRR *reserve* kita yang Bank Negara ambil 4% sebenarnya masih lagi tertakluk kepada tanggungan di bawah BAFIA di setiap akaun itu ditanggung jawabkan kepada bank kemudian sebagaimana sekarang ini sebelum PIDM wujud.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Kalabakan, sila.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kurang jelas bagi saya tentang satu bank boleh kita membuka tiga akaun. Jadi boleh Yang Berhormat mungkin jelaskan semula cara-cara. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Kalabakan. Sebenarnya ini dalam Akta PIDM mengatakan akaun-akaun yang dijamin bagi insurans deposit adalah akaun-akaun yang berbeza yang dianggap berbeza yang ditanggung ataupun dijamin sebanyak RM60,000 itu. Katakanlah Bank A satu bank, akaun yang terlibat adalah akaun individu, akaun bersama dan akaun tanggungan ataupun akaun amanah maksudnya *trust* akaun. Jadi kalau kita mempunyai dua sistem, satu akaun *conventional*, ketiga-tiga tadi, satu lagi akaun *Islamic 'window'* ketiga-tiga tadi, jadi tiga-tiga itu dijamin oleh PIDM bermakna bagi setiap bank. Kalau kita ada enam akaun dalam bentuk tadi di bank yang lain juga ditanggung juga oleh PIDM. Ini untuk RM60,000 yang dibangkitkan.

Tuan Chong Chieng Jen: [*Bangun*]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk itu *trust* akaun bagi kanak-kanak kita, kalau ada dua orang anak ada dua *trust* akaun, bagaimana PIDM *operate*? Adakah kedua-dua *trust* akaun itu RM60 *diinsured*kan atau kedua-dua atau jumlah itu kedua-dua itu *trust* akaun? Kalau saya ada dua orang anak, kedua-duanya saya ada *separate trust* akaun. Berapakah PIDM akan tanggung?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya percaya kalau entitinya berbeza sebegitu ia dianggap entiti yang berbeza akaun asing-asing akaun lain-lain. Tetapi yang dibangkitkan oleh kita banyak di Dewan kali ini di mana seolah-olah ada kekeliruan, seolah-olah bank di negara kita ini hanya akan menanggung RM60,000 sahaja, ini yang dibangkitkan. Saya hendak jelaskan Ahli Yang Berhormat sebenarnya sekarang ini PIDM belum laksana. Akaun-akaun yang berada dalam bank-bank kita sekarang ini selamat. Sebelum dari sekarang ini akaun-akaun ini kita jamin oleh

kerajaan secara tersirat. Kalau berlaku masalah pada bank tentu sekali macam berlaku tahun 1998 pendeposit langsung tidak bimbang kerana kerajaan kita memberi jaminan. Kemudian bank-bank pula mempunyai tanggungan mereka di bawah BAFIA ya, tanggungan mereka bawah Akta Bank untuk membayar mendahului deposit ini.

Sebab itulah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dapati kita tubuhkan PIDM ini setelah sistem kewangan kita sudah teratur - penggabungannya, kekuatannya, okay. Sekarang kita tubuhkan PIDM untuk sebenarnya bukan lagi jaminan kerajaan *immediate* tetapi setakat RM60,000 jaminan serta-merta oleh bank itu sendiri. Kerana di kalangan bank-bank ini menjadi anggota kepada PIDM mengeluarkan sedikit sumbangan dan PIDM menguruskan apabila berlaku dalam kadar yang segera, jumlah 95% pelanggan-pelanggan bank di seluruh negara kita ini terbela dengan kadar segera, tidak perlu berlaku panjang cerita dalam tempoh yang panjang dan sebagainya.

Tuan Teng Boon Soon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tebrau.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila, sila Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat saya minta penjelasan. Andai kata tentang akaun gabungan, bukan *trust account*, tetapi *joint account* - A dan B, satu akaun. Kemudian orang yang sama A dan C juga satu akaun. Adakah dua-dua akaun itu dianggap dua akaun ataupun oleh kerana kedua-dua itu ada A di dalam dianggap satu akaun. Ini telah menimbulkan banyak kebimbangan di kalangan rakyat apabila mereka simpan duit di dalam bank. Adakah wang deposit itu *fixed deposit* itu dapat terjamin. Ini akan menimbulkan *havoc* di kalangan rakyat. Saya harap dia boleh jelaskan dengan sejelas-jelasnya.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tebrau. Tuan Yang di-Pertua inilah kebimbangan itu tugas kita Ahli-ahli Yang Berhormat menerangkan bahawa kita luluskan akta-akta ini untuk melenyapkan kebimbangan mereka. Yang pertama, sebelum PIDM ini wujud setiap akaun yang ada dalam negara kita dijamin oleh BAFIA dan Bank Negara ataupun kerajaan kita. FD baik, banyak mana akaun pun baik ini dijamin, tetapi tambahan jaminan sekarang ini diwujudkan di kalangan bank-bank menubuhkan PIDM ya, tambahan ini *extra* jaminan. PIDM ini diwujudkan daripada bank

sendiri kemudian RM60,000 itu daripada akuan yang berbeza. Dan saya percaya apa Yang Berhormat bangkit tadi jangan keliru kalau entitinya berbeza, akaunnya berbeza, akaunnya itu ditanggung oleh PIDM, ya.

Jadi ini jelas kerana kita tidak hendak apa yang dibimbangkan oleh akta yang kita luluskan ini seolah-olah kita melihat kepada RM60,000 sahaja tanggungan. Sebenarnya apa yang berlaku adalah untuk menyelaras keseluruhan 95% pemegang akaun di seluruh negara di kalangan semua bank kita ini terbela dalam masa yang cepat dengan penubuhan PIDM ini. Ini telah diluluskan oleh kita sebenarnya, tetapi saya hendak selesaikan kerana banyak kekeliruan dibangkitkan oleh pembangkang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk penjelasan, untuk memberi penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: Ya Yang Berhormat, pendek kata tanpa kira berapa banyak jumlahnya satu akaun *fixed deposit* andai kata RM100,000 *fixed deposit* sekiranya berlaku apa-apa kepada bank itu. Penyimpan *fixed deposit* itu akan mendapat balik wang yang disimpan sebagai *fixed deposit* sungguhpun melebihi RM60,000 yang dijanji diliputi dengan insurans tambahan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Begitulah Yang Berhormat begitulah sebenarnya. Yang PIDM ini tambahan jaminan oleh bank-bank sendiri untuk menjamin jumlah 60,000 yang kita kata yang marhaen ini yang ramai-ramai ya. Yang lain-lain ini yang 5% lagi jumlahnya tentu sekali melebihi 60,000 sebenarnya BAFIA itu sendiri itu sudah menjamin apa lagi Kerajaan Malaysia memberi jaminan. Dalam krisis 1998 sendiri pun semua tidak ada masalah dalam penutupan bank, penggabungan bank semua kita selesaikan dengan memberi keyakinan. Pelabur luar, dalam negara dan luar negara yakin kepada sistem kewangan kita, inilah sebenarnya yang berada. Jadi saya ingat lepas pada ini tidak usah kita kelirukan lagi. Yang kita luluskan di Dewan Parlimen ini untuk memperkukuhkan lagi sistem jaringan keselamatan ataupun yang mudahnya pemegang-pemegang akaun, pendeposit-pendeposit yang terdiri daripada orang ramai dalam negara kita. Jadi....

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Dalam ucapan saya pada hari pertama rang undang-undang ini dibahaskan, saya yang menyuarakan kebimbangan. Sememangnya saya cuba menjelaskan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada orang yang bertemu dengan saya, tetapi mereka masih belum yakin terhadap penjelasan ini dan ini kita tidak menyalahkan pencarum-pencarum sebab lihatlah sahaja dari kenyataan *Chief Executive Officer*, perbadanan ini sama sekali tidak meyakinkan dan tidak memberi penjelasan seperti apa yang diberikan.

Apakah contoh yang beliau pakai, bahawa kalau suka seorang pendeposit boleh buat deposit di 32 buah bank dan institusi kewangan, yang mana dia sendiri pun tidak percaya bahawa seseorang akan buat begitu. Kalaulah kita dengar penjelasan seperti apa yang diberikan oleh Yang Berhormat, kita faham lebih banyak tentang operasi skim deposit insurans ini.

Jadi saya rasa memang tidak jelas lagi sebab pada dahulunya, tujuan perbadanan ini adalah untuk menggantikan apa yang tersirat kepada apa yang tersurat dengan lebih jelas lagi. Tetapi apa yang lebih jelas itu tidak meyakinkan langsung, khususnya kepada 5% pemegang deposit yang mengandungi 65% daripada jumlah deposit di dalam sistem kewangan kita. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan, Bank Negara khususnya untuk terus memberi apa yang tersirat kepada 65% deposit dalam sistem kewangan kita.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa penjelasan saya Yang Berhormat sudah faham. Cuma Yang Berhormat ragu kefahaman apabila *statement* Yang Berhormat kata itu, saya sebenarnya tidak ada dalam majlis berkenaan dan kita tahu pertanyaan apa dan situasi yang diberi jawapan oleh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tetapi saya percaya dalam bahasa yang mudah, jawapan itu untuk memberitahu orang ramai kalaulah RM60 ribu sahaja kita hendak dalam kaedah cepat dalam menjamin PIDM ini, tidak termasuk BAFIA tadi, banyaklah prosesnya, Yang Berhormat.

Prosesnya satu-satu bank itu sudah tidak berdaya maju, ada proses sampai penggulungan dan sebagainya, tentu sekali sampai ke pemegang amanah dan sebagainya, itu banyak dan panjang prosesnya. Barangkali tidak secepat PIDM. Jadi

dalam jawapan itu barangkali Ketua Eksekutif PIDM yang di dalam situasi berkenaan, dia melambangkan kalau hendak cepat dan dia tentu sekali berkempen kepada PIDM. Tanggungjawab PIDM adalah kalau 32 bank kita ada akaun dalam bentuk RM60 ribu sahaja, memang jawapan itu berkenaan - RM60 ribu sahaja, sebab PIDM itu semuanya RM60 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga rakan-rakan kita bangkit mengapa tidak lebih daripada RM60 ribu? Contoh yang diberi jangan kata, jangan contoh negara-negara jiran tetapi negara maju seperti Kanada. Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat, Kanada bermula pada tahun 1970 insurans deposit ini, bermula dengan RM60 ribu juga, Canadian Dollar dan hanya pada tahun 1990, selepas 20 tahun, baru ditambah kepada RM100 ribu. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran, Thailand – USD25,210 ribu, Hong Kong – USD13,153, Singapore – USD12,084, dan Indonesia – USD11,579. Bagi negara kita, USD31,579 mengatasi negara-negara lain di rantau ini.

Jadi saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa inilah komitmen PIDM, inilah Yang Berhormat yang kita luluskan akta itu dan sejajar dengan hasrat kita untuk memperkuat sistem perbankan negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada isu yang dibangkitkan. Itulah perkara-perkara pokok mengenai kaitan kepada rang undang-undang yang kita bincang. Jadi sebagaimana yang saya kata tadi, saya ucap terima kasih kerana ramai rakan kita yang membangkitkan soal atau perkara yang lain dan berkebetulan dengan kita mempunyai masa yang baik jadi banyak yang kita bangkitkan, ini soal penyertaan bank-bank komersial, khususnya, termasuk juga bank di bawah Akta Pembangunan Bank dan Institusi Kewangan, Bank Pertanian, Bank Pembangunan.

Ada juga yang bincang pasal di bawah Akta Tabung Haji, terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada juga pasal unit trust, Yang Berhormat bagi Tangga Batu khususnya dan peranan-peranan SMI, peranan untuk meningkatkan IKS kita ini dan masalah-masalah pekerja bank dan sebagainya, sehinggalah kepada duit syiling yang sekarang ini Bank Negara minta tukar yang RM1 itu, dan juga yang paling hangat yang saya nampak, C-TOS, Basis dan sebagainya.

Terima kasih kepada Yang Berhormat. Semua yang dilaporkan itu memberi maklumat serta pendedahan kepada sistem kewangan ataupun sistem pelaksanaan bank-bank yang sedia ada di negara kita ini, termasuk pada hari kelmarin saya nampak Bank Negara berkeinginan untuk ke Temerloh apabila saudara kita, Yang Berhormat bagi Lipis bangkitkan. Maklumat akhir saya tidak dapat lagi, Yang Berhormat, saya minta maaf, tetapi saya percaya satu tindakan tegas akan diambil kalaulah semata-mata alasan diberi sebagaimana kata Yang Berhormat semalam, saya percaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih juga kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Putatan. Saya dapat maklumat, Tuan Yang di-Pertua, sebelum berucap ini bahawa kes Putatan telah selesai. Setahun tunggu, bangkit hari ini, selesai. Jadi, terima kasih.

Jadi itulah saya rasa peranan kita ataupun apa yang dibangkit di Parlimen ini kita berharap tidak sekadar dibangkitkan dan ianya akan menjadi dasar, akan menjadi arahan, akan menjadi kekuatan kepada sistem di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membantu ataupun menjelaskan sedikit sebanyak apa yang dibangkit dalam Akta Bank ataupun BAFIA sementara pindaan ini dibincang, kita menyentuh soal-soal ataupun perkara-perkara yang berkenaan.

Pertama, apa yang kita katakan, saya minta maaf kerana terlalu banyak sangat, saya tumpu kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, Ahli Yang Berhormat masing-masing. Beliau mengatakan penggunaan tunai dicaj RM2 apabila orang kedua datang untuk tunaikan cek. Sebenarnya perkara ini bertujuan untuk melindungi pelanggan daripada berlakunya *fraud* dan berlakunya kecuaiian serta masalah-masalah tertentu kepada pembawa cek berkenaan. Tetapi kalau pihak pertama sendiri mengeluarkannya, tidak ada caj. Oleh itu pelanggan digalakkan untuk menggunakan saluran-saluran alternatif yang lain untuk mendapatkan tunai seperti mana ATM dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara yang dibangkitkan oleh rakan kita, Yang Berhormat bagi Jerai, Ledang, Tangga Batu dan ramai lagi kawan-kawan, saya lupa, tetapi semuanya membangkitkan soal C-TOS ataupun Basis. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, C-TOS ini adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan oleh Akta Syarikat, kemudian tugasnya ataupun bentuk perniagaannya adalah untuk

mendapatkan maklumat-maklumat awam daripada pihak-pihak seperti mahkamah, keputusan kebangkrapan dan sebagainya.

Jadi data-data yang didapati oleh mereka ini sebenarnya tidak diarah oleh Bank Negara untuk diwajibkan ataupun dimestikan menjadi dasar kepada setiap urusan di bank-bank perdagangan. Tetapi lebih kepada untuk memberi pengenalan kepada pelanggan, maka pegawai-pegawai ataupun bank-bank berusaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, maka C-TOS ataupun Basis ini digunakan. Tetapi sukacita saya nyatakan persatuan bank-bank..

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada kemungkinan atau tidak C-TOS ini boleh melanggar hak asasi yang termaktub dalam perlembagaan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya nampak Tuan Yang di-Pertua, C-TOS ini menawarkan khidmat dan apa yang dimasukkan ke dalam maklumat mereka adalah apa yang telah diputuskan dalam negara. Tetapi mereka tidak ada di bawah akta mana-mana ataupun arahan mana-mana pihak supaya wajib diikuti. Jadi saya sukacita jelas kerana di sini terlibat dengan Bank Negara dan arahan Kementerian Kewangan tidak ada, kerana melainkan di Bank Negara kita mempunyai satu sahaja biro kredit di bawah Akta Bank Negara 1958 yang kita panggil Sistem Rujukan Maklumat Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System) (C-Cris) juga dibangkit oleh ahli Yang Berhormat iaitu C-Cris.

Jadi ini maklumat rasmi daripada Bank Negara dan persatuan-persatuan bank dikehendaki mendapat maklumat ini sebelum ataupun sebagai rujukan sebelum sesuatu pinjaman dikeluarkan. Tetapi mengenai C-TOS, BASIS dan sebagainya itu tidak diwajibkan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Jadi ke hadapan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, sila Bera, sudah bunyi dah?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kalau kita lihat memang bank sekarang menjadikan C-TOS sebagai bahan rujukan untuk setiap kali pinjaman atau hendak membuka akaun bank dan sebagainya. Ada kedapatan bahawa rujukan ataupun gambaran yang diberikan oleh C-TOS itu tidak memberikan gambaran yang sebenarnya mengenai peminjam-peminjam tersebut. Tetapi oleh kerana bank terlampau bergantung pada C-TOS akhirnya orang yang patut mendapat pinjaman dan sebagainya dinafikan haknya.

Saya hendak beri contoh, ada seorang kawan saya, dia menjadi pengarah kepada syarikat yang digulung, dia menjadi pengarah kepada *wound-up company*, kompeni yang sudah *wound-up*, tetapi dia tidak pernah menjadi penjamin, *personal guarantee* atau apa-apa pun. Jadi tidak ada *legal implication*, dengan izin, kepada dia. Tidak ada, tidak ada apa-apa, tetapi dia *just merely a director to a wound up company*. Tidak ada apa masalah, tetapi kerana ada namanya dalam C-TOS, bank terus *reject* dari segi permohonan pinjaman dan sebagainya. Apabila dia diberitahu tentang masalah itu, C-TOS mengeluarkan surat kepada bank tersebut mengatakan tidak ada kesan perundangan terhadap orang ini, cuma dia semata-mata menjadi pengarah semasa kompeni itu *wound up*, jadi akhirnya dia dapat pinjaman tersebut.

Jadi ini menunjukkan bahawa walaupun keadaan sebenarnya tidak ada masalah tetapi kerana adanya nama dia tersenarai dalam C-TOS dia tidak dapat apa-apa, tetapi menjadi masalah kepada dia. Setiap kali dia meminjam, masalah, setiap kali hendak buka akaun bank, masalah dan terpaksa setiap kali mendapatkan surat daripada C-TOS, mendapatkan surat keterangan daripada C-TOS mengatakan dia tidak ada masalah perundangan dan sebagainya. Jadi C-TOS merupakan masalah dan bagaimana pihak Bank Negara boleh membenarkan bank-bank menjadikan C-TOS sebagai sandaran untuk setiap kali peminjam membuat pinjaman, hendak buka akaun dan sebagainya. Jadi boleh atau tidak Bank Negara beri arahan kepada bank-bank

tidak payah gunakan C-TOS lagi. Biar C-TOS orang lain gunakan kerana C-TOS menyusahkan orang ramai. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Bera. Saya akui Yang Berhormat, sebagaimana dua, tiga hari semalam pun Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan kita membangkitkan pengalaman sendiri dan sebagainya. Jadi kita tegaskan bahawa dalam soal ini Bank Negara mengingatkan semua institusi perbankan supaya berhati-hati jika sebenarnya mereka ini pelanggan perkhidmatan C-TOS. Jadi kita ingatkan mereka berhati-hati dalam soal menyelidik dan menggunakan maklumat-maklumat ini dan kita arahkan mereka supaya pastikan setiap penyelidikan ataupun maklumat-maklumat yang mereka perolehi itu adalah betul dan sahih supaya ia tidak akan membebankan ataupun menjadikan masalah seperti Yang Berhormat bangkitkan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pulaui bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila Pulaui.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan masalah C-TOS ini merupakan masalah yang membebankan ramai peminjam, saya hendak bertanyakan sama ada kerajaan bercadang untuk mengadakan *credit rating bureau* seperti yang dilaksanakan di Amerika Syarikat di mana sejarah setiap rakyat atau *credit rating* mereka direkodkan sepanjang umur hidup mereka dan *credit rating* ini mempunyai maklumat mengenai rekod baik mereka dan juga rekod tidak baik mereka. Sejarah *credit-worthiness* mereka ini digunakan sebagai penilaian untuk mereka mendapatkan pinjaman dan sebagainya. Jadi, itu pada pandangan saya merupakan satu sistem yang lebih adil di mana seseorang peminjam itu dinilai dari segi baiknya sebagai peminjam dan juga buruk mereka sebagai peminjam sekiranya mereka tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik, saya minta penjelasan terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya wakil Bank Negara ada di sini dan saya percaya itu sebaik-baiknya dan kita bekerja ke arah itu. Cuma saya ingin pastikan sebagaimana yang kita bincangkan, C-TOS ini saya ingin sebenarnya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa C-

TOS mempunyai ruang dalam laporan mereka sebenarnya supaya setiap pelanggan kalau mereka sebelum pergi ke bank boleh melayari maklumat dalam C-TOS, kalaulah maklumat itu tidak betul mereka boleh menambah, ada ruang untuk menambah.

Jadi walau bagaimanapun, kita berharap, sekali lagi saya berharap bank-bank perdagangan jangan menjadikan C-TOS ini semata-mata kitab ataupun pegangan mereka untuk sesuatu pinjaman.

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ledang.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak sambut Bera tadi, berbalik tentang C-TOS. Saya di sini kita rasa lega dengan jawapan daripada Timbalan Menteri di mana Timbalan Menteri mengatakan bahawa adalah diharapkan bahawa bank-bank tidak terikat dengan atau bank-bank tidak menjadikan maklumat daripada C-TOS ataupun BASIS itu sebagai suatu rujukan yang muktamad. Tetapi persoalan saya sekarang ialah yang berlaku di bawah berlainan, sebab yang saya faham dan saya sendiri mengalaminya pegawai-pegawai bank dia mengambil jalan mudah, terutama pegawai-pegawai bank di peringkat bawah. Persoalannya ialah apakah jaminan daripada jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa selepas ini tidak berlaku lagi penganiayaan kepada mereka yang namanya tersenarai dalam C-TOS untuk mereka berurusan dengan bank sama ada meminjam kah, buka akaun kah dan sebagainya. Kita hendakkan jaminan.

Kalau katakan di dalam Dewan yang mulia ini ada jaminan, saya yakin selepas ini rakyat akan lega, sebab yang menjadi mangsa sekarang ramai. Yang menjadi mangsa terlalu ramai, kontraktor kelas F. Kita hendak bercakap dan berhujah tentang ekonomi bumiputera 30%, tetapi kebanyakan mereka melebihi 5% namanya ada dalam C-TOS, tetapi kita juga lega apabila kebanyakan mereka walaupun nama dalam C-TOS sebenarnya tidak pun berhutang. Mereka hanya menjadi Lembaga Pengarah kepada syarikat yang telah di *wound up*, seperti yang disebut oleh Bera tadi dan macam-macam lagi. Kadang-kadang kita hendak tolong kawan, kita teraniaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan jaminan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa selepas ini C-TOS atau BASIS tidaklah menyusahkan kita lagi. Janganlah ada pegawai-pegawai bank yang menjadikan itu sebagai sesuatu yang muktamad, tetapi kalau Bank Negara menjadikan asas senarai yang ada di dalam C-Cris itu muktamad, maka itu tidak mengapa – itu Bank Negara, tetapi C-TOS dan BASIS adalah syarikat, macam syarikat saya juga tidak ada hak. Tetapi telah menjadi sesuatu yang telah dianggap muktamad oleh pihak bank. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Cuma saya hendak tambah sahaja. Minta Yang Berhormat Menteri pertamanya C-CRIS, FIS dan C-TOS ini dia bukan C-TOS sahaja. Jadi sekarang ini banyak sangat syarikat-syarikat sendirian berhad, kalau macam itu saya pun boleh tubuh satu syarikat kemudian masalahnya ialah masalah maruah. Kadang-kadang kita malu kerana benda sudah selesai, tetapi pihak bank kata, “Tidak boleh” kerana dalam C-TOS, kemudian kita kena pergi dekat C-TOS. Bawa surat kepada C-TOS lalu C-TOS caj pula bukan *free*. Ini bermakna dia makan atas kesusahan orang, keuntungan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ledang tadi, apakah Bank Negara tidak boleh menyekat benda-benda macam ini, kerana Bank Negara ada *authority* untuk bagi *instruction* kepada pihak bank supaya syarikat-syarikat yang tidak diiktiraf oleh Bank Negara, dia tidak dapat lesen ataupun kebenaran daripada Bank Negara untuk hendak lihat kredit seseorang itu. Macam mana boleh buat macam itu. Ini menyusahkan orang. Kadang-kadang macam saya kata dia hendak *rolling* hendak hidup, berniaga kadang-kadang macam kain selimut tu pendek – “tutup dada kaki nampak, tarik kaki dada nampak”, tetapi hendak berniaga. Jadi kerana C-TOS mai, C-CRIS mai, FIS mai apa pun tidak boleh, minta itu tak boleh minta ini tak boleh, kadang-kadang dia lambat bayar *income tax*, maklum kita wakil rakyat pun kadang-kadang *income tax* lambat juga bayar, dah C-TOS mai. Benda yang menyusahkan dan dalam masa yang sama kita hendak suruh pertumbuhan ekonomi, yang ini bermasalahlah. Tidak bolehkah Bank Negara bagi satu kata putus bank-bank hendak pakai apa pun rujuk kepada Bank Negara sendiri, tak payah guna syarikat-syarikat sendirian berhad yang mengambil kesempatan dan menyusahkan masyarakat kita, di negara kita ini. Saya rasa benda ini mudah

sahaja apa yang sudah sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Beritahu sahaja dan beri arahan sahaja, selesai. Saya pun sangkut juga sikit-sikit.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya saya kata tadi C-TOS ini menawarkan khidmat dan dilanggan oleh bank-bank. Bank Negara kita ini sebagai pengawal pelaksanaan bank-bank dan bank-bank ini pula kita melihat kepada sumbangan mereka berniaga, mereka mesti untung, mereka mesti kuat dan sebagai. Cuma maklumat yang kita dapat sekarang ini apabila banyak seolah-olah bank-bank ini menggunakan C-TOS semata-mata, bukan menggunakan C-TOS sebagai hanya rujukan awal untuk mengenal pelanggan. Jadi masalahnya itu maka dengan ini

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [*Bangun*]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sekejap Yang Berhormat Lipis. Saya hendak beri jaminan, saya percaya pertamanya Bank Negara sebagai pengawal, maklum kemudian kepada rakan-rakan dan juga pelanggan-pelanggan bank kita minta, oleh kerana kita mempunyai saluran di bawah Bank Negara. Kita mempunyai Jabatan Pengawasan Bank yang boleh dibuat aduan bila-bila masa melalui laman *website* dan sebagainya, mengenai kemungkaran ataupun ketidakadilan bank-bank ini yang melayan pelanggan-pelanggan mereka, mengambil mudah ataupun tidak mendalami sesuatu usaha untuk menghukum pelanggan-pelanggan mereka. Sila Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya tadi saya hendak mendengar perkataan "jaminan" itulah tentang C-TOS tu, tetapi belum cukup padulah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ha, itu dia.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Jadi adakah jaminan daripada kementerian bahawa C-TOS tidak digunakan untuk menyusahkan terutama pelanggan-pelanggan bank, terutama daripada pendapatan kecil. C-TOS itu ditiadakan, boleh tak Yang Berhormat?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, sebut jamin itu mudah, tadi RM60,000 dan sebagainya. Saya hendak sebut di sini bukan payah hendak sebut, tetapi soalnya saya jelaskan tadi C-TOS ini dia berjalan seperti syarikat biasa membuat pengumpulan maklumat-maklumat awam tidak salah dia, ya. Kemudian dia

jual maklumat-maklumat ini, dia berlanggan kepada bank dan bank sebagai institusi perniagaan hendak mengurangkan risiko, untuk memastikan setiap peranan mereka itu berdaya maju, menguntungkan kepada bank, kalau tak untung kita marah pula. Jadi mereka menggunakan C-TOS ini sebagai sumber maklumat.

Yang kita tidak hendak sumber maklumat itu semata-mata C-TOS, sebab kita tahu C-TOS ini bukan badan kerajaan, dia tidak ada kesahihan, dia hanya memungut maklumat dan kadang-kadang dengan syarikat kecil sendirian berhad tidak mungkin dia dapat maklumat, maklumat mungkin jauh, tidak terkini kemudian lupa pula hendak batalkan dan sebagainya. Jadi sekarang ini kita berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana mendedahkan bahawa kelemahan C-TOS ini jauh daripada *par*, jauh daripada taraf untuk kita jadikan macam rakan kita daripada Kulai bangkitkan tadi. Apa yang kita hendak tuju tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat yakin apabila pendedahan ini banyak berlaku kepada Yang Berhormat sendiri, berlaku kepada pengadu-pengadu dan Bank Negara boleh mengambil jaminan, pertamanya sila laporkan secara rasmi kepada Jabatan Pengawasan Bank, kemudian sekiranya berlaku penyelewengan seperti saya katakan tadi saya percaya kerajaan kita bertanggungjawab. Kita perlu mengambil tindakan untuk tidak menganiaya kepada pelanggan ataupun tidak sewenang-wenangnya bank ini menggunakan C-TOS sebagai mangsa kepada orang ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ingat kalau boleh Yang Berhormat, saya hendak cadangkan tutup sahaja syarikat ini tidak usah guna. Bank Negara lantik satu lagi badan lain di bawah Bank Negara untuk mengumpul maklumat-maklumat yang betul, itu lebih baik. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya bahawa isu ini agak tersentuh kerana ia melibatkan kewangan, integriti dan melibatkan bank itu sendiri jadi kita persoalkan, kita bercakap selama tiga hari. Kalau bank itu hendak dipanggil "profesional", dengarlah suara Parlimen ini bahawa

mereka mesti betul-betul profesional. Saya percaya Yang Berhormat, saranan itu kita ambil pakai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, itu jaminan daripada Yang Berhormat dan kita faham. Di sini memang benda itu lantang, tetapi kita bimbang bila sampai ke bahagian bawah kerana kita tahu dalam usaha kita hendak menghapus birokrasi, amat sukar. Pengaruh Barat 400 tahun amat sukar untuk kita bendung dan hapuskan, apatah lagi budaya sudah lama melekat dalam sanubari kita ini. Jadi saya rasakan kalau itu pandangan ramai tak salah kalau kita ubah pendekatan, kalau ia mendatangkan satu kebaikan kepada kita semua. Minta Bank Negara buat satu pendekatan, kita ubah dengan menubuhkan satu unit yang lebih baik, tidak guna lagi syarikat yang ada ini. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas cadangan Yang Berhormat Larut, saya percaya satu institusi kerajaan yang lebih berwibawa maksudnya untuk menggantikan ataupun menjadi sumber maklumat kepada institusi perbankan di negara kita. Tentu sekali kalau ada caj nanti pembangkang ataupun Yang Berhormat caj-caj kita tanggunglah, kerana ini satu maklumat yang tepat memerlukan usaha yang lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua, panjang juga yang kita bincangkan soal *service bank*, di mana kalau boleh saya gulung atau simpulkan bahawa banyak caj yang tidak munasabah sekarang ini dan sebagainya. Saya rasa kita semua dengar macam-macam yang saya catat pun terlalu banyak, tetapi cukup saya katakan Tuan Yang di-Pertua Bank Negara sentiasa terbuka untuk menerima laporan dan perbincangan di antara bank-bank oleh Bank Negara telah dibuat, di mana satu pekeliling bertarikh 1 Februari 2005 telah dikeluarkan memohon cadangan-cadangan ataupun apa jua supaya Bank Negara dapat buat penyelarasan soal *fees*, caj dan sebagainya. Segala cadangan-cadangan bank ini dan segala rungutan orang ramai ini dikumpulkan, dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Bank Negara sekarang ini telah selesai meneliti dan bersedia dan insya-Allah akan memperkenalkan langkah baru supaya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak habiskan ke atau hendak sambung besok?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Hendak tutup yang ini, nak tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: supaya langkah baru akan diperkenalkan dan diumumkan untuk memastikan caj ataupun fees ini diselaraskan di semua bank. Terima kasih Yang Berhormat, dah habis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat urusan kita hari ini selesai, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.